

**FALSAFAH NILAI DAN AKHLAK DALAM
STRATEGI KETENTERAAN ISLAM**

MUHAMMAD ATIULLAH BIN OTHMAN

**KOD PENYELIDIKAN: 08 – 19 – 33 – 07
DAPENA**

UNIVERSITI SULTAN IDRIS

2008

PENGAKUAN

Saya mengaku Laporan Akhir Penyelidikan ini adalah hasil saya kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

05.03.2009

Tandatangan
Muhammad Atiullah Othman

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada Allah s.w.t. KepadaNya ku hadapkan wajahku dengan perasaan tunduk dan berserah merupakan satu kekuatan dalaman untukku menghadapi segala tribulasi kehidupanku ini. Allah sahajalah sebaik-baik Pelindung dan keputusanNya adalah begitu segera. Dengan rahmat dan inayahNya, daku dapat selesaikan segala yang termampu melalui tulisan yang kerdil ini. Dengan penyerahan dan tunduk kepadaNya menjadikan yang susah kepada suatu yang mudah dan yang sukar kepada suatu yang melegakan. Melalui penghayatan wahyuNya; Al-Quran dan As-Sunnah membuahkan semangat yang tinggi. Segala puji bagiNya dari awal hingga akhir.

Penulisan kajian ini amat bergantung kepada pengajian hadi dan falsafah daripada guru-guru terutamanya Prof Dr Marwan Mustafa Syahin di Universiti Al-Azhar dan Universiti Kaherah, Mesir, yang secara langsung dan tidak langsung menyumbang cetusan idea. Begitu juga kepada Prof Dato' Dr Yaacob Haron yang telah menyumbang idea untuk menyempurnakan kajian ini.

Ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (Research Management Centre) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang membantu terutama Dekan Prof. Dr. Adnan Hj. Nawang, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Penguatkuasaan; Dr Ibrahim Hashim dan Timbalan Dekan Akademik; Dr Muhamad Suhaily Yusri Che Ngah dan rakan-rakan sejawat.

ABSTRAK

‘Falsafah Nilai dan Akhlak dalam Strategi Ketenteraan Islam’ merupakan satu perbincangan terhadap persoalan yang berkait rapat dengan isu-isu etika dan strategi di dalam mendaulatkan Islam sebagai satu cara hidup. Objektif kajian ini adalah membentuk kod etika yang kukuh dan mapan untuk setiap individu muslim yang terlibat di dalam perjuangan mendaulatkan islam dan sebagai respon kepada Barat. Selain daripada itu, kajian ini mengemukakan satu kerangka strategi yang baru agar menerangkan secara terperinci dari aspek etika dan strategi berdasarkan prinsip Akidah (Kepercayaan Islam), Syariah (Undang-undang Islam) dan Akhlak (Etika Islam). Kajian ini menggunakan kaedah diskriptif yang meliputi persoalan-persoalan yang merentasi etika perjuangan zaman Rasulullah sehingga para sahabat baginda berserta nas-nas Al-Quran dan Hadis. Hasil kajian ini adalah pemahaman satu sistem nilai dan kod etika yang sebagaimana terkandung di dalam sumber-sumber wahyu yang berdasarkan tiga bahagian justifikasi moral utama iaitu motif, tindakan dan kesan.

ABSTRACT

‘Philosophy of Value and Akhlak in Islamic Military Strategy’ is focus on ethical issues and strategies used by Muslim to uphold Islam as a way of life. The objectives of this research is to explore ethics and values among Muslims who struggle for the sake of Islam as a response to the Europeans and the Americans propaganda. Other than that, this research reveals a new strategy framework that explain in detail the Islamic ethics and strategy based on Aqidah (Islamic believe), Syariah (Islamic Law) and Akhlak (Islamic Ethic). The methodology of this research is descriptive that covers the History of Islam’s ethics since the era of prophet and his companions based on Al-Quran and Hadis. The outcome of this research is to create mutual understanding on Islamic values and ethics stated in the revealed books based on three major parts of moral justifications; motive, action and consequence.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	vii
 BAB 1	 1
Pengenalan	1
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	2
1.3 MASALAH KAJIAN	3
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	4
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	6
1.6 RUMUSAN	7
 BAB 2	 8
KERANGKA KONSEPSUAL KAJIAN	8
2.1 PENDAHULUAN	8
2.2 FALSAFAH NILAI DAN AKHLAK	8
2.3 RASULULLAH PELOPOR STRATEGI KETENTERAAN ISLAM.	18
2.4 KETENTERAAN ISLAM.	25
 BAB 3	 31
METODOLOGI KAJIAN	31
 BAB 4	 33
DAPATAN KAJIAN	33
4.1 PERSIAPAN DIRI TENTERA	33
4.1.1 NILAI KETEGUHAN JIWA.	34
4.1.2 NILAI MENGINGATI ALLAH.	37
4.1.3 NILAI KETAATAN.	41

4.1.4	NILAI KESATUAN DI DALAM BARISAN.	46
4.1.5	NILAI KESABARAN.	56
4.2	TANGGUNGJAWAB KETUA TENTERA	59
4.2.1	NILAI KEBERANIAN.	60
4.2.2	NILAI KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN.	61
4.2.3	NILAI KEPRIHATINAN.	62
4.2.4	NILAI KEPERWIRAAN.	63
4.2.5	NILAI KESEPAKATAN.	64
4.3	PERISIKAN	67
4.3.1	NILAI MUHASABAH.	68
4.3.2	NILAI KEPEKAAN.	72
4.3.3	NILAI KESEDIAAN.	74
4.4	PENGATURAN KEDUDUKAN TENTERA	77
4.4.1	NILAI PANTANG BERUNDUR.	78
4.4.2	NILAI JATI DIRI (IZZAH).	85
4.5	PENGGABUNGAN TENTERA	94
4.5.1	NILAI PERSAUDARAAN.	96
4.5.2	NILAI PERPADUAN.	101
4.6	KONFLIK NILAI TERHADAP NEGARA MUSUH.	107
4.6.1	DIPLOMASI.	108
4.6.2	GEMPUR.	114
BAB 5		120
KESIMPULAN DAN CADANGAN		120
5.1	KESIMPULAN	120
5.2	CADANGAN	122
5.3	KESIMPULAN	124
BIBLOGRAFI		125

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Kedudukan Akhlak Islam di dalam kerangka Falsafah.	9
Rajah 2: Kesenambungan tiga perkara utama di dalam teori moral.	13
Rajah 3: Salahuddin Al-Ayyubi, pemerintah Mesir melawat Ketua Tentera Salib, Raja Richard the Lionheart, sebagai satu praktik cara peperangan Islam yang banyak berbincang dan bersemuka walaupun peperangan sudah tercetus.	18
Rajah 4: Gerakan jihad Rasulullah saw mengikut rentetan tahun hijrah.	25
Rajah 5: Pembahagian kekuatan kepada dua bahagian dan kepentingan keduanya.	26
Rajah 6: Graf garis menunjukkan peningkatan bilangan tentera yang bersama Rasulullah di dalam medan perang.	30
Rajah 7: Peta kedudukan medan perang Hunain, kota Mekah dan Madinah.	40
Rajah 8: Peta menunjukkan empat arah kemasukan para pejuang bagi menakluki kota Mekah.	58

- Rajah 9: Statistik kehilangan jiwa tentera yang terlibat peperangan bersama Rasulullah saw. 71**
- Rajah 10: Kemaraan tentera pimpinan Muhammad saw untuk menyerang Bani Quraizah selepas perang Ahzab tamat. 73**
- Rajah 11: Penempatan para pejuang Muslim dan tentera Musyrikin Mekah sebelum perang Badar bermula. 75**
- Rajah 12: Kemaraan para pejuang dari kedua-dua belah pihak ketika perang Badar meletus. 76**
- Rajah 13: Kedudukan parit yang digali bagi menghalang kemaraan tentera musuh. 76**
- Rajah 14: Kedudukan para pejuang Muslim dan tentera Musyrikin Mekah sebelum perang Uhud meletus. 81**
- Rajah 15: Perang Uhud pada peringkat awal; kemenangan pejuang Muslim yang dibantu para pemanah di bukit Pemanah dan tentera Musyrikin berundur. 82**
- Rajah 16: Perang Uhud pada peringkat kedua; kemaraan tentera Musyrikin pimpinan Khalid Al-Walid merampas kedudukan bukit Pemanah selepas para pemanah Muslim meninggalkan kedudukan mereka. 82**
- Rajah 17: Kedudukan Kota Taif berbanding Mekah. 93**
- Rajah 18: Kemaraan pasukan tentera Muslim dari arah timur laut Kota Taif. 94**
- Rajah 19: Arah kemasukan nabi Muhammad saw setibanya di Madinah yang menggabungkan puak-puak di kalangan penduduk Madinah dari pelbagai latar belakang dan asal usul mereka. 100**

Rajah 20: Peta menunjukkan kedudukan dan perjalanan para pejuang Muslim dari Madinah ke Tabuk – sekarang ini di Jordan – yang jaraknya adalah 680 km bagi memberi tentangan kepada kerajaan Rom. 103

Rajah 21: Penghantaran surat-surat Rasulullah kepada kerajaan-kerajaan Negara jiran yang mengajak mereka agar menerima Islam sebagai agama anutan. 113

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Aspek etika dan strategi adalah sukar digabungkan dan dijalinkan. Malah, ruang lingkup ketenteraan adalah satu bidang yang jarang diperkatakan melalui penjelasan Al-Quran dan As-Sunnah kerana ia memerlukan satu mekanisma nilai dan moral yang tinggi bagi menjamin keutuhan, kelangsungan dan keselamatan negara. Begitu juga, kalangan perajurit dan profesional pertahanan negara adalah golongan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dan menjadi harapan rakyat menjadi sebuah organisasi induk bagi menjamin keselamatan negara. Kealpaan para profesional pertahanan negara boleh membawa padah yang besar terhadap keharmonian negara. Justeru, pendekatan moral dan penerapan nilai-nilai Islam sewajarnya menjadi asas pemantapan bagi organisasi-organisasi yang besar.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bidang pengajian moral adalah berkait rapat dengan mencari kemurniaan nilai dan akhlak yang baik. Bagi agama Islam, kemurniaan ini adalah bersumberkan kepada Allah yang Maha Esa yang mencurahkan sikap rahmatNya kepada manusia dengan melimpahkan sifat-sifat terpuji samada melalui hati mahupun akal. Bagi orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan bersegera untuk memurnikan hati dengan amalan-amalan yang diajarkan di dalam agama Islam. Sebaliknya, rugilah bagi mereka yang mengotori hati. FirmanNya:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

Maksudnya: Demi jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang yang mensucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya.

Asy-Syams: 7-10

Begitu juga, pemurniaan akhlak adalah hasil dari minda yang baik dengan pemikiran yang murni terhadap pencipta alam. Inilah apa yang disebut oleh Allah swt di dalam surah Ali Imran ayat 191:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Maksudnya: (yaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka.

Bertitik tolak daripada kedua-dua ini, pengajian moral adalah bersumberkan tiga perkara utama iaitu falsafah, psikologi dan sosiologi. Ketiga-tiga perkara ini adalah penting bagi pembinaan pengajian moral kerana ia menyediakan kandungan dan teori-teori moral. Kandungan dan teori yang melibatkan motif, perilaku dan kesan samada baik atau buruk adalah melibatkan **falsafah**. Manakala kandungannya dan teori meliputi manusia seawal usia bayi hingga akhir hayatnya yang melibatkan **psikologi**. Seterusnya kandungan dan teori yang meliputi gabungan individu manusia, institusi-institusi sosial dan negara adalah melibatkan **sosiologi**.

Tiga perkara di atas iaitu falsafah, psikologi dan sosiologi adalah melibatkan dasar dan fundamental semata-mata. Manakala aplikasinya pula melibatkan strategi dan taktik bagi merealisasikan ketiga-tiga perkara di atas. Taktik biasanya akan berubah mengikut kepada situasi dan perkembangan semasa. Ia merupakan cara dan kaedah melaksanakan sesuatu. Manakala strategi adalah kaedah umum yang perlu diketahui sebagai kemudahan di alam realiti. Ia merupakan seni merancang dan mengatur untuk memperdaya musuh atau dianggap sebagai kebijaksanaan dalam mengendalikan peperangan (Sivachandranlingam: 2001). Strategi pula mempunyai pelbagai peringkat daripada peringkat individu sehingga peringkat bernegara. Apa yang saya ingin kemukakan di sini adalah strategi peringkat organisasi yang besar yang melibatkan bidang ketenteraan.

1.3 MASALAH KAJIAN

Perbincangan yang berbentuk strategi ketenteraan banyak diperkatakan di dalam arena antarabangsa. Sebagaimana kaedah Sun Tzu dan Niccolò Machiavelli yang ingin menggunakan kaedah ketenteraan di dalam kehidupan berorganisasi. Mereka beranggapan asas-asas umum dapat menjayakan seseorang di dalam pertempuran organisasi dan memberi semangat kepada para pekerja bagi kebanyakan aktiviti-aktiviti

kehidupan, perniagaan dan syarikat gergasi.¹ Manakala di dalam bidang peperangan, ia merupakan antara buku yang tertua di dunia yang membincangkan akan hal ehwal ketenteraan, strategi pertahanan dan serangan dan beberapa tindakan pengintipan. Malah, Ia juga masyhur di zaman sekarang kerana kemampuannya menyediakan kaedah-kaedah umum yang diguna pakai di dalam bidang ketenteraan dan perekonomian. Lebih-lebih lagi di negara-negara harimau Asia dan Jepun. Dengan perkataan lain, ramai pemimpin-pemimpin pelbagai negara malah negara Asia Timur sangat mementingkan buku ini.²

Justeru, kajian ini adalah mengenai nilai dan akhlak dalam strategi dan sistem peperangan Islam sebagai memberi jawapan bahawa agama Islam mempunyai perlembagaan yang cukup luas di dalam hal ehwal kehidupan manusia. Agama Islam adalah cukup sempurna yang saling kait-mengait di antara satu sama lain. Percubaan untuk mengambil separuh dari Islam dan meninggalkan separuh yang lain akan menyebabkan kegagalan.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil bacaan ini boleh dimanfaatkan oleh semua lapisan profesional yang meliputi Kor Agama Tentera (KAGAT), dan Universiti Pertahanan Negara Malaysia (UPNM) dan bukan profesional di kalangan PALAPES dan kadet tentera,. Disamping itu, pembaca juga mendapat satu jawapan kepada persoalan yang berkaitan dengan keutamaan aqidah, syariah dan akhlak Islam terhadap strategi ketenteraan, yang tidak terdapat dalam

¹ Applying Sun Tzu's Art of War in Corporate Politics karangan Khoo Khong Kor. Dikeluarkan oleh Pelanduk, Malaysia, m.s: 17 .

² Buku ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan telah tersebar luas di serata dunia. Bahasanya yang asli telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun ketika zaman empayar Tang (618-906M). Juga ke bahasa Perancis pada tahun 1772M. Kemudian, ia dibawa oleh seorang paderi Perancis yang bernama Jesuit Pere Amiot dengan berjudul "De Ghinois Art Militaire". Ada yang menyatakan kitab ini cukup diminati oleh seorang pemerintah tentera yang masyhur iaitu Napoleon Bonaparte. Ia juga dipindahkan ke dalam bahasa Rusia pada kurun ke 19M. Juga, diterjemahkan dari bahasa Jepun ke bahasa Inggeris oleh seorang pekerja tentera Britain oleh E.F.Calthrope. Selepas 5 tahun sesudah itu, ia diterjemahkan buat kali kedua oleh seorang pekerja muzium Britain yang bernama Lionel Giles dari bahasa China ke bahasa Inggeris. Buku yang telah diterjemah ini, dijual di pasaran Britain buat masa sekarang. (Sun Tzu, Art of War translated, pg: 155) Buku ini begitu popular sehingga Tsai Chin Chung telah mempermudahkannya dengan membuat ilustrasi kartun.

penulisan seperti Strategi Sun Tzu di dalam karyanya yang paling terkenal 'The Art of War'. Para pembaca juga dapat merungkai sikap serta ciri-ciri utama yang perlu ada di dalam kepimpinan dan memperkenalkan dengan secara terperinci sifat yang perlu ditanam dalam persoalan yang berkaitan dengan perisikan. Begitu juga, melalui penulisan seperti ini dapat memberi jaminan keselamatan jikalau para pejuang diarah untuk mengambil tempat di kawasan yang beresiko tinggi, penting dan strategik.

Kajian ini diharap dapat mengetengahkan kepada pembaca akan penerapan nilai dan etika yang baik. Ia juga bertujuan bagi mendedahkan nilai murni yang diamalkan bagi mencetus semangat perpaduan dan menghargai hakikat hidup yang bertoleransi dalam konteks masyarakat Malaysia. Diharap dapat membangkitkan nilai-nilai murni seperti integrasi berpasukan dan melenyapkan unsur-unsur pepecahan dapat digariskan selari dengan aspirasi agama Islam. Saya yakin dan percaya bahawa nilai dan moral berperanan besar bagi meningkatkan moral kakitangan khususnya yang beragama Islam agar dapat melahirkan individu yang seimbang dan berpotensi yang tiada kekeliruan di dalam tindakannya. Jika ia berjaya dilaksanakan, diharapkan dapat dilaksanakan khasnya kepada organisasi yang menekankan espek nilai dan moral.

Kajian ini menekankan aspek perisikan sebagai wadah utama di dalam pembinaan kerangka strategi yang meliputi pengaturan kedudukan tentera, penggabungan tentera dan penetapan pendirian terhadap negara musuh yang lemah. Bidang perisikan mempunyai tugas yang besar mengumpul maklumat-maklumat yang jelas dan mendapat petunjuk segala perubahan-perubahan di dalam organisasi ketenteraan bagi berhadapan segala kegiatan yang mungkin membahayakan negara. Kekurangan menjalankan tugas ini dengan baik akan membantutkan kelicinan kerangka strategi yang digunakan. Etika di dalam bidang perisikan adalah garis panduan yang dapat menjamin keselamatan anggota tentera dan negara.

Selepas segala kegiatan perisikan diambil kira, perancangan dan pengaturan kakitangan yang bertugas diberi penumpuan. Pemecahan dan penggabungan mereka dapat memberi kekuatan pasukan tentera. Perbahasan ini juga meliputi pendirian terhadap

negara musuh yang lemah. Kesemuanya adalah membabitkan pengukuhan kedudukan organisasi tentera yang berteraskan aqidah, syariah dan akhlak Islam yang dianggap ibadat di dalam Islam.

Dapatan kajian ini adalah sesuai bagi mereka yang terlibat secara langsung dengan keselamatan dan ketenteraan. Sebaiknya, Kor Agama Tentera (KAGAT) dan pihak pengurusan tetinggi ATM merujuk kajian ini agar kegiatan ATM berlunaskan kehendak agama Islam.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Pendekatan moral dan penerapan nilai-nilai Islam sewajarnya menjadi asas pemantapan bagi organisasi-organisasi yang besar. Bagi merangka dan mengupas persoalan ini, kajian ini mempunyai beberapa objektif seperti berikut:

1. Membentuk satu kerangka motivasi dalaman sebagai modal insan yang meneruskan tanggungjawab yang mulia dan berat.
2. Menerangkan nilai dan tanggungjawab pemimpin pertahanan sebagai asas keutuhan organisasi. Justeru, asas moral dan penerapan nilai kepimpinan perlu diyakinkan kepada mereka supaya dapat melicinkan gerak kerja yang digariskan. Bahkan, para kepimpinan tentera dapat diyakinkan bahawa tugas mereka merupakan satu ibadah yang berterusan.
3. Menghuraikan bidang perisikan sebagai satu mekanisma penting di dalam kerangka disiplin yang memerlukan penelitian dari sudut nilai dan moral yang menjelaskan kepentingan perisikan di dalam agama Islam.
4. Merangka perancangan dan pengaturan kakitangan yang bertugas di tempat masing-masing merupakan aset besar terhadap percaturan strategi negara. Beberapa pendekatan dan garis panduan perlu diperkemas agar kemaslahatan terjamin.

Bagi tujuan ini, kajian ini melibatkan perbahasan yang meliputi penerangan secara umum akan pengenalan ciri-ciri penting strategi ketenteraan Islam, persiapan diri tentera, tanggungjawab ketua tentera dan perisikan, pengaturan kedudukan pejuang, penggabungan pejuang dengan pejuang yang lain, beberapa tindakan dan pendirian terhadap musuh yang lemah.

Pada peringkat permulaan, saya tidak mengingini dua bahagian akhir iaitu berkaitan dengan penggabungan tentera dan pendirian terhadap negara musuh yang lemah di dalam dapatan kajian. Kedua-dua bahagian ini berkaitan rapat dengan tugas-tugasan pemimpin teratas yang memimpin dan memandu politik, ketenteraan dan ekonomi. Namun, apabila memikirkan kajian sekecil ini tidak lengkap tanpa dua bahagian ini, saya kemukakan juga.

Dua bahagian ini akan menimbulkan sedikit perbahasan panas. Selepas memikirkan baik buruknya, saya bertekat untuk menyampaikan pandangan-pandangan saya di tengah-tengah perbahasan ilmiah. Terpulanglah kepada pembaca untuk menerima atau menolak pandangan saya di dalam dua bahagian tersebut. Anggaplah pandangan-pandangan ini adalah rintis kepada dunia ilmiah. Semoga perbahasan ini membuahkan sesuatu yang baik.

1.6 RUMUSAN

Kajian ini adalah merupakan gambaran jelas akan sikap perjuangan tentera Islam yang berstrategis. Sikap ini adalah bersesuaian bagi setiap lapisan masyarakat dan mampu untuk diadaptasi di dalam kehidupan yang dipenuhi pelbagai masalah dan kegetiran. Dan mampu untuk digunakan di dalam lapangan kerjaya dan organisasi samada politik, ekonomi, keselamatan, perniagaan, malah pelancongan. Ini adalah kerana apa yang tertera di dalam tulisan ini merupakan kod-kod etika sebagai seorang pejuang muslim.

BAB 2

KERANGKA KONSEPSUAL KAJIAN


2.1 PENDAHULUAN

Bahagian ini akan membincangkan tentang falsafah nilai dan akhlak, Rasulullah sebagai pelopor utama strategi ketenteraan Islam dan ketenteraan Islam sebagai satu gambaran umum di dalam kajian ini.

2.2 FALSAFAH NILAI DAN AKHLAK

Bila menyebut mengenai falsafah, pelbagai persepsi timbul di dalam benak fikiran kita. Ada yang mempersoalkan apakah itu falsafah? Susahkah falsafah? Kenapa perlu kita merumitkan perbahasan dan perbincangan dengan falsafah? Tambahan pula, apabila diletakkan terma 'falsafah' di samping terma 'Nilai dan Akhlak', mengapakah akhlak pula mempunyai falsafah? Mengapakah hendak menukar erti akhlak di dalam bentuk

falsafah? Mana pula asal usulnya? Kalau benar-benar falsafah nilai dan akhlak wujud, apakah bentuknya, isi kandungannya dan penjelasannya yang menjawab segala cabaran-cabaran semasa dan isu-isu terkini.



Rajah 1: Kedudukan Akhlak Islam di dalam kerangka falsafah yang disepakati oleh sebahagian besar ahli falsafah.

Untuk mengenali Falsafah Nilai Dan Akhlak, saya perlu menjelaskan rajah di atas. Perkataan yang paling teratas adalah falsafah yang mempunyai tiga bahagian iaitu Falsafah Kewujudan, Falsafah Ilmu Dan Falsafah Nilai. Falsafah Nilai mempunyai dua bahagian pula iaitu Falsafah Keseniaan yang disebut Estetika dan Falsafah Budi pekerti yang disebut Etika. Etika ini pula jika dibawa kepada pendekatan Islam semata-mata, ia dinamakan Akhlak. Dari sini timbulnyanya Falsafah Nilai Dan Akhlak Islam yang mempunyai pendekatan Islam sebagai dasar, tindakan dan matlamat.

Sememangnya perkataan Falsafah adalah berasal dari bahasa Yunani yang merupakan cantuman *Philo* atau *Philien* dan *Sophia* yang memberi erti **Cinta kepada kebijaksanaan**, hikmat dan pengetahuan. Menurut ahli falsafah Yunani terkemuka; Plato, falsafah adalah ilmu mengenai kewujudan sesuai dengan pendekatan beliau terhadap falsafah dengan pemikiran idealisme. Manakala anak didiknya; Aristotle pula memberi tanggapan yang dekat dengan realisme bahawa falsafah merupakan ilmu pengetahuan yang menggunakan akal fikiran untuk mengetahui kebenaran yang hakiki.

Namun, pendekatan zaman Moden ini memahami falsafah adalah merupakan **satu kerangka besar** yang merupakan prinsip-prinsip asas, sebab, sumber rujukan segala pengetahuan, disiplin, sebab-musabbab, akibat, masalah, andaian, nilai dan rasional. Biasanya bagi merealisasikan falsafah yang diletakkan adalah melalui misi, visi, hala tuju, objektif, strategi, kurikulum dan pelaksanaannya samada teoritikal ataupun amalan. Ia adalah sebagaimana digunakan di dalam Falsafah Pendidikan Negara dan falsafah yang digunakan di mana-mana universiti sekarang.

Ada juga yang mengaitkan falsafah dengan teori atau prinsip umum yang merasionalkan satu pendekatan dan tindakan yang dilakukan. Justeru, pendekatan tokoh-tokoh terkenal seperti Socrates, Aristotle, Plato, Confusius, Gautama Budha, Lao Tze, Auguste Comte, Vonafentora, Hegel, Marx, Al-Ghazali, Ibnu Sina, Ibnu Rusyd, Ibnu Khaldun dan lain-lain merupakan tokoh-tokoh yang mengemukakan teori dan prinsip yang rasional agar dapat menjangkakan beberapa andaian, permasalahan, sebab musabbab dan penyelesaian. Jikalau bentuk sebegini, saya suka menamakannya dengan **pemikiran**. Tentu sekali, jikalau difahami sebegini, pemikiran adalah falsafah dan falsafah adalah pemikiran.

Jikalau terma ‘berfikir’ sahaja yang dimaksudkan falsafah, tentu sekali sejarah falsafah bermula dari manusia yang terawal menurut agama samawi, atau hidup bersama manusia sejak dari dahulu lagi menurut selain dari agama-agama samawi dan isme-isme yang tiada agama. Begitulah halnya, kepada kanak-kanak yang membentuk persepsi masing-masing dan merubah fikirannya mengikut perkembangan akal. Namun, falsafah bukan setakat berfikir semata-mata. Ia menuntut satu **pemikiran yang kritis dan tersusun** agar membentuk satu teori dan prinsip yang rasional.

Jikalau kita mengandaikan falsafah adalah seperti landasan keretapi, adakah falsafah boleh diumpamakan sebagai satu landasan bagi gerabak-gerabak keretapi melaluinya agar destinasi yang ditujui itu tercapai? Di manakah destinasi itu? Bagaimana pula bentuk landasan keretapi itu? Destinasi falsafah pula ada yang mengatakan kebenaran yang hakiki, ada pula yang mengatakan kebahagiaan jiwa dan ada pula yang

mengatakan keseronokan. Manakala bentuk landasan falsafah merupakan prinsip-prinsip, teori-teori dan kaedah-kaedah samada secara teori mahupun amali. Semua jawapan ini adalah falsafah.

Falsafah awal di era Yunani purba bermula dengan mempersoalkan mengenai **asal usul alam dan pencipta alam ini**. Pelbagai jawapan dikemukakan oleh ahli falsafah Greek seperti Aximander, Eximinis dan Pitagoras. Namun, kehadiran golongan Sophes membawa lembaran yang baru bagi **rentak pemikiran falsafah**. Bagi mereka tiada yang tetap dan benar. Semuanya adalah nisbi. Jawapan sebegini membawa kepada satu gelombang baru iaitu gelombang *reverse thinking*. Masyarakat Yunani mula mempersoalkan akan segala jawapan yang diberikan oleh tokoh-tokoh falsafah mereka. Kehadiran Socrates menjawab persoalan Sophes dan menyelesaikan kemelut yang dibawa. Beliau telah membawa satu analek yang baru bagi perbahasan, perbincangan dan perdebatan. Analek ini akhirnya berjaya disusun oleh Aristotle yang dinamakan Ilmu Logik. Pun begitu, Socrates, Plato dan Aristotle bersependapat dengan golongan Sophes bahawa **perbahasan mengenai manusia** adalah lebih penting daripada persoalan asal usul alam dan pencipta.

Bermula dari kemunculan Aristotle, perbahasan falsafah adalah menyeluruh kepada semua bidang, dari ketuhanan, asal usul alam, falak, alam tabie, perubatan, ilmu berkaitan haiwan dan tumbuh-tumbuhan, ilmu logik dan sebagainya. Dengan bantuan raja Athen; Alexander The Great, Aristotle berjaya menghasilkan beberapa ensiklopedia yang hampir lengkap mengenai segala ilmu yang ada.

Ilmu ini sungguh berharga. Ilmu ini diwarisi kepada zaman-zaman yang selanjutnya. Di zaman Kegelapan Eropah dan Kegemilangan Islam, pelajaran mengenai falsafah berdasarkan empat pembahagian utama iaitu: Ilmu Mantik, Ilmu Ketuhanan, Ilmu Alam Tabie dan Ilmu Kemanusiaan. Ada pula yang membahagikan falsafah kepada tiga pembahagian utama iaitu: Ilmu Mantik, Ilmu Metafizik dan Ilmu Tabi'e kerana memasukkan Ilmu Kemanusiaan di dalam Ilmu Metafizik atau Ilmu Tabi'e.

Ilmu Kemanusiaan mempunyai banyak cabangnya. Antaranya, fizikal manusia, rohnya, jiwanya dan sifat-sifatnya. Ilmu Etika adalah di bawah pembahagian Ilmu Kemanusiaan. Namun, ilmu Etika bagi Aristotle bukanlah satu ilmu tentang kebenaran (Epistemologi). Bahkan, ia adalah ilmu mengenai nilai (Aksiologi). Aksiologi pula terbahagi kepada dua iaitu, Etika dan Estetika (ilmu keindahan atau seni). Justeru, Etika adalah salah satu cabang kecil daripada falsafah.

Etika didefinisikan sebagai disiplin falsafah yang memberi perhatian khusus kepada penilaian kritikal terhadap norma dan piawai yang mewajarkan kelakuan perseorangan serta antara individu (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999). Etika juga bermaksud mematuhi nilai moral. Ia merupakan sains moral dan prinsip-prinsip moral yang bertanggungjawab dalam menentukan tindakan seseorang itu sama ada baik atau buruk (Ahmad Khamis, 1999). Menurut Thiroux (2001), etika berasal daripada perkataan Greek iaitu “*ethos*” dan “*ethikos*”. “*Ethos*” bermaksud watak, sifat, kebiasaan, tempat yang biasa, cara hidup atau budaya manakala “*ethikos*” pula membawa makna tatasusila, adab, kelakuan atau perbuatan yang baik. Etika adalah teori yang berkaitan dengan tindakan, hujah dan tujuan yang mengarah kepada makna sesuatu tindakan dan tidak bersangkutan dengan fakta atau fizikal manusia tetapi merupakan suatu falsafah moral yang mengambil kira tindakan atau tingkah laku manusia.

Selain itu, etika juga disebut sebagai proses pemikiran tentang baik dan buruk berkaitan perilaku seseorang. Dalam erti kata lain, etika bukan hanya memperkatakan tentang tingkah laku tetapi juga tentang proses pemikiran itu sendiri atau apa jua yang difikirkan oleh seseorang. Ismail Ibrahim (1995) juga menyatakan etika adalah suatu disiplin ilmu yang mengkaji tentang moral, prinsip moral, kaedah moral dan tindakan serta kelakuan manusia yang betul. Pentingnya di sini ialah etika diertikan sebagai sains perlakuan atau “*behavioral science*” yang mengkaji tentang perlakuan manusia dalam masyarakat, membuat tafsiran mengenai tingkah laku mereka dan memberi panduan cara-cara bertingkah laku yang betul berdasarkan kepada piawaian etika atau moral manusia serta masyarakatnya (Nazirmuddin Ahmad, 2005).

Pandangan mengenai ‘Etika’, ‘Falsafah Moral’ dan ‘Teori Moral’ adalah bersandarkan kepada tiga perkara utama iaitu:

Perkara Pertama: Etika yang melibatkan dalaman samada niat atau rasa kebertanggungjawaban untuk melakukan sesuatu.

Perkara Kedua: Etika yang melibatkan tindakan dan kelakuan perwatakan. Etika ini adalah hasil daripada perwatakan dalaman (perkara pertama) dan mengikut kesan persekitaran dan masyarakat.

Perkara Ketiga: Etika yang melibatkan pertimbangan kesan yang mendatang samada capaian faedah dan manfaat mahupun menghadapi kerugian dan penderitaan.

Ketiga-tiga perkara tersebut adalah saling berkait rapat. Perkara-perkara tersebut dapat dijelaskan sebagaimana rajah di bawah.



Rajah 2: Kesenambungan tiga perkara utama di dalam teori moral.

Tiga perkara utama tersebut banyak dijelaskan oleh teori-teori moral barat yang terkemuka seperti Teori Deontologi, Teori Keperibadian Mulia, Teori Kemoralan Sosial dan Teori Teleologi. Teori-teori tersebut mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Kelebihannya adalah penekanan terhadap salah satu daripada tiga perkara di atas. Manakala kelemahan adalah kerana meminggirkan dua daripada tiga perkara tersebut. Teori-teori barat yang tidak menyeluruh dan tidak merangkumi ketiga-tiga perkara di atas adalah faktor utama kelemahan tersebut.

Memahami akan permasalahan yang timbul lantaran teori-teori di atas tidak menyeluruh, beberapa usaha telah dilakukan bagi mengatasi masalah ini dengan menggabungkan keseluruhan perbahasan, justifikasi dan permasalahan moral di bawah satu kerangka yang dinamakan ‘Konsep Insan Moral’. Konsep ini digubah sedemikian rupa seakan-akan ia adalah satu perkara yang menyeluruh. Namun, konsep ini tidak digabungjalinkan antara rangka-rangka di dalam kerangka konsep ini. Konsep ini lebih kepada penerangan dan tidak mengemukakan justifikasi yang teratur. Bukan juga

menyelesaikan permasalahan-permasalahan moral. Justeru, konsep ini tidak boleh berdiri dengan sendiri. Konsep ini perlu dilengkapi dengan strategi-strategi bagi menyelesaikan masalah seperti Strategi Analisis Nilai, Strategi Pembinaan Hierarki, Strategi Pencairan Masalah, Strategi Kompromi dan Strategi Kohlberg. Pun begitu, strategi-strategi ini tidak menjawab segala persoalan-persoalan justifikasi moral.

Rumusannya, teori-teori moral barat masih lagi rapuh untuk meletakkan satu justifikasi moral yang kukuh dan terbaik seterusnya bagi menjawab isu-isu moral yang tetap bagi umat manusia sejagat.

Bagi kemaslahatan umat manusia sejagat, kerapuhan ini seharusnya tidak dibiarkan. Jikalau agama Islam ada jawapannya dan penyelesaian terhadap justifikasi moral, apakah pandangan Islam terhadap tiga perkara yang disebutkan tadi? Jawapannya perlu dijawab berdasarkan kepada tiga perkara tersebut. Jawapan kepada ketiga-tiga perkara diatas disebut di dalam hadis di bawah yang menyebut secara umum iaitu:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَىٰ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى الدُّنْيَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَىٰ مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ

Maksudnya: *Sesungguhnya amalan itu beserta dengan niat dan setaip seseorang (memiliki) apa yang diniatkan. Maka barangsiapa hijrahnya adalah (kerana) Allah dan utusanNya, maka (dikira) hijrahnya adalah kerana Allah dan utusanNya. Dan barangsiapa yang hijrahnya adalah (mencari) dunia atau wanita yang dinikahnya, maka hirahnya adalah apa yang ditujuinya.*

Riwayat Bukhari dan Muslim

Hadis di atas menyebut mengenai tiga perkara penting iaitu:

Perkara pertama: ‘وَأَمَّا لِكُلِّ أُمْرٍ مَا نَوَىٰ’ iaitu setiap seseorang itu mempunyai niat nya yang tersendiri. Ia menyebut tentang setiap insan mempunyai motif yang tersendiri. Oleh kerana itu tidak boleh mewakili ibadat sembahyang dan puasa kepada orang lain lantaran ia merupakan tanggungjawab setiap individu yang perlu dilaksanakan. Begitu juga seseorang itu bertanggungjawab sepenuhnya mengenai apa yang dilakukan.

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Maksudnya: *Dan seorang yang berdosa tidak dapat memikul dosa orang lain.*

(Al-Isra’: 15).

وَلِيَحْمِلُوا أَثْقَالَهُمْ وَأَثْقَالًا مَّعَ أَثْقَالِهِمْ

Maksudnya: *Dan sesungguhnya mereka akan memikul beban (dosa) mereka, dan beban-beban (dosa yang lain) di samping beban-beban mereka sendiri.*

(Al-Ankabut: 13).

Perkara kedua: ‘إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ’ iaitu, setiap amalan adalah berkaitan rapat dengan niat. Niat yang baik perlu disertai dengan amalan yang baik. Niat yang baik beserta dengan amalan yang buruk tidak diterima. Sebaliknya juga, niat yang buruk beserta dengan amalan yang baik tidak diterima. Niat dan amalan mestilah bergandingan baik. Sabda nabi:

لَا تَكُونُ إِمْعَةً إِنْ أَحْسَنَ النَّاسُ أَحْسَنْتُ وَإِنْ أَسَاءَ أَسَنْتُ وَلَكِنْ وَطَّنُوا أَنْفُسَكُمْ، إِنْ أَحْسَنَ النَّاسُ أَحْسَنْتُ وَإِنْ أَسَاءَ فَلَا تَنَظَّالِمُ.

Maksudnya: *Jangan jadi 'Imma'ah' (iaitu) jikalau orang (lain) berbuat baik hendaklah kuberbaik padanya dan jikalau orang (lain) bersikap buruk hendaklah kubersikap buruk. Tetapi, jadilah orang yang berpendirian tetap; jikalau orang (lain) berbuat baik hendaklah kuberbuat baik dan jikalau orang (lain) bersikap buruk maka jangan lah kamu melampaui batas.*

Perkara ketiga: Rangkap akhir hadis tadi adalah ‘barangsiapa arah tujunya ke arah Allah dan RasulNya dengan pelaksanaan agama Islam maka arah tujunya adalah sedemikian. Manakala jikalau arah tujunya adalah untuk mendapatkan habuan dunia dan kemahuan terhadap wanita semata-mata maka arah tujunya adalah sedemikian juga’. Rangkap ini adalah berkaitan rapat dengan kesan hijrah terhadap seseorang itu sendiri. Hijrah itu membawa kesan yang mendalam dalam sejarah Islam. Berkenaan dengan hijrah akan disebut di dalam 4.4.2 NILAI IZZAH.

Tegasnya, kesan sesuatu perkara diambil kira. Hal yang sedemikianlah faktor utama agama Islam mengajar umat Islam agar tidak bersama-sama dengan golongan yang memperlekehkan Islam. Walaupun secara niat dan amalan tidaklah memperakui sikap buruk orang lain. Namun, kebersamaan bersama dengan mereka memberi kesan yang tidak baik kepada Islam maka Islam menyarankan tidak bersama-sama mereka jikalau tidak kita dianggap bersekongkol dengan mereka. Ajaran ini jelas sebagaimana ayat di dalam surah An-Nisa’ ayat 140:

وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ أَنْ إِذَا سَمِعْتُمْ آيَاتَ اللَّهِ يُكْفَرُ بِهَا وَيُسْتَهْزَأُ بِهَا فَلَا تَقْعُدُوا
مَعَهُمْ حَتَّى يَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ ۚ إِنَّكُمْ إِذَا مِثْلُهُمْ إِنَّ اللَّهَ جَامِعُ الْمُنَافِقِينَ وَالْكَافِرِينَ فِي
جَهَنَّمَ جَمِيعًا ﴿١٤٠﴾

Maksudnya: *Dan sungguh Allah telah menurunkan kekuatan kepada kamu di dalam Al Qur'an bahwa apabila kamu mendengar ayat-ayat Allah diingkari dan diperolok-olokkan (oleh orang-orang kafir), maka janganlah kamu duduk beserta mereka, sehingga mereka memasuki pembicaraan yang lain. Karena sesungguhnya (kalau kamu berbuat demikian), tentulah kamu serupa dengan mereka. Sesungguhnya Allah akan mengumpulkan semua orang-orang munafik dan orang-orang kafir di dalam Jahannam.*

Di dalam sistem nilai, nilai terbahagi kepada dua bahagian iaitu nilai positif dan nilai negatif. Ada yang menamakan pembahagian ini dengan *functional values* dan *disfunctional values* yang melibatkan dua pecahan yang berlawanan iaitu nilai yang membina dan berlandaskan kebaikan dan nilai yang merosakkan dan keburukkan.

Mengikut jumhur ulama, nilai Islam ini dibahagikan kepada lima iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Kelima-lima ini mempunyai tingkatan yang berbeza. Tingkatan wajib adalah perkara yang mesti dilakukan. Sunat pula diberi ganjaran pahala apabila dilakukan dan tidak mendapat sebarang hukuman jika tidak melakukan. Harus pula sesuatu yang menjadi kebebasan untuk memilih samada melakukannya ataupun tidak. Ketiga-tiga ini; iaitu wajib, sunat dan mubah adalah dikiran nilai baik. Manakala makruh dan haram adalah nilai buruk. Makruh adalah sesuatu benda yang tidak disukai dan dibenci walaupun tidak mendapat hukuman jika melakukannya. Haram pula adalah sesuatu yang dilarang sama sekali; melakukannya mendapat dosa dan meninggalkannya mendapat pahala.

Kesimpulannya, kajian ini adalah rangkaian kepada tiga terma utama iaitu **falsafah** sebagai kerangka, **nilai dan akhlak** sebagai penjelasan kepada pengamalan yang bersandarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

2.3 RASULULLAH PELOPOR STRATEGI KETENTERAAN ISLAM.

Saya mengandaikan rata-rata masyarakat Melayu tidak menyedari akan hakikat wujudnya sistem perjuangan Islam. Realitinya, masyarakat Arab di Timur Tengah cukup memahami perkara ini kerana sistem ini telah lama hidup di kalangan mereka. Bermula dari zaman Rasulullah yang merupakan ketua kepada pejuang Islam dan berterusan sehingga kini. Sistem perjuangan Islam masih hidup. Kajian-kajian mengenainya ditulis di dalam buku-buku fekah, tafsir, hadis dan sirah. Pembentukan melalui falsafah adalah sedikit dan masih lagi kurang.

Saya telah menelaah buku-buku tulisan beberapa ahli tentera yang menulis mengenai sistem perjuangan dalam pelbagai pendekatan. Namun, pendekatan falsafah tidak ditulis. Penulisan beberapa pujangga Islam yang terkenal seperti Malik Bin Nabi dan Sayid Qutb ada menyentuh mengenainya. Begitu juga pemimpin yang berstrategis seperti Syeikh Hassan Al-Banna juga menulis. Pun begitu, tulisan secara khusus mengenai falsafah perjuangan belum lagi saya dapati.



Richard the Lionheart visited by Saladin

Rajah 3: Salahuddin Al-Ayyubi, pemerintah Mesir melawat Ketua Tentera Salib, Raja Richard the Lionheart, sebagai satu praktik cara peperangan Islam yang banyak berbincang dan bersemuka walaupun peperangan sudah tercetus.

Sumber: <http://www.clipart.com/>

Sistem perjuangan Islam dibina di atas paksi agama Islam. Latarbelakang agama ini adalah jelas. Agama Islam adalah rentetan dari agama yang dikurniakan oleh Tuhan yang mencipta alam ini iaitu Tuhan menamakan diriNya dengan nama Allah. Sesungguhnya, Allah telah menyampaikan arahanNya dan ajaranNya dalam bentuk agama kepada manusia melalui para nabi dan para rasulNya.

Bermula dari manusia terawal yang turun dari syurga iaitu Adam a.s. Sebelum Adam menjejakkan kakinya di planet bumi, agama sudah bersamanya. Manusia tidak ditinggalkan begitu sahaja. Kewafatan Adam diutus para nabi yang mengganti peranan menyampaikan agama kebenaran. Agama ini adalah berterusan. Akidah dan kepercayaan dari dahulu, kini dan selamanya adalah tetap sama. Cuma, syariat dan perundangan agama berubah mengikut kesesuaian masa dan tempat. Kehendak Allah mengatasi segalanya. Allah menginginkan agama kebenaran sempurna maka melalui rasulnya (utusannya) Muhammad s.a.w., agama ini telah disempurnakan. Allah menamakan agama ini dengan nama Islam.

Perkataan Islam adalah satu nama terbitan dari "Salam"; bermaksud sejahtera. "Islam" dan "Salam" adalah sinonim yang memberi maksud menundukkan hati dan roh terhadap perlembagaan kebenaran dan kebaikan. Agama Islam merupakan satu perlembagaan yang ditegakkan untuk mewujudkan kesejahteraan manusia sejagat. Justeru itu, tujuan agama Islam adalah membentuk satu ajaran mempertingkatkan diri dan hati; berpandukan iman dan ikhlas terhadap pencipta; Allah s.w.t. (Muhammad Farh, 1429H).

Agama Islam yang mempunyai kata nama sejahtera ini dipertanggung jawabkan kepada Muhammad s.a.w. Allah (Tuhan sekalian alam) menghendaki agar agama ini disampaikan kepada seluruh manusia semuanya. Firman Allah s.w.t. kepada baginda Muhammad dengan tegas:

﴿ قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا ﴾

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Hai manusia sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu semua".

Al-A'raf: 158.

FirmanNya lagi:

﴿ تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَى عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴾

Maksudnya: Maha suci Allah yang telah menurunkan Al-Furqan (Al-Quran) kepada hamba-Nya (iaitu Nabi Muhammad), agar dia menjadi pemberi peringatan kepada seluruh Alam.

Al-Furqan: 1.

Dan FirmanNya:

﴿ فَأَعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَي رَسُولِنَا الْبَلَعُ الْمُبِينُ ﴾

Maksudnya: Maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajiban Rasul kami, hanyalah menyampaikan (agama Allah) dengan terang.

Al-Maidah: 92.

Agama Islam yang mempunyai konotasi salam dan sejahtera tentu sekali mengajak agar bersegera kepada setiap seruan keamanan dalam apa jua keadaan (walaupun kekuatan negara Islam adalah kukuh, cemerlang dan gemilang.) Ini adalah sebagaimana arahan Allah s.w.t.:

﴿ وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلَامِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴾

Maksudnya: Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Al-Anfal: 61.

Allah juga mengarahkan agar berinteraksi dengan golongan bukan Islam (yang tidak beriman kepadaNya) dengan sebaik-baiknya:

﴿ لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ

وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴾

Maksudnya: Allah tiada melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu karena agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.

Al-Mumtahinah: 8.

Namun, disebalik konotasi dan kata nama sejahtera dan keamanan, ada beberapa sebab, faktor dan keadaan yang mendesak golongan Islam mengangkat senjata dan memasuki gelanggang peperangan. Inilah apa yang dimaksudkan dengan firman Allah:

﴿ كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ ﴾

Maksudnya: Diwajibkan atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci.

Al-Baqarah: 216

Firman Allah S.W.T lagi:

﴿ وَإِنَّمَا تَخَافُونَ مِّنْ قَوْمٍ خِيَانَةٌ فَانْبِذْ إِلَيْهِمْ عَلَىٰ سَوَاءٍ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْخَائِنِينَ ﴾

Maksudnya: Dan jika kamu khawatir akan (terjadinya) pengkhianatan dari suatu golongan, maka kembalilah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur (membatalkan perjanjian perdamaian yang termeterai). Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berkhianat.

Al-Anfal: 58

Pertempuran yang mendesak tentu sekali wujud. Lebih-lebih lagi, pertempuran berbentuk peperangan dan konflik yang berkaitan perbezaan antara yang benar dan yang bathil (salah). Pertempuran sebegini adalah berpanjangan sepanjang kehidupan itu sendiri.

Kita perlu sedar akan kesediaan kebatilan menyiapkan segala kelengkapan dari pelbagai jenis senjata untuk pertempuran ini. Maka wajiblah di kalangan yang berpegang kepada kebenaran dan juga kepada golongan muslim seluruhnya agar berpendirian teguh untuk menghadapi pertempuran ini. Agar kelak, kebatilan akan diketepikan dan kebenaran dapat ditegakkan. Berfirman Allah s.w.t.:

﴿لِيُحِقَّ الْحَقَّ وَيُبْطِلَ الْبَاطِلَ وَلَوْ كَرِهَ الْمُجْرِمُونَ﴾

Maksudnya: Agar Allah menetapkan yang hak (Islam) dan membatalkan yang batil walaupun orang-orang yang berdosa itu tidak menyukai.

Al-Anfal: 8.

FirmanNya lagi:

﴿وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا﴾

Maksudnya: Dan katakanlah: "Yang benar telah datang dan yang batil telah lenyap". Sesungguhnya yang batil itu adalah sesuatu yang pasti lenyap.

Al-Isra': 81.

Antara dua keadaan, prinsip ‘**kesejahteraan**’ dan keadaan mendesak ‘**pertempuran**’, sudah tentu ia merupakan satu perkara yang bertentangan. Membiarkan keselamatan agama Islam dihinjak oleh musuh dengan alasan keamanan adalah tidak dapat diterima. Sebaliknya, mengisytiharkan perang sambil menutup mata dari seruan

keamanan adalah tidak diterima akal. Logiknya, agama Islam yang sempurna perlu menegaskan pendirian dan cadangan yang tersendiri.

Islam membawa beberapa method agar menguatkan kebenaran sebagaimana diajarkan melalui wahyu Al-Quran di dalam setiap keadaan yang berkaitan dengan hal ehwal perjuangan. Bahkan Al-Quran juga menekankan sejak zaman berzaman agar membentuk sikap mengambil peduli terhadap segala tindakan peperangan. Malah, jikalau kita fikirkan dengan secara halus mengenai perkara ini, kita akan mendapati setiap nas-nas Al-Quran telah berjaya dilaksanakan oleh rasulullah s.a.w. di dalam alam realiti. Perlaksanaan secara realiti yang dilakukan oleh baginda rasulullah adalah dipanggil As-Sunnah yang merupakan rujukan utama selepas Al-Quran. Justeru, Al-Quran dan As-Sunnah adalah sumber rujukan utama di dalam semua tindak tanduk perundangan perjuangan Islam.

Perlu ditekankan di sini, baginda mempunyai pertalian yang kuat dengan Allah s.w.t. Martabatnya, tidaklah setanding dengan kita dan kita tak akan sama dengan baginda di dalam segala bentuk perbandingan. Pun begitu, ikutan kepada baginda bukannya tidak mungkin. Baginda merupakan manusia yang jisim dan ruhnya adalah sama dengan kita. Bahkan, tindak-tanduk baginda menuntut para umat Islam mengikut jejak langkah yang sama. Sebagai manusia yang berjalan di atas muka bumi melaksanakan arahan ilahi. Perkara ini ditekankan dengan firman Allah s.w.t. :

﴿قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ﴾

Maksudnya: Katakanlah: "Sesungguhnya aku ini hanya seorang manusia seperti kamu, yang diwahyukan kepadaku".

Al-Kahf: 110.

Dan firmanNya lagi:

﴿قُلْ سُبْحَانَ رَبِّيَ هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولًا﴾

Maksudnya: Katakalah (hai Muhammad): Maha Suci Tuhanku, bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi rasul?".

Al-Isra': 93.

Baginda merupakan manusia; berkata sebagaimana kita dan melakukan sebagaimana kita. Baginda diutuskan agar dapat diikuti dan ditaati segala arahannya. Berfirman Allah s.w.t.:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللَّهِ﴾

Maksudnya: Dan Kami tidak mengutus seseorang rasul, melainkan untuk ditaati dengan keizinan Allah.

Al-Nisa': 64.

Muhammad s.a.w. merupakan utusan Allah yang diberikan wahyu secara nyata dan manusia contoh yang patut ditiru di dalam setiap perkara dan segenap kehidupan. Oleh kerana itulah, baginda mempunyai dua perkara yang istimewa iaitu perkara ajaib yang berlaku sebelum, ketika dan selepas perang, dan mempertontonkan segala sikap diri dan kepimpinan yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. Dalam ungkapan lain, beliau merupakan ikutan bermula pada zamannya dan berakhir sehingga hari kiamat (hari kemusnahan dunia).

Saya rasa perlu untuk saya menukilkan kalam seorang jeneral Mesir Mustafa Ahmad Kamal:

"Sesungguhnya pelbagai cara kepimpinan yang digunakan oleh rasulullah s.a.w. untuk mengepalai ketenteraan Islam bermula disekitar tahun 1400M. Ia adalah cara yang sama digunapakai pada zaman sekarang dan dilaksanakan hampir keseluruhan pendidikan ketenteraan di seluruh dunia" .

General Mustafa (1995).

2 H	3 H	4 H	5 H
Waddan	Zu Amar	Bani An-Nadhir	Daumah Al-Jundal
Bawath	Buhran	Zat Al-Riqaa	Bani Al-Mustalaq
Al-Usyirah	Uhud	Badrul Al-Akhirah	Al-Khandak
Badar Awal (Safawan)	Hamraa Al-Asad		Bani Quraizah
Badar Kubra			
Bani Sulaim			
Bani Qainuqa'			
Suwaiq			

6 H	7 H	8 H	9 H
Bani Lihtan	Khaibar	Pembukaan Kota Mekah	Tabuk
Zi Qird	Umrah Al-Qada'	Hunain	
Al-Hudaibiah		At-Taif	

Rajah 4: Gerakan jihad Rasulullah saw mengikut rentetan tahun hijrah.

Sumber: Etika Pejuang

2.4 KETENTERAAN ISLAM.

Ada berbagai kaedah dan strategi peperangan semasa. Perkara ini telah lama disebut-sebut dan dibincangkan di peringkat antarabangsa. Banyak rujukan yang menyentuh perkara ini. Lebih-lebih lagi kolej-kolej tentera barat membincangkan isu moral dan strategi peperangan. Rata-rata mereka meletakkan kaedah dan falsafah yang tersendiri. Mereka juga menyatakan bahawa jika rukun, syarat dan kewajiban yang diletakkan tidak

diikuti, ia akan membuahkan kekalahan. Sebaliknya, jika diikuti segala apa yang dinyatakan, ia akan membuahkan kemenangan. Sebagaimana strategi semasa menuntut kepada pengamalannya agar menguasai dan memahami tulisannya, Islam lebih daripada itu menuntut kepada penganut agama ini agar melaksanakan arahan dan meninggalkan segala tegahan sebagai satu asas kemenangan.

Islam menekankan dikalangan golongan Islam agar mengikuti arahan Allah s.w.t. agar mendapat kemenangan yang dibanggakan. Tanpa ikutan terhadap prinsip dan peraturan Islam ia akan membawa permasalahan dan kelemahan. Justeru, jalan untuk mencapai kemenangan merupakan ikutan kepada syariat Allah s.w.t. kepada hambanya sejajar kehendak syariat yang tetap dan anjal. Semuanya telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai ikutan dan semangat kepada umatnya.

Sebagaimana yang disebutkan pada bahagian awal di dalam karya ini, agama Islam bukan sekadar anutan. Ia agama kebenaran. Malah membawa pelbagai cara untuk menguatkan kebenaran ini. Oleh itu, kita mendapati ayat-ayat Al-Quran yang menyebut pelbagai jenis kekuatan bagi merealisasikan kemenangan. Kekuatan ini berupa kekuatan lahiriah, pemikiran dan psikologi.

SUMBER KEKUATAN	
Kekuatan Lahiriah dan Fizikal	Kekuatan Pemikiran dan Psikologi
Menyediakan segala kelengkapan yang cukup, berkualiti dan berteknologi	Menghadapi propaganda dan mengukuhkan pendirian

Rajah 5: Pembahagian kekuatan kepada dua bahagian dan kepentingan keduanya.

Saya telah meneliti beberapa pandangan orang ramai terhadap kekuatan lahiriah (kekuatan yang nyata bukan bersifat dalaman). Ada beberapa pejuang agama memperlekehkan kekuatan lahiriah dan ada pula yang terlalu bergantung dengannya. Walau apa pun pendapat mereka, Allah s.w.t. menegaskan akan kekuatan lahiriah ini:

﴿وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ﴾

Maksudnya: *Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuhmu.*

Al-Anfal: 60

Ayat ini menyeru hambaNya di kalangan mukminin agar menyediakan kelengkapan menghadapi perang. Secara kasarnya, seruan tersebut mengandungi dua arahan utama:

Arahan pertama: Hendaklah menyediakan segala kelengkapan perang dengan kadar yang termampu. Umat Islam diarah agar sentiasa menyiapkan persenjataan pertahanan dan serangan dengan kadar termampu samada dari segi pengilangan senjata, mempertingkatkan kualitinya dan ketepatannya.

Perlu saya peringatkan, peri pentingnya kemunculan negara Islam yang kuat dari sudut lahiriah. Ia akan menyebabkan musuh berfikir berkali-kali untuk mengambil tindakan perang. Bahkan, negara yang dianggap lemah terlalu sukar mendapat keamanan kerana negaranya diperlekehkan oleh negara luar.

Bukti yang jelas pada zaman sekarang adalah keseimbangan negara kuasa besar memiliki tenaga nuklear menyebabkan peperangan dunia kedua beralih kepada peperangan dingin.³ Sebaliknya, jikalau negara Islam lemah, laungan menentang keganasan dijadikan hujah untuk menekan negara-negara yang lemah agar bersama dengan kuasa besar menentang negara Islam.

Istilah keganasan atau *terrorist* di dalam bahasa Inggeris merupakan istilah yang merujuk kepada serangan yang bertujuan untuk menakut-nakutkan musuh atau mangsa. Lebel ganas boleh dibawa dua maksud utama. Maksud pertama adalah buruk

³ Rujuk Al-Madkhal ilal Aqidah wal Istrajiyatil Askariyatil Islamiyah, m/s: 100-108.

apabila kanak-kanak dan orang awam yang tidak memegang senjata menjadi sasaran. Manakala maksud kedua yang dianggap mempunyai nilai keadilan apabila kanak-kanak dan orang awam tidak menjadi sasaran. Sasaran hanyalah kepada musuh sebagai bertindak balas terhadap musuh yang terang-terang menunjukkan permusuhan.

Setakat penulisan ini, tiada lagi istilah yang disepakati di peringkat antarabangsa gara-gara sikap *hipokrit dan double standard* negara-negara kuasa besar. Melebel keganasan terhadap musuh-musuh mereka merupakan agenda, manakala tindakan mereka yang mempunyai unsur-unsur keganasan tidak disebut keganasan.⁴

Manakala, menimbulkan rasa takut pada pihak musuh adalah sesuatu yang dituntut syarak jikalau ia merupakan serangan balas. Begitu juga, menunjukkan kekuatan para pejuang dengan kelengkapan yang cukup dari segi teknologi, fizikal dan mental adalah dituntut syarak sebagaimana yang disebutkan ayat Al-Quran di atas.

Arahan kedua: Mereka hendaklah menyediakan penempatan-penempatan pejuang di setiap ceruk negara Islam dan di kawasan yang memungkinkan kemasukan musuh.

Kelengkapan ini merupakan asas kepada kegiatan peperangan dan pertahanan adalah pergerakan pejuang. Setiap pergerakan akan menyediakan kesediaan kelengkapan menghadapi musuh atau melancarkan serangan terhadap musuh. Dengan perkataan lain, perlu kepada perkara-perkara berikut:

1. Pengetahuan terhadap keadaan muka bumi dan suasana sekeliling
2. Persediaan menghadapi serangan psikologi lebih-lebih lagi di dalam keadaan genting.⁵

⁴ Rujuk: *Islam is The Religion of Peace* karya Abdur-Rahman Abdul-Kareem Al-Sheha, terbitan IslamLand, m/s: 3-5.

⁵ Rujuk: *Al-Madkhal*, opcit, m/s: 109-110.

Begitu juga umat Islam diseru agar menyediakan pejuang yang terlatih dan menambahkan bilangan pejuang tersebut. Ini sebagai menjawab seruan Allah kepada golongan mukminin. FirmanNya:

﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ﴾

Maksudnya: *Hai Nabi, kobarkanlah semangat para mu'min untuk berperang.*

Al-Anfal: 65.

Kerap kali kita kedengaran golongan yang memperlekehkan kuantiti pejuang. Ingin sekali saya menjawab kepada mereka: Sememangnya perkara yang utama adalah **kualiti** seseorang pejuang. Namun demikian, Islam juga meletakkan keperluan kepada **kuantiti** kerana ia adalah salah satu harapan Rasulullah s.a.w. sebagaimana sabdanya:

(خَيْرُ الصَّحَابَةِ أَرْبَعَةٌ وَخَيْرُ السَّرَايَا أَرْبَعُمِائَةٍ وَخَيْرُ الْجُيُوشِ أَرْبَعَةُ آلَافٍ وَلَنْ يَغْلِبَ اثْنَا عَشَرَ آلَافًا مِنْ قَلِيلَةٍ)

Maksudnya : *Sebaik-baik persahabatan adalah 4 orang, sebaik-baik penempatan tentera (kem tentera) adalah 400 orang dan sebaik-baik (bilangan) tentera adalah 4,000 orang dan tidak akan terkalah jikalau mereka mencapai 12,000 orang walaupun mereka sedikit.*

Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah.

Pun begitu, penulis tidak mengeneipkan kualiti, setiap kuantiti perlu diberi kesedaran bahawa amalan jihad di jalan Allah perlu berterusan sehingga hari kiamat. Meninggalkan jihad akan membawa malapetaka yang besar selaras dengan firman Allah swt:

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسْكِنٌ تَرْضَوْنَهَا أَحَبُّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: *Katakanlah: "jika bapa-bapa , anak-anak , saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu*

khawatiri kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah dan RasulNya dan dari berjihad di jalanNya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusanNya". Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik.


At-Taubah: 24

Rasulullah saw juga memperingatkan hal sedemikian dengan sabdanya:

إذا تبايعتم بالعينة وأخذتم أذناب البقر ورضيتم بالزرع وتركتم الجهاد، سلط الله عليكم حتى ترجعوا إلى دينكم

Maksudnya: Jikalau kamu (sibuk dengan urusan) perniagaan, menarik ekor-ekor lembu, berpada dengan pertanian dan meninggalkan jihad, (nescaya) Allah akan (menguruskan) kamu dikuasai sehingga kamu kembali kepada agama kamu.

Riwayat At-Tirmizi: 3462



Rajah 6: Graf garis menunjukkan peningkatan bilangan tentera yang bersama Rasulullah di dalam medan perang.

Graf garis di atas secara jelas menunjukkan bahawa Rasulullah memberi penekanan terhadap bilangan tentera bagi mengangkat wibawa Islam di tengah-tengah Semenanjung Arab.

Semua ini adalah berkenaan dengan persiapan fizikal ketenteraan Islam. Penekanan di sini adalah mengenai hal berkaitan dengan nilai dan akhlak ketenteraan Islam. Lanjutan perbicaraan mengenai nilai dan akhlak dinyatakan di dalam dapatan kajian. Inilah menjadi fokus utama di dalam penulisan ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk falsafah yang pada menggunakan kaedah diskriptif. Asas kepada kaedah ini adalah menggunakan sandaran utama agama Islam adalah Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi rujukan mutlak dan kebenaran berkedudukan tertinggi di dalam hierarki kebenaran menyebabkan keabsahannya tidak dapat dipertikaikan mengikut pandangan Islam.

Bagi menjawab permasalahan yang dikemukakan, kajian ini menggunakan kajian perpustakaan yang menganalisa bahan-bahan penulisan yang berkaitan rapat dengan nilai dan strategi di dalam ketenteraan Islam. Analisa dokumen yang paling asas adalah analisa Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi sandaran utama kepada kandungan kajian ini. Kemudiaannya disusuli dengan analisa sirah perjalanan kehidupan nabi Muhammad saw dan amalan para sahabat. Sumber-sumber yang di atas merupakan sumber primer bagi mengetahui kandungan sebenar kajian ini.

Setiap sumber di atas, mengutamakan kepada penelitian kepada pandangan-pandangan ulama tersohor dan pandangan ahli sarjana agar natijah kajian ini mencapai kepada tahap yang jelas. Sumber primer atau sekunder di dalam kajian ini mengutamakan Al-Quran, As-Sunnah, Sirah dan pandangan ulama bagi membentuk satu teori 'Strategi Pejuang Islam' dengan dilengkapi dukungan nilai dan akhlak.

Sumber bagi kajian ini ialah apa sahaja bahan penulisan dan dokumen yang berkaitan dengan dua aspek utama iaitu nilai dan strategi. Bahan penulisan ini terdiri daripada bahan-bahan literature samada di dalam bahasa Melayu, Arab dan Inggeris. Pembahagian populasi kajian dibahagikan kepada sumber primer dan sumber sekunder.

Sumber primer adalah sebarang dokumen atau bahan penulisan yang berkait rapat dengan agama Islam itu sendiri yang terdiri dari Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak, Qias dan pandangan para ulama di dalam pelbagai mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafi'e dan Hanbali. Manakala sumber sekunder bagi penulisan ini adalah sebarang dokumen yang membincangkan nilai dan strategi di dalam pelbagai pandangan yang terkini khususnya kupasan idea-idea.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapat bahan kajian dari perpustakaan utama di beberapa IPT dalam negara dan luar negara yang sebahagiannya diperolehi dari media elektronik seperti internet samada dalam bahasa Melayu, Arab atau Inggeris.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PERSIAPAN DIRI TENTERA

Kekuatan dalaman adalah kekuatan yang Islam dititik beratkan sejak zaman berzaman. Bahkan kekuatan dalaman adalah lebih diutamakan dari lahiriah. Justeru, hendaklah kepada golongan yang beriman dengan Allah s.w.t. agar bertegas menghadapi pertembungan musuh, mereka perlu mendengar firman Allah s.w.t.:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ۝٤٥﴾

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ



Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman! Apabila kamu memerangi pasukan (musuh), maka hendaklah meneguhkan hati kamu dan sebutlah (nama) Allah sebanyak-banyaknya agar kamu beruntung. Dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan kerana ia menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.*

Al-Anfal: 45-46

Kedua-dua ayat ini menggariskan kekuatan-kekuatan dalaman bagi para pejuang Islam. Kekuatan ini adalah penyebab kemenangan. Kekuatan ini boleh diertikan dengan lima nilai berikut:

Nilai Pertama: Keteguhan jiwa.

Nilai Kedua: Mengingati Allah.

Nilai Ketiga: Ketaatan.

Nilai Keempat: Kesatuan di dalam barisan.

Nilai Kelima: Kesabaran.

4.1.1 NILAI KETEGUHAN JIWA.

Memperkukuh diri dan menenangkan diri dengan menyematkan keazaman yang jitu, kesabaran dan tidak membicarakan perihal patah balik dan lari dari medan juang merupakan unsur penting ketika berdepan dengan musuh. Ia merupakan unsur asas dalaman pejuang Islam. Kekuatan ini biasanya diaspirasikan dan dikobarkan dengan seruan **jihad** iaitu berhempas pulas untuk mencapai samada dua kemenangan; kemenangan di medan perang atau mati bergelar syahid mempertahankan agama Allah.

Begitu banyak ayat-ayat Al-Quran yang mengaju kepada seruan jihad. Begitu juga dengan arahan dan seruan nabiNya Muhammad s.a.w.. Di sini saya hanya menumpukan kepada tiga ayat Al-Quran supaya ia menjadi satu seruan yang mendorong kepada gerakan yang kukuh dan jitu.

Allah mengarahkan pesuruhNya; Nabi Muhammad agar mengapi-apikan semangat jihad. Agar semangat ini sentiasa membakar dan bertenaga bagi menghadapi segala kemungkinan. Firman Allah:

﴿فَقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا تُكَلَّفُ إِلَّا نَفْسَكَ وَحَرِّضَ الْمُؤْمِنِينَ عَسَى اللَّهُ أَنْ يَكُفَّ بَأْسَ الَّذِينَ

كَفَرُوا وَاللَّهُ أَشَدُّ بَأْسًا وَأَشَدُّ تَنكِيلًا﴾

Maksudnya: Maka berperanglah kamu pada jalan Allah, tidaklah kamu dibebani melainkan dengan kewajiban kamu sendiri. Kobarkanlah semangat para mu'min (untuk berperang). Mudah-mudahan Allah menolak serangan orang-orang yang kafir itu. Allah amat besar kekuatan dan amat keras siksaan(Nya).

An-Nisa': 84.

Firman Allah:

﴿وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ﴾

Maksudnya: *Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.*

Al-Hajj: 78.

Dan firmanNya lagi:

﴿إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَىٰ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِآثَرِ لَهُمُ الْجَنَّةِ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبِرُوا بَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ الْقَوْرُ الْعَظِيمُ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mu'min diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka membunuh atau terbunuh. (Itu telah menjadi) janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil dan Al Qur'an. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar.*

At-Taubah: 111.

Ringkasnya, jihad dengan nyawa dan harta adalah petanda kepada keutuhan iman. Ia merupakan tanggung jawab yang dimuliakan Allah s.w.t. Bagi mereka ganjaran yang besar di hari akhirat kelak kerana niat mereka adalah untuk mengangkat kalimah Allah di muka bumi.

Bagi memastikan kesediaan dalaman, Islam cukup menitik beratkan peranan media dan penerangan. Ini merupakan jihad dengan lidah dan pena. Juga merupakan hasil semangat nasihat menasihati sesama muslim agar bersama dengan kebenaran dan kesabaran. Firman Allah s.w.t.:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

Maksudnya: Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal solih dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran.

Al-Asr: 1-3

Oleh itu, segala maklumat dari media elektronik dan media cetak mengenali klasifikasinya. Maklumat dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu bentuk jelas, separa jelas atau jelas kepada golongan tertentu. (Perkara-perkara ini akan dibincangkan di dalam bahagian perisikan). Maklumat ini hendaklah bertujuan samada untuk memperdayakan, melemahkan semangat dan memecah-belahkan musuh dan sekutunya ataupun memperkukuhkan psikologi pejuang Islam.

Antara perkara yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. bagi menguatkan psikologi para pejuangnya adalah melaungkan perkataan semangat seperti:

1. Peperangan Badar أَدَّ أَدَّ iaitu yang esa yang esa.
2. Peperangan Uhud أَمِتْ أَمِتْ iaitu matikan matikan.
3. Peperangan Zil Qird يَا خَيْلَ اللَّهِ ارْكَبِي iaitu wahai kuda Allah, tunggallah.
4. Peperangan Khandak لَا يُنْصَرُونَ حم iaitu HaaMiim, mereka tidak akan diberi pertolongan.
5. Peperangan Bani Quraizah اللَّهُ أَكْبَرُ iaitu Allah Maha Besar.

4.1.2 NILAI MENGINGATI ALLAH.

Mengingati Allah sebanyak-banyaknya di dalam hati dan lidah beserta pengharapan dan berdoa meminta kemenangan lantaran kerana kemenangan tidak akan dicapai melainkan

pertolongan Allah. Hendaklah mengingat Allah ketika di medan perang agar dapat menjelma sikap pengabdian kepada Allah, merasakan keimanan, berserah kepada Allah dan bertawakkal kepadaNya dan menguatkan kekuatan dalaman. Maka dengan mengingatNya akan menenangkan hati yang berharap kemenangan dan kegembiraan. Manakala dengan doanya akan menyediakan dirinya berhadapan segala kesusahan dan ketakutan, dan menjadikan dirinya sentiasa berani mati di jalan Allah.

Beringatlah, pertolongan Allah s.w.t. tidak dapat diukur dengan perbandingan realiti. Sememangnya logik dan diterima akal jika kita nisbahkan sesuatu perkara berdasarkan kekuasaan Allah yang Maha Agung dan Perkasa. Dialah yang akan memberi kemenangan kepada hambanya yang benar-benar menolong agamanya. Firmannya:

﴿ وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ۝ ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa.*

Al-Hajj: 40.

Pun begitu, agama Islam mengajak kaum muslimin agar meneliti realiti dan sebab-musabab kemenangan. Beberapa golongan ulama cuba menyimpulkan perkara ini dan menyatakan:

أَخْذُ الْأَسْبَابِ طَاعَةٌ وَتَرْكُهُ مَعْصِيَةٌ وَالرُّكُونُ إِلَيْهَا مَفْسَدَةٌ

Maksudnya: *Mengambil sebab-sebab (faktor-faktor kemenangan) adalah ketaatan, meninggalkannya adalah satu kemaksiatan dan cenderung (dengan sepenuh hati) kepadanya adalah kerosakan.*

Sesungguhnya kemenangan tanpa mengharap pertolongan Allah s.w.t. adalah merupakan satu kerosakkan kerana ini merupakan sikap golongan yang melupai Allah. Bahkan sikap ini adalah sikap golongan yang dikuasai syaitan sebagaimana Allah s.w.t. menjelaskan:

أَسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنسَاهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ أُولَٰئِكَ حِزْبُ الشَّيْطَانِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ الشَّيْطَانِ هُمُ

الْخَسِرُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: Syaitan telah menguasai mereka lalu menjadikan mereka lupa mengingat Allah; mereka itulah golongan syaitan. Ketahuilah, bahwa sesungguhnya golongan syaitan itulah golongan yang merugi.

Al-Mujadalah: 19

Perang Hunain memberi pengajaran kepada umat Islam apabila sikap beberapa golongan Islam yang merasakan mereka sudah cukup kesediaan dan merasa tidak memerlukan pertolongan Allah telah mengakibatkan kekalahan. Manakala sebahagian mereka yang teguh telah membuahkan kemenangan. Allah s.w.t. telah membawa cerita ini kepada kita:

﴿ لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ عَنْكُمْ

شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمْ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٩﴾ ثُمَّ أَنزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى


رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنزَلَ جُنُودًا لَّمْ تَرَوْهَا وَعَذَّبَ الَّذِينَ كَفَرُوا وَذَٰلِكَ جَزَاءُ

الْكَافِرِينَ ﴿١٠﴾ ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah menolong kamu (hai para mu'minin) di medan peperangan yang banyak, dan (ingatlah) peperangan Hunain, yaitu diwaktu kamu menjadi bongkak kerana banyaknya jumlah (mu), maka jumlah yang banyak itu tidak memberi manfa'at kepadamu sedikitpun, dan bumi yang luas itu telah terasa sempit olehmu, kemudian kamu lari kebelakang dengan bercerai-berai. Kemudian Allah menurunkan ketenangan kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman, dan Allah menurunkan bala tentara yang kamu tiada melihatnya, dan Allah menimpakan

bencana kepada orang-orang yang kafir (kekalahan), dan demikianlah pembalasan kepada orang-orang yang kafir.

At-Taubah: 24-26.



Rajah 7: Peta kedudukan medan perang Hunain, kota Mekah dan Madinah.

Berbanding dengan ajaran Rasulullah s.a.w. yang telah menunjukkan satu contoh sikap yang mulia sebagaimana Imam Muslim meriwayatkan dari Umar Al-Khattab: Ketika perang Badar, Rasulullah s.a.w. melihat tentera golongan musyrikin seramai seribu orang sedangkan para sahabat (tentera) baginda tiga ratus sembilan belas orang sahaja. Lalu nabi s.a.w. mengadap kiblat, mengangkat kedua belah tangannya dan terus menyeru Tuhannya;

"اللَّهُمَّ! أَنْجِرْ لِي مَا وَعَدْتَنِي. اللَّهُمَّ! آتِ مَا وَعَدْتَنِي. اللَّهُمَّ! إِنْ تَهْلِكُ هَذِهِ الْعِصَابَةُ مِنْ أَهْلِ الْإِسْلَامِ لَا تُعْبَذُ فِي الْأَرْضِ"

Maksudnya: *Ya Allah! Laksanakanlah apa yang telah Kamu janjikan kepadaku (kemenangan). Ya Allah ! Hadirkanlah (kemenangan) sebagaimana yang telah Kamu janjikan kepadaku. Ya Allah! Jikalau sekumpulan dari golongan Islam ini binasa, tiadalah (sesiapa) di muka bumi ini yang menyembah engkau.*

Baginda sentiasa menyeru Tuhannya dengan mendepakan kedua tangannya sambil mengadap kiblat sehingga kain rida' (yang diletakkan) di atas bahunya jatuh. Maka datanglah Abu Bakar yang terus mengambil kain rida' tersebut dan menyarung kembali di atas bahu baginda. Abu Bakar seterusnya bersama dengan baginda di belakangnya.

Dan berkata Abu Bakar, "Wahai nabi! Itulah pintaan kamu kepada Tuhanmu. Sesungguhnya Allah akan melaksanakan untuk kamu apa yang dijanjikan.

Maka Allah Azzawajalla menurunkan ayat:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرَدِّفِينَ ﴿٩﴾

Maksudnya: *(Ingatlah), ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu, lalu diperkenankan-Nya bagimu: "Sesungguhnya Aku akan mendatangkan bala bantuan kepada kamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut".*

An-Anfal: 9.

Maka Allah telah memberi bantuan kepadanya dengan para malaikat.

Sohih Muslim

Justeru, mengingati Allah di kala peperangan dan berdoa kepadaNya merupakan salah satu syarat pertolongan Allah s.w.t. kepada hambaNya.

4.1.3 NILAI KETAATAN.

Ketaatan kepada Allah dan Rasulullah adalah salah satu penyebab kemenangan. Ketaatan ini akan menjelmakan sikap disiplin terhadap diri dan peraturan, dan akan menjauhkan

kekucar-kaciran dan perpecahan. Sikap ini akan terjelma dalam setiap peringkat di dalam tentera.

Ketaatan kepada Allah S.W.T juga akan membuah keimanan. Dengan perkataan lain, ketinggian ketaatan kepada Allah dan Rasulullah akan membuah keimanan dan sebaliknya jikalau rendah ketaatan kita akan mengurangkan keimanan. Kekuatan keimanan adalah kekuatan dalaman yang utama. Banyak nas Al-Quran mengaitkan kekuatan dalaman adalah kekuatan keimanan. Semakin tinggi keimanannya, tidak gonyah pendiriannya. Aqidah, pergaulan dan akhlak yang berdasarkan keimanan memainkan peranan penting di dalam membentuk keutuhan pejuang Islam. Firman Allah s.w.t.:

﴿ إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

﴿ وَمَنْ يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا فَإِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْغَالِبُونَ ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah, Rasul-Nya, dan orang-orang yang beriman, yang mendirikan shalat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk (kepada Allah). Dan barangsiapa mengambil Allah, Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) Allah itulah yang pasti menang.*

Al-Maidah: 55-56.

Bahkan, sikap yang bertentangan dengan ajaran Allah s.w.t. adalah penyebab kepada kekalahan. Antara sikap tersebut adalah:

Pertama: Bongkak dan menunjuk-nunjuk. Sebagaimana firmanNya:

﴿ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ خَرَجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ بَطَرًا وَرِئَاءَ النَّاسِ وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَاللَّهُ

بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطٌ ﴿٥٧﴾ ﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang keluar dari kampungnya dengan rasa angkuh dan dengan maksud riya' kepada manusia serta menghalangi (orang) dari jalan Allah (iaitu golongan musyrikin Mekah yang datang ke Badar untuk memerangi rasulullah dan para sahabat baginda). Dan (ilmu) Allah meliputi apa yang mereka kerjakan.

Al-Anfal: 47

Kedua: Tidak berbincang dan berkeras hati. Allah telah melarang sikap tersebut sebagaimana firmanNya:

﴿ فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ

وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾ ﴾

Maksudnya: Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Karena itu ma'afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.

Ali Imran: 159.

Ketiga: Cintakan dunia. Sebagaimana kekalahan yang menimpa kepada sebilangan golongan pemanah yang ditempatkan di bukit Uhud. Mereka menerima tamparan yang

hebat apabila kalah gara-gara sukakan rampasan harta perang dan meninggalkan arahan rasulullah s.a.w.. Firman Allah menceritakan perihai ini:

﴿ حَتَّىٰ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَزَّعْتُمْ فِي الْأَمْرِ وَعَصَيْتُمْ مِّنْ بَعْدِ مَا أَرْسَلَكُمْ مَّا تَحِبُّونَ مِّنْكُمْ مَّن يُرِيدُ الدُّنْيَا وَمِنْكُمْ مَّن يُرِيدُ الْآخِرَةَ ۖ ﴾

Maksudnya: *Sehingga pada saat kamu lemah dan berselisih dalam urusan dan mendurhakai perintah (Rasul) sesudah Allah memperlihatkan kepadamu apa yang kamu sukai. Di antaramu ada orang yang menghendaki dunia dan diantara kamu ada orang yang menghendaki akhirat.*

Ali Imran: 152.

Keempat: Sedih yang berpanjangan.

Ketika perang Uhud, Allah telah memperingatkan pejuang Islam yang bersedih kerana kekalahan. Kesedihan ini menyebabkan mereka semakin kalah teruk. Firman Allah s.w.t. menceritakan perkara ini:

﴿ إِذْ تُصْعِدُونَ وَلَا تَلَوْنِ عَلَىٰ أَحَدٍ وَالرَّسُولُ يَدْعُوكُمْ فِي أُخْرَاكُمْ فَأَثَابَكُمْ غَمًّا بِغَمٍّ لِّكَيْلًا تَحْزَنُوا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا مَا أَصَابَكُمْ ۗ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ۝ ﴾

Maksudnya: *(Ingatlah) ketika kamu lari dan tidak menoleh kepada seseorangpun, sedang Rasul yang berada di antara kawan-kawanmu yang lain memanggil kamu, karena itu Allah menimpakan atas kamu kesedihan atas kesedihan, supaya kamu jangan bersedih hati terhadap apa yang luput dari pada kamu dan terhadap apa yang menimpa kamu. Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.*

Ali Imran: 153.

Kelima: Menggunakan perkataan “kalau” dengan erti tidak meredhai apa yang terjadi. Ini adalah sikap dan perangai kebanyakan orang yang tidak beriman. Mereka

adalah golongan yang tidak mengharapkan pertolongan dan rahmat Allah s.w.t. Firman Allah:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا لِإِخْوَانِهِمْ إِذَا ضَرَبُوا فِي الْأَرْضِ أَوْ كَانُوا غُزًى لَوْ كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَاتُوا وَمَا قُتِلُوا لِيَجْعَلَ اللَّهُ ذَٰلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوبِهِمْ ۗ وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١٥٦﴾ وَلَئِنْ قُتِلْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مُتُّمْ لَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرَحْمَةٌ ۖ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ ﴿١٥٧﴾ وَلَئِنْ مُتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ لَإِلَى اللَّهِ تُحْشَرُونَ ﴿١٥٨﴾﴾

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu seperti orang-orang kafir (orang-orang munafik) itu, yang mengatakan kepada saudara-saudara mereka apabila mereka mengadakan perjalanan di muka bumi atau mereka berperang: "Kalau mereka tetap bersama-sama kita tentulah mereka tidak mati dan tidak dibunuh." Akibat (dari perkataan dan keyakinan mereka) yang demikian itu, Allah menimbulkan rasa penyesalan yang sangat di dalam hati mereka. Allah menghidupkan dan mematikan. Dan Allah melihat apa yang kamu kerjakan. Dan sungguh kalau kamu gugur di jalan Allah atau meninggal, tentulah ampunan Allah dan rahmat-Nya lebih baik (bagimu) dari harta rampasan yang mereka kumpulkan. Dan sungguh jika kamu meninggal atau gugur, tentulah kepada Allah saja kamu dikumpulkan.

Ali Imran: 156-158.

Kesemua ini adalah sikap golongan yang tidak mentaati Allah s.w.t. dan rasulNya. Saya masih mahu mengingatkan bahawa agama Islam adalah agama yang mencapai kemenangan. Bahkan semakin jauh dari Islam maka kita semakin jauh dari jalan kemenangan. Firman Allah s.w.t. mengenai perkara ini:

يَقُولُونَ لِنَ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لِيُخْرِجَنَا الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ
وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: Mereka (orang-orang Munafiq) berkata: "Sesungguhnya jika kita telah kembali ke Madinah (negara Islam), benar-benar orang yang kuat akan mengusir orang-orang yang lemah dari padanya." Padahal kekuatan itu hanyalah bagi Allah, bagi Rasul-Nya dan bagi orang-orang mu'min, tetapi orang-orang munafik itu tiada mengetahui.

Al-Munafiquun: 8.

Inilah juga yang diperingatkan oleh Umar Al-Khattab kepada tenteranya pada hari beliau ke Syam dalam keadaan dan berpakaian sederhana. Ketika beliau ditegur oleh pimpinan pejuang kerana bimbang karisma Umar akan tercalar di hadapan para tentera.:

نَحْنُ قَوْمٌ أَعَزَّنَا اللَّهُ بِالْإِسْلَامِ فَمَهْمَا أَنْ نَبْتَغِ الْعِزَّةَ لِغَيْرِ الْإِسْلَامِ أَذَلَّنَا اللَّهُ

Maksudnya: Kita adalah golongan yang Allah kuatkan kita dengan agama Islam. Jikalau kita mencari kekuatan selain agama Islam, kita akan lemah.

Riwayat Al-Hakim

4.1.4 NILAI KESATUAN DI DALAM BARISAN.

Kesatuan di dalam barisan, seruan dan tujuan, dan tidak berbalah dan berselisih faham di antara sama sendiri akan membuahkan kemenangan. Jika sebaliknya, ia akan membawa kepada kegagalan, iaitu sikap berasa lemah diri dan tidak mampu, merosotkan kemampuan, membinasakan struktur masyarakat pejuang, menghilangkan semangat, menumpulkan kekuatan dan menghilangkan sikap senantiasa bersiapsiaga bagi berdepan dan mara ke medan juang.

Antara cara penyediaan golongan pejuang adalah dengan mempereratkan antara anggota dan meniadakan perbalahan antara golongan pejuang. Firman Allah s.w.t.:

﴿ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴾

Maksudnya: Oleh sebab itu bertakwalah kepada Allah dan perbaikilah perhubungan di antara sesamamu; dan ta'atlah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu adalah orang-orang yang beriman.

Al-Anfal: 1

Jikalau timbul pertelingkahan hendaklah segera mempersatukan antara mereka. Dan jikalau ada yang melampau, ambillah tindakan tatatertib sehingga mereka kembali dengan mentaati Allah s.w.t. FirmanNya:

﴿ وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَىٰ فَاقْتُلُوا الْاَّتْيَىٰ تَبَغَىٰ حَتَّىٰ تَفِيءَ إِلَىٰ أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴾



Maksudnya: Dan kalau ada dua golongan dari mereka yang beriman itu berperang hendaklah kamu damaikan antara keduanya! Tapi kalau yang satu melanggar perjanjian terhadap yang lain, hendaklah yang melanggar perjanjian itu kamu perangi sampai surut kembali pada perintah Allah. Kalau dia telah surut, damaikanlah antara keduanya menurut keadilan, dan hendaklah kamu berlaku adil; sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berlaku adil.

Al-Hujraat: 9.

Perlu diingatkan, aturan kemasyarakatan sesama golongan yang beragama Islam adalah persaudaraan sesama Islam. Sikap persaudaraan ini adalah kewajiban yang terpujudak dibahu seseorang yang mengakui beragama Islam. Meninggalkannya adalah haram sama sekali. Hakikat persaudaraan ini dinyatakan Allah s.w.t.:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلَحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠٦﴾ يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا
 يَسْخَرُ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا
 تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللِّغْلِيبِ بَشِّرِ الْفَاسِقُوعَ الْإِيمَنِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ
 الظَّالِمُونَ ﴿١٠٧﴾ يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا
 يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ
 رَّحِيمٌ ﴿١٠٨﴾ يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّن ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
 عِندَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٠٩﴾

Maksudnya: Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat. Hai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik. Dan janganlah suka mencela dirimu sendiri (sesama sendiri) dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan. Seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertobat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan purba-sangka (kecurigaan), karena sebagian dari purba-sangka itu dosa. Dan janganlah mencari-cari keburukan orang dan janganlah mengumpat satu sama lain. Adakah seorang diantara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang. Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan

bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Al-Hujraat: 10-13.

Dan sabda Rasulullah s.a.w. :

لَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَنَاجَشُوا وَلَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَلَا يَبِعَ بَعْضُكُم عَلَى بَعْضٍ. وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا.
 الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يَخْذُلُهُ وَلَا يَحْقِرُهُ. التَّقْوَى هَا هُنَا (وَيَشِيرُ إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ).
 بِحَسْبِ امْرِئٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعَرْضُهُ.

Maksudnya: *Janganlah kamu berhasad dengki, jangan kamu menipu sifat barang (kepada sahabat kamu di dalam jual beli), jangan marah-memarahi, jangan belakang-membelakangi dan janganlah membeli barang yang telah dibeli oleh saudaramu. Jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seseorang muslim adalah saudara terhadap muslim (yang lain); dia tidak menzaliminya, tidak mempersia-siakannya (apabila saudaranya memerlukan pertolongan) dan tidak memperlekehkannya. Ketakwaan adalah di sini (seraya menunjukkan ke arah dadanya sebanyak tiga kali). Cukuplah seseorang dikira jahat apabila dia telah memperlekehkan saudaranya yang muslim. Setiap muslim terhadap seseorang muslim (ada) tegahan; (terhadap) darahnya, hartanya dan maruahnyanya.*

Sohih Muslim

Persaudaraan ini adalah berdasarkan tautan akidah muslimin yang beriman dengan Allah s.w.t. Allah menginginkan agar persaudaraan ini menjadi penyebab kepada sikap tolong menolong dan saling faham memahami. Perhubungan yang tiada asas keimanan adalah rapuh dan mudah roboh.

Perlulah kesemua kesediaan ini berterusan kerana ia adalah senjata yang baik dan pihak musuh begitu menghendaki kealpaan dan perpecahan dari pihak Islam agar dapat memusnahkan Islam dengan satu serangan. Firman Allah:

﴿وَدَّ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْ تَغْفُلُونَ عَنْ أَسْلِحَتِكُمْ وَأَمْتِعَتِكُمْ فَيَمِيلُونَ عَلَيْكُمْ مَيْلَةً وَاحِدَةً﴾

Maksudnya: *Orang-orang kafir ingin supaya kamu lengah terhadap senjatamu dan harta bendamu, lalu mereka menyerbu kamu dengan sekaligus.*

An-Nisa': 102.

Justeru, Al-Quran mengajar kepada kita agar berhati-hati cubaan mahupun tindakan yang cuba untuk memecah-belah kekuatan persaudaraan dan kesatuan Islam. Begitu juga, Al-Quran menyatakan cara-cara untuk menghadapi ancaman tersebut. Diantara cara-cara tersebut adalah⁶:

Pertama: Perlulah berusaha untuk menyatakan percubaan dan tindakan musuh memecah-belahkan kesatuan Islam dan beringat-ingat agar sering berpegang teguh dengan ketakwaan dan agama Allah. Firman Allah:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَطِيعُوا فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ

۝ وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ ءَايَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ ۚ وَمَن يَعْتَصِم بِاللَّهِ فَقَدْ

هُدًى إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ۝ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۚ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ

مُسْلِمُونَ ۝ وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً

فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۚ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ۝﴾

⁶ Sila rujuk Al-Madkhal Ilal Aqidah wal Istratijiyyatil Askariyyatil Islamiah, m/s: 155-166.

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, jika kamu mengikuti sebahagian dari orang-orang yang diberi Al-Kitab (Taurat dan Injil), niscaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang kafir sesudah kamu beriman. Bagaimanakah kamu (sampai) menjadi kafir, padahal ayat-ayat Allah dibacakan kepada kamu, dan Rasul-Nya pun berada di tengah-tengah kamu? Barangsiapa yang berpegang teguh kepada (agama) Allah, maka sesungguhnya ia telah diberi petunjuk kepada jalan yang lurus. Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepada-Nya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam. Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu dari padanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.*

Ali Imran: 100-103.

Ayat-ayat di atas mengarahkan kita secara nyata dan jelas agar bersatupadu dengan agama Allah dengan cara mengingati nikmat tautan Islam. Bukan sekadar itu sahaja, bahkan segala percubaan musuh di kalangan ahli Kitab untuk memalingkan drai nikmat ini. Tujuan peringatan ini adalah bagi memastikan kesatuan tentera Islam di bawah tautan agama Islam.

Kedua: Hendaklah menyatakan dan bertindak terhadap percubaan dan tindakan golongan yang tidak ingin bersama dengan kepimpinan dan perjuangan Islam. Firman Allah s.w.t.:

فَرِحَ الْمُخَلَّفُونَ بِمَقْعَدِهِمْ خِلْفَ رَسُولِ اللَّهِ وَكَرِهُوا أَنْ يُجَاهِدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَقَالُوا لَا تَنْفِرُوا فِي الْحَرِّ قُلْ نَارُ جَهَنَّمَ أَشَدُّ حَرًّا لَوْ كَانُوا يَفْقَهُونَ ﴿١٠١﴾ فَلْيَضْحَكُوا قَلِيلًا وَلْيَبْكُوا كَثِيرًا

جَزَاءُ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٨١﴾ فَإِنْ رَجَعَكَ اللَّهُ إِلَى طَائِفَةٍ مِنْهُمْ فَاسْتَعَذُّوكَ لِلْخُرُوجِ فَقُلْ لَنْ تَخْرُجُوا
مَعِيَ أَبَدًا وَلَنْ تُقَاتِلُوا مَعِيَ عَدُوًّا إِنَّكُمْ رَضِيتُمْ بِالْقُعُودِ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَاقْعُدُوا مَعَ الْخَلَفِينَ ﴿٨٢﴾

Maksudnya: Orang-orang yang ditinggalkan (tidak ikut perang) itu, merasa gembira dengan tinggalnya mereka di belakang Rasulullah, dan mereka tidak suka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah dan mereka berkata: "Janganlah kamu berangkat (pergi berperang) dalam panas terik ini". Katakanlah: "Api neraka jahannam itu lebih sangat panas(nya)" jika mereka mengetahui. Maka hendaklah mereka tertawa sedikit dan menangis banyak, sebagai pembalasan dari apa yang selalu mereka kerjakan. Maka jika Allah mengembalikanmu kepada suatu golongan dari mereka, kemudian mereka minta izin kepadamu untuk keluar (pergi berperang), maka Katakanlah: "Kamu tidak boleh keluar bersamaku selama-lamanya dan tidak boleh memerangi musuh bersamaku. Sesungguhnya kamu telah rela tidak pergi berperang kali yang pertama. Karena itu duduklah bersama orang-orang yang tidak ikut berperang".

At-Taubah: 81-83.

Ayat-ayat surah at-Taubah ini pula menjelaskan agar sentiasa mengikuti satu kepimpinan iaitu kepimpinan Rasulullah saw. Allah menempelak sesiapa sahaja yang suka berpaling dari arahan kepimpinan dan tidak menyukai apa-apa program jihad dengan meletakkan pelbagai alasan-alasan yang rapuh. Ketenteraan Islam perlu menepis segala alasan yang berkaitan dengan dan berdiri teguh di bawah kepimpinan agar sentiasa bersedia sedia di dalam apa jua keadaan.

Ketiga: Hendaklah menyatakan percubaan dan tindakan golongan yang tidak yakin dengan kemenangan Islam. Firman Allah s.w.t.:

وَإِذْ يَقُولُ الْمُنَافِقُونَ وَالَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ مَّا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ إِلَّا غُرُورًا ﴿١٢﴾ وَإِذْ قَالَتْ طَائِفَةٌ مِّنْهُمْ يَا أَهْلَ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَارْجِعُوا وَيَسْتَأْذِنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ النَّبِيَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِيَ بِعَوْرَةٍ إِن يُرِيدُونَ إِلَّا فِرَارًا ﴿١٣﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah) ketika orang-orang munafik dan orang-orang yang berpenyakit dalam hatinya berkata : "Allah dan Rasul-Nya tidak menjanjikan kepada kami melainkan tipu daya". Dan (ingatlah) ketika segolongan di antara mereka berkata: "Hai penduduk Yatsrib (Madinah), tidak ada tempat bagimu, maka kembalilah kamu". Dan sebahagian dari mereka minta izin kepada Nabi (untuk kembali pulang) dengan berkata : "Sesungguhnya rumah-rumah kami terbuka (tidak ada penjaga)". Dan rumah-rumah itu sekali-kali tidak terbuka, mereka tidak lain hanya hendak lari.

Al-Ahzab: 12-13.

Ayat-ayat ini pula mengisahkan suasana perang Ahzab. Peperangan ini berhadapan dengan suasana kegenteran berhadapan gabungan tentera-tentera seluruh semenanjung Arab. Di tengah-tengah tentera Islam, ada beberapa anggota tentera yang ragu-ragu dengan strategi dan kemenangan tentera Islam. Mereka mengemukakan alasan-alasan yang tidak munasabah bagi tujuan mengundurkan diri dari medan juang. Perihal mereka ini diceritakan kepada Rasulullah saw dan para pejuang yang bersama dengan baginda.

Keempat: Bertindak terhadap segala percubaan bagi membentuk tekanan psikologi terhadap pejuang Islam. Firman Allah s.w.t.:

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ ﴿١٤﴾

Maksudnya: (Yaitu) orang-orang (yang menta'ati Allah dan Rasul) yang kepada mereka ada orang-orang yang mengatakan: "Sesungguhnya manusia telah mengumpulkan

pasukan untuk menyerang kamu, karena itu takutlah kepada mereka", maka perkataan itu menambah keimanan mereka dan mereka menjawab: "Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung".

Ali Imran: 173.

Ayat di atas memerihalkan beberapa golongan yang ingin menakutkan tentera Islam sebelum tercetusnya perang Ahzab. Tujuan mereka hanyalah untuk membentuk satu tekanan mental dan psikologi tentera Islam semata-mata. Allah mengarahkan agar kita sentiasa mengingatnya dan menyebut, *"Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung"* sebagai satu modul pemantapan mental dan psikologi umat Islam agar sentiasa bersatu padu.

Kelima: Menjaga rahsia dan membendung dakyah yang timbul walaupun kepada keluarga dan sanak saudara yang terdekat. Firman Allah s.w.t.:

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ ۖ وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَاتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: *Dan apabila datang kepada mereka suatu berita tentang keamanan ataupun ketakutan, mereka lalu menyiarkannya. Dan kalau mereka menyerahkannya kepada Rasul dan Ulil Amri di antara mereka, tentulah orang-orang yang ingin mengetahui kebenarannya (akan dapat) mengetahuinya dari mereka (Rasul dan Ulil Amri). Kalau tidaklah karena karunia dan rahmat Allah kepada kamu, tentulah kamu mengikut syaitan, kecuali sebahagian kecil saja (di antaramu).*

An-Nisa': 83.

Ayat di atas pula menyatakan segala pergerakan ketenteraan Islam perlulah merujuk kepada kepimpinan tertinggi. Segala maklumat yang diperolehi perlulah dijaga rapi.

Keenam: Perlu mengembalikan kekuatan dalaman golongan muslimin. Sebagaimana seruan Allah s.w.t.:

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾ إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾ وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَمْحَقَ الْكَافِرِينَ ﴿١٤١﴾ أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخِلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ اللَّهُ الَّذِينَ جَاهَدُوا مِنْكُمْ وَيَعْلَمَ الصَّابِرِينَ ﴿١٤٢﴾

Maksudnya: *Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah (pula) kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi (derajatnya), jika kamu orang-orang yang beriman. Jika kamu (pada perang Uhud) mendapat luka, maka sesungguhnya kaum (kafir) itupun (pada perang Badar) mendapat luka yang serupa. Dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu Kami pergilirkan diantara manusia (agar mereka mendapat pelajaran); dan supaya Allah membedakan orang-orang yang beriman (dengan orang-orang kafir) supaya sebagian kamu dijadikan-Nya (gugur sebagai) syuhada'. Dan Allah tidak menyukai orang-orang yang zalim, Dan agar Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa mereka) dan membinasakan orang-orang yang kafir. Apakah kamu mengira bahwa kamu akan masuk surga, padahal belum nyata bagi Allah orang-orang yang berjihad diantaramu dan belum nyata orang-orang yang sabar.*

Ali Imran: 139-142.

Ayat-ayat di atas memerihalkan keadaan beberapa tentera Islam yang murung selepas kekalahan di medan perang Uhud. Perasaan rendah diri, bersikap lemah dan bersedih hati perlu dihindarkan. Semuanya adalah ujian dan kekalahan tidaklah berterusan. Allah memperingatkan mereka agar menerapkan semangat iman, jihad dan sabar agar sentiasa tabah bersama-sama dengan kesatuan umat Islam.

4.1.5 NILAI KESABARAN.

Sabar terhadap kepayahan dan ujian, dan sanggup menerima serangan musuh. Kesabaran adalah senjata yang ampuh untuk berhadapan dengan musuh. Kesabaran di dalam perjuangan adalah sangat penting. Agama Islam mengajar beberapa perkara yang memainkan peranan penting untuk mencapai kesabaran, iaitu:

Pertama: Melepaskan diri dari sikap takut mati. Islam mengajar manusia pasti akan mati walaupun berada di tempat yang aman sebagaimana firman Allah S.W.T:

قُلْ لَّوْ كُنْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَىٰ مَضَاجِعِهِمْ

Maksudnya: *Katakanlah: "Sekiranya kamu berada di rumahmu, niscaya orang-orang yang telah ditakdirkan akan mati terbunuh itu keluar (juga) ke tempat mereka terbunuh".*

Ali Imran: 154.

Kedua: Melepaskan diri dari kemahuan dunia. Allah memperingatkan kepada kita bahawa rezeki adalah melalui izinNya:

مَا يَفْتَحُ اللَّهُ لِلنَّاسِ مِنْ رَحْمَةٍ فَلَا مُمْسِكَ لَهَا وَمَا يُمْسِكُ فَلَا مُرْسِلَ لَهُ مِنْ بَعْدِهِ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ

الْحَكِيمُ

Maksudnya: *Apa saja yang Allah anugerahkan kepada manusia berupa rahmat, maka tidak ada seorangpun yang dapat menahannya; dan apa saja yang ditahan oleh Allah maka tidak seorangpun yang sanggup melepaskannya sesudah itu. Dan Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

Al-Fatir: 2.

Ketiga: Melepaskan keinginan kemegahan dan kemenangan dari musuh. Hendaklah kita meminta kemenangan dari Allah s.w.t. sebagaimana firmanNya:

إِنْ يَنْصُرْكُمُ اللَّهُ فَلَا غَالِبَ لَكُمْ وَإِنْ يَخْذُلْكُمْ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَنْصُرُكُمْ مِنْ بَعْدِهِ وَعَلَى اللَّهِ
فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٦٠﴾

Maksudnya: Jika Allah menolong kamu, maka tak adalah orang yang dapat mengalahkan kamu; jika Allah membiarkan kamu (tidak memberi pertolongan), maka siapakah gerangan yang dapat menolong kamu (selain) dari Allah sesudah itu? Karena itu hendaklah kepada Allah saja orang-orang mu'min bertawakkal.⁷

Ali Imran: 160

Salah satu sikap sabar adalah memahami tipu daya musuh. Rasulullah telah bersabda: الْحَرْبُ خُدْعَةٌ

Maksudnya: Peperangan itu adalah tipu helah.⁸

Riwayat Bukhari

Hadith tersebut membawa dua maksud:

Pertama: Keharusan tipu daya di dalam keadaan perang. Ini adalah persediaan bagi mendapatkan kemenangan. Begitu juga mengambil kesempatan di dalam serangan setelah jelas kepincangan, kelemahan dan kekurangan persediaan dari pihak musuh, adalah dianggap salah satu perkara yang penting di dalam neraca strategi.

Kedua: Hadith tersebut menjelaskan satu peringatan untuk berjaga-jaga di dalam medan perang dan mengharuskan tipu helah terhadap musuh.⁹


Sememangnya kita perlu mengambil sikap berjaga-jaga dengan musuh dan mencari kesempatan yang baik untuk kemenangan Islam. Rasulullah s.a.w. telah

⁷ Sila rujuk Al-Madkhal Ilal Aqidah wal Istratijiyyatil Askariyyatil Islamiah, m/s:236-240.

⁸ Sahih Bukhari, bab peperangan adalah helah, 2866.

⁹ Sila lihat Fathul Bari karangan Ibnu Hajar Al-Asqalani di dalam menerangkan hadith tersebut.

menunjukkan satu contoh yang terbaik ketika mengambil kesempatan ketidak sediaan pihak musuh sebelum pembukaan kota Mekah. Rasulullah dalam diam-diam telah mengumpulkan kekuatan tentera dan bersedia untuk bergerak maju ke medan perang dengan mengambil langkah kerahsiaan yang ketat sehingga sahabat yang paling dekat dengan baginda; Abu Bakar dan isteri yang paling disayangi; Aisyah tidak mengetahui tindakan baginda mengarahkan para sahabat memenuhi segala kelengkapan perang. Pernah Abu Bakar menanyakan anaknya Aisyah tentang tujuan Rasulullah s.a.w. Maka menjawab Aisyah r.a., " Tidak diberi tahu kepada kami sedikit pun dan hanya berdiam diri". Dalam masa yang sama, baginda telah menghantar beberapa perisik di dalam negara Madinah untuk mengelakkan "maklumat persediaan tentera Islam" dari di ketahui oleh orang Quraisy. Begitu juga perisik dihantar berjaga di perbatasan luar Madinah agar orang Quraisy dan Munafik tidak mengetahui maklumat tersebut. Tambahan pula, baginda berdoa, "Wahai Tuhanku, ambillah pendengaran dan penglihatan mereka supaya mereka tidak melihat melainkan sebentar dan tidak mendengar melainkan secara mengejut."¹⁰



Rajah 8: Peta menunjukkan empat arah kemasukan para pejuang bagi menakluki kota Mekah.

¹⁰ Sila lihat Al-Qiyadah Al-Askariah, 395-396.

Maka jelaslah disini mengambil kesempatan menyerang dalam keadaan musuh tidak bersiap sedia adalah dibenarkan bahkan Rasulullah telah meninggalkan kepada kita satu petunjuk yang jelas bagi melaksanakan tugas ini.

Begitu juga sikap “tidak mengambil tindakan ketika kesediaan musuh adalah rapi” adalah dibenarkan dan diajarkan oleh baginda Muhammad s.a.w. sebagaimana baginda mengarahkan pengunduran tentera dari bandar Taif selepas serangan tidak berjaya sebagai suatu penantian keIslaman mereka. Begitu juga apa yang baginda akui akan perbuatan Khalid bin Al-Walid mengundurkan tentera selepas tentera Rom bertempiran lari lantaran menunggu serangan yang kedua. Sememangnya perkara ini tidak semudah yang disangka lantaran penarikan tentera ini adalah strategi peperangan yang penting. Namun, ia tetap memberi peringatan kepada kita agar sentiasa bersiap sedia.

4.2 TANGGUNGJAWAB KETUA TENTERA

Tugas dan tanggungjawab seorang pemimpin pejuang adalah terlalu tinggi malah ada yang menjadikan kedudukan pemimpin pejuang menyamai kedudukan ketua negara. Ada pakar-pakar strategi meletakkan keadaan-keadaan tertentu bagi ketua pejuang tidak perlu patuh kepada ketua tertinggi. Sebabnya hanyalah kerana mentaati ketua di waktu peperangan berlangsung akan menyebabkan kemudharatan dan ia akan menyebabkan perasaan serba salah seorang pemimpin pejuang terhadap pendirian yang dikeluarkan.

Manakala Islam pula menyatakan akan kepentingan tugas pemimpin pejuang mengeluarkan arahan berundur dan bertahan. Lebih dari itu, Islam mengajukan perbincangan sebagai jalan untuk kebersamaan pemikiran para pejuang Islam agar

mengikuti arahan ketua. Islam meletakkan syarat utama yang perlu ada di kalangan golongan Islam agar bersatu hati dengan menubuhkan satu suruhanjaya mesyuarat (syura) atau yang seerti dengannya. Oleh kerana itulah, Islam meletakkan syura pada kedudukan yang tinggi agar mengambil beberapa ketetapan bersama di medan juang. Tegasnya, Islam menginginkan permesyuaratan menjadi lambang kesatuan pemikiran dan tindakan pemimpin pejuang di dalam hal ehwal perjuangan.

4.2.1 NILAI KEBERANIAN.

Dalam pandangan agama Islam, Nabi Muhammad s.a.w. adalah ikutan para muslim¹¹ dalam keadaan senang dan susah, begitu juga baginda adalah ikutan bagi individu pemimpin. Baginda memiliki sifat-sifat yang terpuji. Bahkan **sifat kelakian, keberanian dan kekentalan** yang ditonjolkan dapat membangkit semangat para sahabat agar mengikutinya.

Sifat baginda berjaya ditunjukkan di dalam peperangan Hunain, baginda memperlihatkan sifat kental. Ketika para pejuangnya melarikan diri daripada peperangan ini pada awal peperangan, baginda tidak berganjak. Sifat ini membangkitkan perasaan tidak berbelah bahagi di kalangan muslim. As-Suhaili; penulis kitab Raudul Unuf meriwayatkan:

قال النبي: " أَيُّهَا النَّاسُ؟ هَلُمُّوا إِلَيَّ أَنا رَسُولُ اللَّهِ , أَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ " فَقَالَ بِصَوْتٍ عَالٍ " أَنَا نَبِيٌّ لَا

كَذِبَ أَنَا مُحَمَّدُ ابْنِ الْمُطَّلِبِ " ¹²

¹¹ Penulis tidak menafikan contoh tauladan yang dilakukan oleh pemimpin yang lain. Bahkan nabi Muhammad S.A.W. telah melatih banyak golongan dikalangan sahabat para pemimpin yang agung. Sifat kepimpinan ada diantaranya adalah bersifat semulajadi dan ada pula telah dilatih. Contohnya, Zaid bin Haritah telah dilantik sebanyak lima kali mengetuai peperangan kecil sebelum baginda Rasulullah S.A.W. melantik beliau sebagai pemimpin terutama di dalam peperangan Muktah. Sila rujuk Al-Madkhal Ilal Aqidah wal Istratijiyyatil Askariyyatil Islamiah, m/s: 391.

¹² Ar-Raudul Unuf: 4/284.

Maksudnya: *Ketika ini Nabi bersabda: "Wahai Manusia, marilah bersama denganku. Saya adalah utusan Allah; sayalah Muhammad bin Abdullah." Lalu baginda mengangkat tinggi suaranya: "Saya adalah nabi yang tidak dusta; sayalah Muhammad berketurunan Al-Mutallib."*

Kemudian, para muslimin berhimpun menghampiri Rasulullah s.a.w.. Seratus daripada mereka berkumpul menghadap musuh dan terus bertempur.¹³ Hasilnya adalah kemenangan selepas kekalahan pada peringkat mula.

4.2.2 NILAI KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN.

Berdasarkan nilai di atas, kita dapat menyimpulkan bahawa kepentingan kepimpinan adalah kepentingan teladan Rasulullah s.a.w. yang merupakan salah satu sunah ikutan yang patut dicontohi. Justeru, peranan ketua pejuang menunjukkan teladan yang baik adalah yang merupakan suatu perkara penting sebagai ikutan baginda. Ini juga apa yang dilaungkan; kepimpinan melalui tauladan.

Penjelasannya; sikap Rasulullah yang tidak menyertai sembahyang mayat terhadap ketua golongan munafiq padahal Rasulullah tidak melarang para sahabat-sahabat baginda menyertai sembahyang mayat tersebut. Hal ini adalah kerana baginda merupakan ikutan dan tauladan kepada orang bawahannya. Oleh kerana itu, tanduk baginda perlulah mengambil kira keperibadian orang yang disembahyangkan. Keperibadian ketua munafiq adalah buruk. Orang seperti ini tidak perlu diberi penghormatan akhir. Dengan cara tidak menyertai sembahyang mayat, baginda telah memberi pengajaran yang besar kepada para pengikut baginda. Hali ini ditegaskan di dalam surah At-Taubah ayat 84:

¹³ Ibid: 4/214.

وَلَا تُصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِّنْهُمْ مَّتَّ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَى قَبْرِهِ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَاتُوا وَهُمْ فَسِقُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu sekali-kali menyembahyangkan (jenazah) seorang yang mati di antara mereka (orang munafiq), dan janganlah kamu berdiri (mendo'akan) di kuburnya. Sesungguhnya mereka telah kafir kepada Allah dan Rasul-Nya dan mereka mati dalam keadaan fasik.*

Pun begitu, bukan semua mampu untuk menjadi pemimpin. Manusia mempunyai kemampuan yang berbeza-beza antara satu sama lain. Ini sebagaimana sabda nabi yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar:

تجدون الناس كإبل مائة لا يوجد فيها راحلة

Maksudnya: Kamu mendapati manusia seperti seratus ekor unta yang tidak kedapatan padanya binatang tungangan.

Riwayat Bukhari, Muslim, At-Tirmizi dan Ibnu Majah

4.2.3 NILAI KEPRIHATINAN.

Begitu juga, sifat prihatin terhadap golongan bawahan merupakan sifat kepimpinan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Baginda pernah memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada Khalid Al-Walid yang merupakan salah seorang panglima tentera Islam yang digeruni dan dihormati. Nasihat baginda adalah hendaklah pemimpin memastikan golongan bawahan menerima manfaat dahulu dan kemudiannya para pemimpin menikmati segala hasil usaha kerjasama. Inilah apa yang disabda oleh baginda:

إِنَّمَا مَتْلُكُكُمْ وَمَتْلُهُمْ كَمَتْلِ رَجُلٍ اسْتَرْعَىٰ إِبِلًا أَوْ غَنَمًا فَرَعَاَهَا ثُمَّ تَحَيَّنَ سَقْيَهَا فَأَوْرَدَهَا حَوْضًا فَشَرَعَتْ فِيهِ فَشَرِبَتْ صَفْوَهُ وَتَرَكَتْ كِدْرَهُ فَصَفْوَهُ لَكُمْ وَكِدْرُهُ عَلَيْهِمْ.

Maksudnya: *Sesungguhnya bandingan antara kamu (pemimpin) dan mereka (dipimpin) adalah seperti seorang lelaki yang membela unta atau kambing. Dia telah membelanya dan apabila sampai waktu untuk memberi minum, dia mengambil air dari telaga. Dia terus menimba dan binatang belaan tersebut meminum air yang bersih. Hanyalah air yang keruh ditinggalkan kepadanya. Air yang bersih adalah untuk kamu (memberikan kepada yang dipimpin) dan air yang keruh adalah (untuk pemimpin) yang memimpin mereka.*

Sohih Muslim

4.2.4 NILAI KEPERWIRAAN.

Semangat keperwiraan mempunyai makna yang pelbagai kerana ia merupakan tumpuan seseorang agar membangkitkan semangat dan menjadi pengajaran kepada orang lain. Bagi yang menanam azam dirinya menjadi wira, seseorang mungkin membayangkan dirinya sebagai seorang hero di dalam filem. Sikap ini juga dimiliki oleh kanak-kanak kecil yang meminati seorang hero di dalam cerita-cerita kartun.

Sikap yang dimiliki oleh orang dewasa pula berlainan dari sikap kanak-kanak. Mungkin semangat ini disulami dengan sikap inginkan kekayaan, kemasyhuran dan inginkan kedudukan. Semangat keperwiraan seperti ini bertunjangkan sikap keinginan kedunian semata-mata. Keperwiraan di dalam Islam menempelak sikap seperti ini. Islam menekankan agar sikap keperwiraan hendaklah bermatlamatkan keredhaan Allah s.w.t. Hadis menyebut:

عن أبي موسى عبد الله بن قيس الأشعري رضي الله عنه قال : سئل رسول الله صَلَّى الله عليه وسلم عن الرجل يُقاتل شُجَاعَةً وَيُقَاتِلُ حَمِيَّةً وَيُقَاتِلُ رِيَاءً أَيُّ ذَلِكَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى الله عليه وسلم : مَنْ قَاتَلَ لِيَتَكُونَ كَلِمَةً اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: Dari Abi Musa Abdullah bin Qais Al-Asy'ari r.a. berkata: Ditanya Rasulullah s.a.w. mengenai lelaki yang berperang kerana menunjukkan keberanian, berperang mempertahankan hak dan berperang kerana menunjuk-nunjuk. Yang mana satu merupakan (berperang) di jalan Allah (mendapat redhaNya)? Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: Barangsiapa yang berperang untuk menegakkan kalimah Allah (agar diletakkan di kedudukan) yang tinggi, maka dia (berperang) di jalan Allah?

Muttafaqun 'alaih

Sikap keperwiraan tidak mengangkat taraf mereka setinggi tuhan mahupun dewa sebagaimana yang diamalkan oleh sebahagian masyarakat. Seorang wira merupakan manusia yang mencapai kedudukan tinggi dalam keimanan dan menjalankan tugas besar. Keperwiraan diukur berdasarkan tugas yang dilakukan, dan matlamat mereka bukan kerana dunia bahkan keredhaan Allah s.w.t. Firman Allah di dalam surah Al-Qasas, ayat 83:

تِلْكَ الدَّارُ الْآخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوًّا فِي الْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya: Negeri akhirat itu, Kami jadikan untuk orang-orang yang tidak ingin menyombongkan diri dan berbuat kerusakan di (muka) bumi. Dan kesudahan (yang baik) itu adalah bagi orang-orang yang bertakwa.

Semangat keperwiraan ini tetap menjadikan mereka ini manusia. Sebagaimana Rasulullah s.a.w. merupakan tokoh yang terbaik bagi umat manusia, baginda tidak mengangkat dirinya setinggi Tuhan mahupun dewa yang disanjung dan disembah.

4.2.5 NILAI KESEPAKATAN.

Sememangnya baginda telah meninggalkan model yang terbaik bagi pimpinan pejuang. Baginda meletakkan mesyuarat (Syura) di tempat yang tinggi bagi membentuk kepimpinan yang teratur sebagai petunjuk yang tetap bagi kesatuan setiap peringkat

pejuang. Rasulullah s.a.w. telah mengemukakan bagi setiap peperangan perlu ada perbincangan, persoalan dan permuafakatan.

Contoh yang paling ketara adalah ketika peperangan Badar. Apabila Al-Habbab bin Al-Munzir mengajukan persoalan kepada baginda: "Adakah ini tempat yang Allah arahkan (wahyu) atau ini adalah merupakan pendapat di dalam peperangan? Bersabda baginda s.a.w., "Bahkan ia merupakan pendapat di dalam peperangan." Kemudian Al-Habbab menunjukkan tempat yang sepatutnya seraya berkata, "Bukan, tidakkah ini tempat (yang sepatutnya)". Maka baginda menerima pendapatnya agar menurunkan tentera berhampiran dengan lembah.¹⁴

Begitu juga perihal baginda yang bermesyuarah dengan meminta pandangan dari para sahabat ketika mengepung kubu Taif. Walaupun baginda mengetahui melalui wahyu bahawa serangan ini tidak akan berjaya, baginda mengamalkan sistem mesyuarah ini. Ini adalah jelas apabila baginda menyatakan kepada Abu Bakar As-Siddiq perihal mimpinya. Maka Abu Bakar berkata, "Saya mengangalkan bahawa kita tidak berjaya di dalam peperangan ini sebagaimana baginda mahukan." Rasulullah berkata, "Daku merasakan begitu jua." Maka Nabi memberitahu kepada para sahabat bahawa baginda bersama mereka akan berangkat pulang.¹⁵ Kisah ini diriwayatkan oleh Imam Muslim yang berbunyi:

فَقَالَ: "إِنَّا قَافِلُونَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ" قَالَ أَصْحَابُهُ: تَرْجِعُ وَلَمْ تَفْتَحْهُ؟ فَقَالَ: أَعِدُّوْا عَلَى الْقِتَالِ، فَعَدُّوا عَلَيْهِ فَأَصَابَهُمْ جَرَّاحٌ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّا قَافِلُونَ غَدًا ... فَأَعْجَبَهُمْ ذَلِكَ فَضَحِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: Maka (Nabi Muhammad s.a.w.) bersabda: "Sesungguhnya kita akan pulang. Insya Allah". Berkata para sahabat, "Pulang, tanpa membukanya (kemenangan)." Maka baginda bersabda: "Bersiap sedia untuk perang." Maka mereka menyerang, namun

¹⁴ Ibnu Hajar Al-Asqalani: Al-Isabah fi Tamyiiz Sahabah, 1/302.

¹⁵ Opcit: Raudul Unuf: 3/357.

mereka cedera. Maka Rasulullah s.a.w. berkata, "Kita akan pulang esok." ... Mereka (sahabat) menjadi girang dan baginda menunjukkan rasa gembira.

Sohih Muslim

Ini merupakan dalil keprihatinan nabi s.a.w. terhadap pendapat para sahabat tatkala para sahabat ditimpa kesusahan dan ketika senang. Walaupun pada mulanya mereka ingin meneruskan peperangan dan mereka juga menarik balik pendapat mereka. Baginda tetap menyahut persetujuan bersama ini. Begitu juga tanda gembira dari raut wajah baginda menunjukkan suatu kemesraan nabi terhadap para sahabat yang juga pejuangnya.

Di sini, saya ingin menyatakan asas di dalam kepimpinan adalah mengambil pendapat orang ramai. Bukan berseorangan. Dengan perkataan lain, kita tidak menggunakan pendapat secara berseorangan melainkan ketika keadaan terpaksa. Inilah apa yang disarankan Allah kepada baginda. FirmaNya:

﴿فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾﴾

Maksudnya: *Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku **lemah lembut terhadap mereka**. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Karena itu **ma'afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah** dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.*

Ali Imran: 159

Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa berkeras terhadap sesuatu pendapat tanpa berbincang dahulu akan menyebabkan orang di sekeliling kita akan lari dan dan

pendirian mereka akan goncang. Ini adalah penyebab kekalahan. Keadaan sebaliknya pula; iaitu berlemah lembut dan sering maaf memaafi adalah penyebab kepada kemenangan. Namun begitu, Islam cukup menekankan ketaatan kepada ketua pimpinan dan **haknya adalah ketaatan, kepercayaan, penghormatan, wala' dan memberi bantuan.**¹⁶ Firman Allah s.w.t.:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ﴾

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul (Nya), dan ulil amri (pimpinan di antara kamu; ulama dan ketua) di antara kamu (yang beriman).*

An-Nisa': 59.

4.3 PERISIKAN

Mengikut kepada pengamatan saya, Islam bersependapat dengan pandangan para pengkaji strategi berhubung dengan kesedaran peri pentingnya untuk menghimpun maklumat yang cukup dari kedua belah pihak; pihak menyokong dan pihak musuh. Islam menekankan perkara ini adalah kerana para pejuang Islam bukan sekadar kader pejuang semata-mata bahkan adalah pembawa dakwah Islam. Pendakwah ini adalah pembawa

¹⁶ Bahkan, disunatkan memberi janji taat setia (bai'ah) kepada pemimpin sebelum memasuki gelanggang pertempuran. Tindakan sedemikian pernah diambil oleh nabi Muhammad saw ketika di bawah pokok bersama 1,500 para pejuang yang terlibat. Perjanjian ini digelar **Perjanjian Ridwan**. Lihat: Sohih Muslim, hadis 1806, Kitab Kepimpinan, Bab Sunat memberi bai'ah kepada Imam dengan para tentera ketika mengingini peperangan. Sila rujuk hadis yang sama di dalam Sohih Bukhari, hadith 3383.

agama Islam walaupun di dalam situasi yang amat genting. Oleh kerana inilah, nyawa setiap askar adalah begitu penting untuk difikirkan.

Justeru, penjagaan pada tahap maksimum terhadap nyawa para pejuang ketika berlakunya pertembungan adalah begitu ditekankan oleh Islam. Inilah kemenangan yang sempurna.

Untuk membincangkan pandangan Islam secara terperinci terhadap segala maklumat ketenteraan dan perjuangan, saya bahagikannya kepada tiga bahagian iaitu:

1. Nilai Muhasabah: Prinsip-prinsip asas bagi kepimpinan tentera bagi mengetahui diri sendiri dan tenteranya.
2. Nilai Prihatin dan Peka: Sentiasa mengumpul maklumat yang cukup mengenai musuh.
3. Nilai Bersiap siaga: Meneliti maklumat-maklumat yang ada untuk merealisasikan kemenangan.

4.3.1 NILAI MUHASABAH.

Sesungguhnya mengetahui mengenai diri sendiri, pengkhususan pekerjaannya, hal keadaan yang dipimpin, latihan yang diterima oleh mereka dan mengambil tahu tentang perasaan mereka adalah asas-asas kepimpinan pejuang Islam. Rasulullah menekankan perkara ini dengan sabdanya:

"وَعَلَى الْعَاقِلِ مَا لَمْ يَكُنْ مَغْلُوبًا عَلَى عَقْلِهِ أَنْ تَكُونَ لَهُ سَاعَاتٌ : سَاعَةٌ يُنَاجِي فِيهَا رَبَّهُ وَسَاعَةٌ يُحَاسِبُ فِيهَا نَفْسَهُ
وَسَاعَةٌ يُفَكِّرُ فِيهَا فِي صَنْعِ اللَّهِ وَسَاعَةٌ يَخْلُو فِيهَا لِحَاجَتِهِ."

Maksudnya: Kepada setiap yang berakal selagimana boleh mengawal akalunya hendaklah mempunyai beberapa waktu: waktu untuk bermunajat kepada Tuhannya, waktu untuk bermuhasabah dirinya dan waktu untuk segala hajat dirinya.

Riwayat Ibnu Hibban

Hadis secara zahirnya menunjukkan mengenai kewajiban untuk bermuhasabah dirinya sebagaimana kewajiban yang lain agar dapat memperhatikan dirinya tentang perihal kekuatan dan kelemahan. Muhasabah ini mungkin boleh ditanggung oleh orang lain iaitu orang yang dipilih dikalangan sahabatnya yang terdekat, jujur dan berkemampuan agar memperhatikan keaiban dirinya. Berkata saidina Umar *r.a.*:

إِنَّ أَحَبَّ النَّاسِ إِلَيَّ مَنْ أَهْدَى إِلَيَّ عُيُوبِي¹⁷

Maksudnya: *Sesungguhnya orang yang paling disukai olehku adalah orang yang dapat menunjukkan kelemahanku.*

Begitu juga diwajibkan kepada pemimpin untuk memerhatikan amalannya bahkan hendaklah dikaji dengan sedalam-dalamnya. Lebih-lebih lagi perkara-perkara yang berkaitan rapat dengan strategi dan perancangan peringkat tertinggi. Bersabda Rasulullah *s.a.w.*:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ عَمَلًا أَنْ يُتَّقَنَهُ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyintai (seseorang yang) apabila membuat sesuatu pekerjaan, (adalah begitu) teliti.*

Musnad Abi Ya'la

Sifat menitik berat dari seorang pemimpin pejuang adalah begitu penting kerana Rasulullah *s.a.w.* begitu mengenali para sahabatnya dengan begitu teliti dan terperinci. Bahkan baginda telah menanam di dalam diri para sahabat, semangat Jihad. Caranya adalah dengan menerangkan objektif sesuatu perkara dengan memperlihatkan dan mengingatkan mereka peranan mereka di dalam menyampaikan dakwah, menerangkan arah tujuan dan cara untuk mendapat sesuatu kejayaan. Tentu sekali dengan cara ini, mereka pasti mendapat martabat Syahid¹⁸ di sisi Allah *s.w.t.* sebagaimana sabda baginda:

¹⁷ Sila lihat "Manaqib Amirul Mukminin Umar bin Al-Khattab" tulisan Ibnu Al-Jawzi, nukilan opcit: Al-Qiadah Askariah, 17.

¹⁸ Syahid adalah martabat bagi golongan yang terkorban di dalam medan perang. Bagi mereka, Allah S.W.T. menjanjikan balasan yang sebaik-baiknya yang berupa kehidupan yang kekal dan ditempatkan di dalam syurga.

إِنَّ أَبْوَابَ الْجَنَّةِ تَحْتَ ظِلِّ السُّيُوفِ

Maksudnya: *Sesungguhnya pintu-pintu syurga adalah dibawah bayangan pedang.*

Sahih Muslim

Pun begitu, Rasulullah s.a.w. begitu mengambil berat tentang pemeliharaan nyawa pejuangnya. Marilah kita menyelidiki dua maklumat yang penting untuk kita sama-sama fikirkan:

1. Nabi Muhammad s.a.w. telah mengepalai 28 peperangan menentang kaum Musyrikin. 9 daripadanya adalah pertempuran yang sebenar dan bakinya;¹⁹ tidak dimulai pertempuran di antara kedua belah pihak.
2. Kerugian di dalam peperangan adalah terlalu sedikit ketika peperangan Bani Mustalak, Khandak, Bani Quraizah dan pembukaan kota Mekah. Kerugian yang terbanyak di antara peperangan yang meletus adalah ketika peperangan Uhud apabila para pemanah yang ditugaskan tidak melaksanakan arahan. Namun, nisbah kematian dan bilangan tentera yang mati ketika itu adalah 10% sahaja.¹⁹

Peperangan	Bilangan Tentera Muslimin	Kematian yang dicatatkan	Peratus kematian berbanding bilangan tentera.
Badar	305	14	3.65
Uhud	700	71	10
Bani Mustalaq	1,030	1	0.1
Khandak	3,000	6	0.2

¹⁹ Opcit: Al-Qiadah Askariah, m/s 1901.

Bani Quraizah	3,000	1	0.03
Khaibar	1,600	21	1.25
Fathul Makah	10,000	2	0.02
Hunain	12,000	4	0.03

Rajah 9: Statistik kehilangan jiwa tentera yang terlibat peperangan bersama Rasulullah saw.

Sumber: Al-Madkhal Ilal Aqidah.

Berdasarkan statistik di atas, dapat disimpulkan bahawa method pejuang Islam adalah mengutamakan kesempurnaan dan penelitian. Ini adalah kerana peperangan ini sebagaimana diterangkan sebelum ini adalah untuk menegakkan kalimah Allah. Ia adalah untuk kepentingan dakwah. Diri seseorang muslim tersebut adalah begitu penting dari peperangan itu sendiri.

Namun begitu, perlu diingatkan ketidakpercayaan pihak pimpinan terhadap yang dipimpin dan mengutamakan syak wasangka tanpa kajian yang teliti akan merosakkan mereka. Sabda Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jubair bin Nufair, Kathir bin Murrah, Amr bin Al-Aswad, Al-Miqdam bin Ma'di Karb dan Abi Umamah:

إذا ابتغى الأمير الريبة في الناس أفسدهم

Maksudnya: *Apabila seorang ketua mencari sesuatu keraguan terhadap yang dipimpin, dia akan merosakkan mereka.*

Riwayat Abu Daud

4.3.2 NILAI KEPEKAAN.

Mengumpul maklumat mengenai musuh adalah sesuatu cara yang penting. Tiada sesuatu peperangan yang nabi Muhammad *s.a.w.* lancarkan melainkan selepas pemerhatian dan analisa maklumat-maklumat tersebut.


Bagi mendapat maklumat, para kepimpinan perlulah melantik golongan penyiasat. Golongan penyiasat adalah perlu untuk kelangsungan sesuatu pertubuhan. Di sini, saya ingin meringkaskan beberapa keperluan berkaitan dengan perisik. Menurut Muhammad Jamal (1976), perisik terbahagi kepada dua;

1. **Perisik untuk mendapatkan maklumat musuh.** Contoh bagi perisik jenis ini, adalah sebagaimana nabi melantik bapa saudaranya Al-Abbas dan Basyiir bin Sufyan Al-Attaqi sebagai pengintip di dalam bandar Mekah yang terletak 400 kilometer dari Madinah.
2. **Perisik untuk memerhatikan pergerakan perisikan musuh,** terutamanya yang berada di tengah-tengah ketumbukan pejuang tentera Islam. Jenis perisik ini pula seringkali tidak diambil penekanan. Padahal, Rasulullah *s.a.w.* telah melantik sahabatnya Huzaiifah bin Yaman agar memerhatikan golongan munafikin. Beliau merupakan penyimpan rahsia nabi Muhammad *s.a.w.*. Semua nama-nama berkaitan dengan golongan yang berkata mereka Islam tetapi di dalam dada mereka memusuhi Islam, diberitahu oleh Rasulullah *s.a.w.* kepadanya. Oleh kerana itulah beliau terpilih untuk meneliti pergerakan musyrikin Mekah ketika peperangan Khandak.

Sebagai contoh, di dalam peperangan Badar, Rasulullah *s.a.w.* telah mengambil kesempatan memaksa dua tahanan perang memberitahu tiga maklumat penting; iaitu bilangan tentera Quraisy, kedudukan mereka dan para pemimpin tentera dikalangan pemuka-pemuka Mekah. Di dalam peperangan ini juga, Al-Abbas (bapa saudara baginda) telah menghantar sepucuk surat kepada Rasulullah *s.a.w.* yang menyatakan bilangan

mereka adalah seramai 3,000 orang, 200 kuda, 700 pakaian besi, 3,000 unta dan para tentera yang lengkap bersenjata.²⁰

Begitu juga, Rasulullah s.a.w. mendapat maklumat akan golongan Yahudi Bani Quraizah yang membatalkan perjanjian apabila berlaku peperangan Ahzab. Rasulullah mengutuskan Zubair bin Awwam dan seorang utusan untuk memastikan maklumat ini. Kemudian, dihantar Khawat bin Jubair untuk tujuan yang sama. Memang sudah sah bahawa Bani Quraizah telah membatalkan perjanjian yang mereka telah meterai bersama dengan Rasulullah s.a.w. Malah mereka pula telah bersama-sama dengan golongan Musyrikin Mekah.²¹ Ini merupakan dalil bahawa ada proses penelitian yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. terhadap maklumat berkaitan dengan musuh.



Rajah 10: Kemaraan tentera pimpinan Muhammad saw untuk menyerang Bani Quraizah sejurus selepas perang Ahzab tamat.

Sumber: Atlas Sirah Nabawiyah

²⁰ Kitab Maghazi karangan Muhammad bin Umar bin Waqid, 1/204.

²¹ Opcit: Al-Qiadah Askariah, m/s 365.

Justeru, proses pengumpulan maklumat musuh adalah salah satu tindakan Nabi s.a.w. Baginda juga sentiasa memerhatikan tindak tanduk musuh Islam agar golongan muslim merasa tenang dari permusuhan Quraish yang mewarwarkan perang terhadap mereka. Pengumpulan maklumat menjadi begitu penting dalam persediaan menghadapi perang yang rapi dan mengambil tindakan yang munasabah sebagai satu proses perjuangan dalam Islam.

4.3.3 NILAI KESEDIAAN.

Sememangnya penelitian dan penilaian antara kedua belah pihak adalah perkara yang penting agar memastikan kemenangan. Rasulullah s.a.w. telah menggunakan kaedah mengkaji sebelum bertempur. Ibnu Kathir telah meriwayatkan:

أَنَّ الْمُسْلِمِينَ أَسْرَوْا غُلَامَيْنِ مِنْ قُرَيْشٍ وَفَتَ مَعْرَكَةَ الْبَدْرِ، فَسَأَلَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ عَدَدِ الْمُشْرِكِينَ. فَقَالَ: كَثِيرًا. قَالَ: مَا عَدَّهُمْ؟ قَالَا: لَا أَدْرِي. قَالَ: كَمْ يَنْحَرُونَ كُلَّ يَوْمٍ؟ قَالَا: يَوْمًا تِسْعًا وَيَوْمًا عَشْرًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (لَقَوْمٍ مَا بَيْنَ التَّسْعِمَائَةِ إِلَى الْأَلْفِ).

Maksudnya: *Bahawa golongan muslim telah menahan 2 pemuda Quraish sebagaimana diterangkan sebelum ini. Rasulullah telah mengambil kesempatan menyoal-siasat akan bilangan musyrikin. Kata salah seorang daripada mereka, "Ramai". Sabda baginda, "Berapa bilangan mereka?". Kedua menyatakan, " Kami tidak tahu". Sabdannya lagi, "Berapa (unta) yang mereka sembelih di dalam sehari?". Mereka menjawab, "Kekadang sembilan dan kadang sepuluh." Maka bersabda Rasulullah s.a.w., " Bagi kaum tersebut antara 900 sehingga 1,000 (orang).*

Sirah Ibnu Kathir


Dan riwayat Bukhari dengan sanadnya yang sampai kepada Huzaifah *r.a.* berkata, berkata Rasulullah *s.a.w.*:

أَكْتُبُوا لِي مَنْ تَلَفَّظَ بِالإِسْلَامِ مِنَ النَّاسِ، فَكَتَبْنَا لَهُ أَلْفًا وَخَمْسِمِائَةَ رَجُلٍ فَقُلْنَا: نَخَافُ وَنَحْنُ أَلْفٌ وَخَمْسِمِائَةٌ


Maksudnya: *Tuliskan kepada daku berapa ramai yang menyahut seruan Islam". Maka kami menulis (bahawa bilangan kami) adalah seramai seribu lima ratus lelaki. Maka kami berkata, " Adakah kami takut sedangkan kami seramai seribu lima ratus?"*

Sohih Bukhari

Walaupun yang keluar ke medan perang Badar adalah seramai 313 orang, mereka tetap berhadapan dengan menggunakan strategi yang rapi.




Rajah 11: Penempatan para pejuang Muslim dan tentera Musyrikin Mekah sebelum perang Badar bermula.



Rajah 12: Kemaraan para pejuang dari kedua-dua belah pihak ketika perang Badar meletus.

Di dalam peperangan Khandak, Nabi s.a.w. telah menerima pandangan Salman Al-Farisi agar membuat parit agar dapat menyekat kemaraan tentera-tentera bersekutu. Pembuatan parit ini adalah dalil yang jelas akan pengetahuan nabi s.a.w. akan ketidak mampuan kekuatan golongan muslim berhadapan dengan tentera bersekutu.



Rajah 13: Kedudukan parit yang digali bagi menghalang kemaraan tentera musuh.

Sumber: *Atlas Sirah Nabawiyah*

4.4 PENGATURAN KEDUDUKAN TENTERA

Pengaturan kedudukan pejuang adalah merujuk kepada pengambilan posisi pejuang di sesuatu tempat yang ditetapkan dan bagaimana pendirian terhadap pergerakan pejuang yang mengundurkan diri dari posisi yang ditetapkan. Bagi pandangan beberapa pengkaji strategi, mereka tidak menghiraukan sikap lari dan tunduk kepada musuh mahupun kepada negara musuh di dalam keadaan yang tiada harapan kemenangan. Apa yang mereka patut lakukan adalah mencari kekuatan sehingga mereka mendapat peluang melancarkan serangan mematahkan kekuatan musuh.

Manakala Islam amat mengambil berat terhadap dakwah Islam. Bahkan ia adalah paling utama. Tiada tunduk kepada musuh untuk keselamatan diri sedangkan dakwah Islam di dalam kerugian. Walaupun di dalam keadaan yang tidak memberi pilihan kepada mereka melainkan berdepan dengan musuh bermati-matian, mereka tidak mengkhianati Islam. Bahkan mati di medan juang adalah lebih baik daripada mati dalam keadaan pengkhianatan terhadap agama Islam.

Dari sudut Islam, golongan muslim tidak boleh mengatakan bahawa beliau akan tetap menghadapi peperangan apabila berkeyakinan untuk mencapai kemenangan dan tidak melakukan demikian jikalau terlalu lemah. Peperangan hanya akan tercetus apabila terlibat atau akan berlaku kemudaratan kepada dakwah Islam, walaupun golongan Islam ketika ini adalah terlalu lemah dari aspek fizikal.

Saya tidak membincangkan permasalahan penipuan di dalam peperangan. Kita telah membincangkannya di dalam bahagian kedua. Adalah lebih moleknnya, jikalau saya terus membincangkan cara pengaturan pejuang yang berteraskan kepada dua nilai yang utama iaitu nilai pantang berundur dan nilai gagah berani (nilai jati diri - *Izzah*).

4.4.1 NILAI PANTANG BERUNDUR.

Secara dasarnya, jikalau kita mengkaji mengenai pembahagian, menubuhkan dan menggerakkan ketumbukan pejuang, kita akan mendapati bahawa ia adalah bergantung kepada keputusan mesyuarat dari golongan yang luas pandangan dan berpengalaman (kita telah membincangkan juga mengenai ini di dalam fasal 4.2.5). Namun, di sana ada beberapa ayat Al-Quran yang mengajukan kepada kita untuk meletakkan pendirian dalam menghadapi masalah pengaturan ini; iaitu:

Pertama: Firman Allah:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا لَقِيتُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا زَحَفًا فَلَا تُولُوهُمْ الْأَدْبَارَ ١٥﴾ وَمَنْ يُؤَلِّهِمْ يَوْمَئِذٍ

دُبْرَهُ إِلَّا مُتَحَرِّفًا لِّقِتَالٍ أَوْ مُتَحَيِّزًا إِلَىٰ فِئَةٍ فَقَدْ بَاءَ بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَمَأْوَاهُ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ

الْمَصِيرُ ﴿١٦﴾ فَلَمْ تَقْتُلُوهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ قَتَلَهُمْ وَمَا رَمَيْتَ إِذْ رَمَيْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ رَمَىٰ وَلِيُبْلِيَ الْمُؤْمِنِينَ مِنْهُ بَلَاءً حَسَنًا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٧﴾

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bertemu dengan orang-orang yang kafir yang sedang menyerangmu, maka janganlah kamu membelakangi mereka (mundur). Barangsiapa yang membelakangi mereka (mundur) di waktu itu, kecuali berbelok untuk (strategi) perang atau hendak menggabungkan diri dengan pasukan yang lain, maka sesungguhnya orang itu kembali dengan membawa kemurkaan dari Allah, dan tempatnya ialah neraka Jahannam. Dan amat buruklah tempat kembalinya.

Al-Anfal: 15-17

Dari sini kita memahami tiga perkara utama yang ditekankan dari ayat di atas ini:

Perkara pertama: Islam menyeru umat Islam agar terus menyerbu kubu-kubu musuh selepas kemaslahatan dan kemudaran diambil kira.

Perkara kedua: Allah s.w.t. mengherdik amalan lari dari medan perang. Bahkan ia adalah salah satu dosa besar.

Perkara ketiga: Pengecualian hanya bagi pengunduran pejuang yang merancang satu strategi peperangan atau sebagai satu usaha untuk menggabungkan para pejuang Islam agar dapat bersatu padu memperkasakan pertahanan pejuang yang lain.

Kedua: Firman Allah s.w.t.:

﴿يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ عِشْرُونَ صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مِائَتِينَ
وَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ مِائَةٌ يَغْلِبُوا أَلْفًا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ
كُنُوا عِشْرِينَ فَغَلَبُوا مِائَةً وَكُنُوا مِائَةً فَغَلَبُوا أَلْفًا ۚ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذَا ظَاهَرُوا لِلْغَلَبَةِ
لَمْ يَلْمِزُوا أَلْفًا يَغْلِبُوا أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٦٦﴾﴾

Maksudnya: Hai Nabi, kobarkanlah semangat para mu'min untuk berperang. Jika ada dua puluh orang yang sabar diantaramu, nescaya mereka akan dapat mengalahkan dua ratus orang musuh. Dan jika ada seratus orang yang sabar diantaramu, nescaya mereka akan dapat mengalahkan seribu dari pada orang kafir, disebabkan orang-orang kafir itu kaum yang tidak mengerti. Sekarang Allah telah meringankan kepadamu dan dia telah mengetahui bahwa padamu ada kelemahan. Maka jika ada diantaramu seratus orang yang sabar, niscaya mereka akan dapat mengalahkan dua ratus orang kafir; dan jika diantaramu ada seribu orang (yang sabar), niscaya mereka akan dapat mengalahkan dua ribu orang, dengan seizin Allah. Dan Allah beserta orang-orang yang sabar.

Al-Anfal: 65-66

Ayat tersebut menyatakan bahawa kekuatan keimanan bagi seorang muslim mampu untuk mengalahkan musuh yang melebihi sekali ganda daripada kekuatan musuh. Ini adalah faktor utama kemenangan bilangan yang sedikit terhadap bilangan yang ramai. Perkara ini banyak di sebut di dalam hadith-hadith²² dan begitu juga para fuqahak.


Ayat ini juga memerihal perang Badar yang nisbah tentera Islam berbanding tentera musuh adalah ganda tiga (313 berbanding 1,000 tentera = 1:3) sebagai bukti kekuatan keimanan. Namun, perbandingan ini adalah dari segi bilangan tentera tanpa

²² Sila lihat Sahih Bukhari, (4653), Sahih Muslim, (89) dan (1809), Sunan Baihaqi, (2537) dan Sunan Abi Daud (2647) dan (2911).


mengambil kira persiapan fizikal dan teknologi tentera. Sila rujuk perbahasan lanjut di fasal 4.1: Persiapan diri pejuang.

Untuk memahami lebih mendalam perkara ini, kita perlu memerhatikan **keadaan-keadaan** yang memungkinkan dan **hukum-hukum** yang perlu diikuti:


- 1) Apabila telah ditetapkan beberapa ketumbukan pejuang berdasarkan kepada "pelan tetap ketenteraan", **tidak harus** kita keluar daripada apa yang ditetapkan melainkan ia sebagai suatu strategi untuk menyerang dan berpakat dengan ketumbukan yang lain. Ia adalah sebagaimana berlaku di dalam peperangan Uhud apabila kedudukan strategik bukit Pemanah yang tunggal di tengah-tengah medan pertempuran berjaya membawa kejayaan kepada tentera Islam pada peringkat awal. Namun, kejayaan ini beralih kepada pihak musuh apabila tentera Islam meninggalkan kedudukan strategik ini malah dikuasai oleh pihak musuh. Hal sedemikian adalah kerana golongan pemanah berganjak dari bukit Pemanah sedangkan arahan telah dikeluarkan agar tidak meninggalkan bukit tersebut. (Sila perhatikan peta-peta di bawah).



Rajah 14: Kedudukan para pejuang Muslim dan tentera Musyrikin Mekah sebelum perang Uhud meletus.



Rajah 15: Perang Uhud pada peringkat awal; kemenangan pejuang Muslim yang dibantu para pemanah di bukit Pemanah dan tentera Musyrikin berundur.



Rajah 16: Perang Uhud pada peringkat kedua; kemaraan tentera Musyrikin pimpinan Khalid Al-Walid merampas kedudukan bukit Pemanah selepas para pemanah Muslim meninggalkan kedudukan mereka.

- 2) Jikalau "pelan umum ketenteraan" membolehkan berubah kedudukan, sebagai suatu strategi untuk menyerang dan berpakat dengan ketumbukan yang lain dan

dianggap sebagai salah satu pelan yang diberikan kepada para pejuang tersebut hak pengubahsuaian bersesuaian dengan keadaan, **harus** seseorang atau ketumbukan pejuang tersebut mengubah kedudukannya bagi tempoh yang dibenarkan.

- 3) Peperangan dalam bentuk serangan terhadap musuh adalah **wajib** jikalau ia memberi keuntungan selagi mana kekuatan pejuang musuh tidak sekali ganda kekuatan daripada pejuang Islam. Jikalau lebih sekali ganda, serangan tersebut adalah **diharuskan**.
- 4) Perbandingan kekuatan tersebut adalah berdasarkan apa yang dimiliki, bukanlah bilangan pejuang. Bilangan pejuang hanya diambil kira apabila bilangan tersebut sahaja yang membezakan kekuatan.
- 5) Peperangan dalam bentuk bertahan adalah **wajib** jikalau di dalam keadaan serangan ketumbukan pejuang bukan Islam adalah berniat untuk menguasai sepenuhnya terhadap umat Islam bagi menghapuskan umat Islam atau menghapuskan agama Islam. Hendaklah bagi pemimpin-pemimpin umat Islam berusaha untuk memecahkan permuafakatan dan kefahaman-bersama pihak musuh dengan menggunakan apa-apa keadaan yang mungkin. Ini adalah sebagaimana dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika di dalam peperangan Khandak. Manakala jikalau ianya adalah bertujuan untuk merampas kekuasaan umat Islam terhadap sesebuah negara, tempat dan kekayaan, maka **wajiblah** mempertahankannya dengan segala cara yang dibenarkan syarak tanpa melihat kepada perbandingan kekuatan pejuang. Begitu juga dalam keadaan ini **tidak harus** lari dari medan perjuangan.
- 6) Jikalau beberapa negara yang bermusuhi memiliki kekuatan ketenteraan yang besar berusaha mempamerkan segala bentuk persenjataan di hadapan pejuang

Islam samada di darat, laut dan udara, dan berusaha untuk mengumpulkan ketenteraan musuh di sesuatu tempat, maka berundur di dalam keadaan ini adalah **dibolehkan** sebagai langkah bertahan. Namun begitu, jikalau telah berhadapan dan peperangan juga telah bermula ia adalah dianggap sebagai lari dari medan peperangan (yang **diharamkan** Islam).²³

Dari sini, kita dapat memahami bahawa lari dari medan perang adalah dibenarkan selagi ia memberi keuntungan kepada pejuang Islam. Begitu juga, serangan terhadap pihak musuh adalah dibenarkan jikalau sememangnya di dalam keadaan berkewajipan memerangi mereka.

Manakala jikalau ia memberi keburukan terhadap dakwah Islam dan umat Islam maka lari dari medan perang tidak dibenarkan sehingga Islam berjaya atau selain Islam binasa. Ini adalah kerana memelihara dakwah Islam adalah tanggung jawab yang utama dan tidak boleh ditolak ke tepi oleh golongan beragama Islam.

MENJAGA PERBATASAN NEGARA

Menyentuh mengenai perbatasan negara, ia merupakan sesuatu yang hangat diperkatakan. Lebih-lebih lagi zaman sekarang ini mengambil kira mengenai sempadan antara negara-negara adalah berdasarkan kepada natijah Peperangan Dunia II (PDII). Perbatasan antara negara-negara selepas PDII menjadi perdebatan hangat antara negara-negara jiran. Perkara ini turut ditekankan di dalam Al-Quran:

﴿وَأَعِذُوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ﴾

²³ Sila lihat Al-Jihad wal Qital, 2/1184-1192.

Maksudnya: *Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuhmu.*

Al-Anfal: 60

Ayat tersebut mengarahkan kita agar menyediakan penempatan-penempatan pejuang di setiap ceruk negara Islam dan di kawasan yang memungkinkan kemasukan musuh. (Sila rujuk fasal 4.2 yang telah membicarakan perkara ini apabila membicarakan ayat di atas).

4.4.2 NILAI JATI DIRI (IZZAH).

Nilai Jati diri (*Izzah*) adalah bermaksud gagah dan berbangga dengan apa yang dimiliki di dalam agama Islam. Berbangga dengan cara ini adalah natijah dari sikap memahami secara mendalam kebenaran Islam. Sikap ini timbul dengan keyakinan yang jitu bahawa kemenangan yang muncul adalah natijah daripada keinginan untuk memenangkan yang benar.

Perspektif muslim bagi kemenangan adalah pencapaian matlamat dan sasaran yang diinginkan selari dengan matlamat dan tujuan Aqidah, Syariah dan Akhlak Islam.

Umat Islam sudah cukup berbangga dengan apa yang diturunkan kepada mereka iaitu Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi dasar kehidupan yang akan mewarnai kehidupan dengan sirna keimanan kepada Allah swt. Jikalau dasar kehidupan ini ditinggalkan dan dikesampingkan, kehinaan akan datang berturut-turut lantaran amalannya adalah tidak selari dengan kepercayaan mereka.

Umar Al-Khattab pernah memberi peringatan kepada para pejuang Islam yang ditempatkan di kem-kem tentera Syam. Di dalam program lawatan beliau ke kem-kem tersebut, beliau berpakaian sederhana dan tidak mewah. Ada pemimpin turus para pejuang begitu bimbang dengan gaya pakaian Umar akan mencalarakan karisma Umar yang digeruni pemimpin-pemimpin dunia ketika itu. Umar menepis kebimbangan tersebut dengan menegaskan di dalam ucapannya yang masyhur:

نَحْنُ قَوْمٌ أَعَزَّنَا اللَّهُ بِالْإِسْلَامِ فَمَهْمَا أَنْ نَبْتَغِ الْعِزَّةَ لِغَيْرِ الْإِسْلَامِ أَذَلَّنَا اللَّهُ

Maksudnya: *Kita adalah golongan yang Allah kuatkan kita dengan agama Islam. Jikalau kita mencari kekuatan selain agama Islam, kita akan lemah.*

Riwayat Al-Hakim

Kata-kata Saidina Umar ini adalah bertepatan dengan firman Allah s.w.t.:

وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: *Padahal kekuatan (kegagahan dan kemegahan) itu hanyalah bagi Allah, bagi Rasul-Nya dan bagi orang-orang mu'min, tetapi orang-orang munafik itu tiada mengetahui.*

Al-Munafiqun: 8.

Sikap ini adalah begitu penting lebih-lebih lagi untuk menghadapi tugas yang besar. Sifat-sifat ini ditunjukkan oleh para sahabat dikalangan Muhajirin dan Al-Ansar untuk melakukan perubahan dan membentuk negara Islam di dalam peristiwa hijrah.

HIJRAH GOLONGAN ANSAR

Ansar terdiri daripada dua puak iaitu Aus dan Khazraj. Mereka adalah berasal dari selatan Yaman. Selepas keruntuhan tamadun Saba' akibat empangan Ma'arib pecah, mereka berpindah ke Yathrib. Di sinilah mereka hidup bersama dengan golongan Yahudi yang berasal dari arah utara iaitu Syam. Hasil pertemuan dengan masyarakat Yahudi, mereka terdedah dengan agama samawi. Agama yang membicarakan akan ketuhanan,

wahyu, kebangkitan, hisab, neraka dan syurga. Mereka juga didedahkan dengan kedatangan nabi utusan yang terakhir. Perihal ini, Allah s.w.t. ceritakan di dalam surah Al-Baqarah, ayat 89:

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِّنْ عِندِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِن قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَّا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٨٩﴾

Maksudnya: Dan setelah datang kepada mereka Al Qur'an dari Allah yang membenarkan apa yang ada pada mereka, padahal sebelumnya mereka biasa memohon (kedatangan Nabi) untuk mendapat kemenangan atas orang-orang kafir, maka setelah datang kepada mereka apa yang telah mereka ketahui, mereka lalu ingkar kepadanya. Maka la'nat Allah-lah atas orang-orang yang ingkar itu.

Pertempuran yang antara Aus dan Khazraj pernah tercetus yang mereka namakan dengan “Yaumul Bu’ath” yang memakan masa selama 100 tahun. Peperangan ini berterusan sehingga pada tahun 3 sebelum Hijrah, kedua-dua puak ini berjumpa dengan manusia yang agung; Nabi Muhammad yang pernah mereka dengar dari mulut-mulut Yahudi. Ketika di kalangan mereka menunaikan haji, berdekatan dengan tempat melontar di Aqabah mereka bertemu dengan baginda. Mereka menyatakan: “Sesungguhnya kaum-kaum kami telah berbalah antara satu sama lain dan kejahatan (bermaharajalela) di kalangan kami. Harapannya, Allah s.w.t. akan menyatu-padu mereka itu dengan (kehadiran) kamu. Kami akan cerita kepada mereka (perihal kamu). Lantas kami akan mengajak mereka mematuhi arahan kamu agar Dia menyatu-padukan mereka di bawah (arahan) kamu”.

Rasulullah s.a.w. terus mengajak mereka untuk memeluk agama Islam dan mereka terus menerimanya. Mereka berjanji akan berjumpa pada waktu yang sama dan tempat yang sama pada tahun hadapan.

Pada 2 tahun sebelum Hijrah, 12 orang yang diketuai oleh As'ad bin Zurarah mengangkat sumpah di hadapan baginda agar tidak menyukutkan Allah S.W.T., tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak, berdusta dengan secara sedar dan melakukan maksiat dan tidak mengingkari Rasulullah s.a.w. dalam perkara yang baik. Perjanjian ini dikenali sebagai perjanjian An-Nisa' (perempuan) kerana perjanjian ini tidak menyebut akan "Jihad". Lantaran itu, Mus'ab bin Umair dihantar ke Yathrib agar menjagi guru dan pendidik masyarakat Al-Ansar.

Setahun sebelum berhijrah. Perjanjian sebelumnya telah disambung pula dengan perjanjian yang baru. Perjanjian yang menuntut para Ansar agar menggunakan segala kesediaan samada jiwa mahupun harta. Perjanjian ini dinamakan perjanjian Aqabah kedua yang melibatkan 73 orang Ansar.

Perjanjian ini tidak semudah yang disangkakan. Kebimbangan turut terasa. Mereka mengerti akan bahaya yang bakal menimpa. Ketika mereka ingin memberikan perjanjian taat setia, Al-Abbas (bapa saudara Nabi Muhammad S.A.W memperingatkan kepada golongan Ansar, "Wahai puak Al-Khazraj! Muhammad adalah di kalangan kami sebagaimana kamu tahu. Kami telah bersungguh-sungguh mempertahankannya dari tindakan kaum kami. Justeru, baginda adalah dihormati di sisi kaumnya dan terpelihara di negaranya. Namun, baginda bertegas untuk mengambil tempat dan bersama-sama dengan kamu. Jikalau benar kamu berpandangan akan tetap setia dengan baginda dan mempertahankannya dari seteru-seterunya. Kamu ambillah dengan tanggung jawab kamu. (Sebaliknya), jikalau kamu beranggapan kamu menerimanya dan kamu mengabaikannya, maka sekaranglah (sebaik-baiknya) kamu tinggalkan.

Seorang di kalangan pemimpin Ansar pula menjawab, "Kami benar-benar telah mendengar apa yang kamu katakan wahai Al-Abbas".

Berkata Al-Abbas bin Ubadah bin Nadhlah, seorang dari golongan Ansar, saudara Bani Salim bin Auf, "Wahai puak Al-Khazraj! Adakah kamu mengetahui apa yang kamu janjikan terhadap lelaki ini?.

Puak Ansar menjawab, “Ya!!!”.

Berkata Al-Abbas bin Ubadah, “Sesungguhnya kamu berjanji akan memerangi puak-puak yang berkulit merah dan berkulit hitam. Jikalau kamu berpandangan apabila harta-harta kamu dirampas dan para pemimpin kamu terbunuh kamu akan menyerahkannya... Maka dalam keadaan ini, demi Allah, jikalau ini tindakan kamu, ia merupakan kerugian di dunia dan akhirat”.

Al-Abbas menambah lagi, “Jikalau kamu berpandangan akan taat setia kepada segala arahnya (walaupun ia mengakibatkan) kemusnahan harta dan para pemimpin terkorban. Maka, kamu terima sahajalah. Ianya, demi Allah, adalah sebaik-baik di dunia dan akhirat’.

Apabila puak Aus mendengar kata-kata Al-Abbas, mereka menanyakan kepada Rasulullah s.a.w., “Kami akan mengambilmu beserta kemusnahan harta dan pengorbanan para pemimpin. (Jikalau sedemikian), apakah yang kami akan dapat jikalau kami berterusan dalam keadaan begini?”.

Bersabda Rasulullah s.a.w., “Syurga”.

Mereka terus bergegas ke arah baginda untuk bersalaman memberi tanda taat setia. Akan tetapi mereka dihalang oleh ketua pimpinan mereka As’ad bin Zurarah yang diberi gelaran Abu Lubabah (Bapa Intelek).

Berkata As’ad bin Zurarah, “Wahai penduduk Yathrib, tunggu!!! Kami bukannya menetak limpa-limpa unta (menghabiskan harta) melainkan kerana kita benar-benar mengetahui baginda adalah Rasulullah s.a.w. Pada hari ini, baginda keluar untuk berpisah dari semua golongan-golongan Arab, mengorbankan golongan terpilih dikalangan kamu dan kamu akan memamah pedang (kerana kerap berperang). Jikalau benar kamu bersabar di dalam keadaan sedemikian. Ganjaran kamu adalah (kewajiban) bagi Allah s.w.t. (memberi syurga). Manakala jikalau kamu merasa takut kamu akan mempunyai

(perasaan) tidak dapat bertindak. Beritahulah sekarang nescaya kamu dapat meminta keuzuran kamu di sisi Allah s.w.t.

Puak Ansar pula mengatakan, “Ketepilah kamu dari kami. Demi Allah, kami tidak akan meninggalkan perjanjian ini dan tidak akan membatalkannya buat selama-lamanya”.

Lalu Rasulullah s.a.w. berucap dengan membaca beberapa ayat Al-Qur’an dan bersabda, “Daku berbai’ah dengan kamu agar mempertahankanku sebagaimana kamu mempertahankan isteri-isteri dan anak-anak kamu”.

Mereka terus berbai’ah dengan Rasulullah s.a.w.

Antara butir-butir perjanjian ini sebagaimana diriwayatkan oleh Ubadah bin As-Somit (salah seorang naqib-naqib yang terlantik), berkata,

“Kami berbai’ah dengan Rasulullah s.a.w. agar mendengar dan patuh di kala susah dan senang, di dalam keadaan bersemangat dan lesu, sanggup mengorbankan diri, tidak memecat urusan kepimpinan bagi yang layak, berkata benar di mana kami berada dan tidak takut hanya kerana Allah s.w.t. terhadap celaan orang yang mencela.

Inilah titik permulaan mereka untuk tunduk dan memenangkan kebenaran. Lembaran sejarah membuktikan ketulusan perjanjian yang mereka lakukan walaupun mereka mendapati benar-benar para pimpinan mereka terbunuh, harta-harta tergadai dan mereka meyakinkan kesepakatan seluruh bangsa-bangsa Arab menentang dan cuba melanggar Yathrib (Madinah) di dalam peperangan Al-Ahzab.²⁴

HIJRAH GOLONGAN MUHAJIRIN.

²⁴ Rujuk peristiwa ini, Ibnu Hisyam, opcit, 1/ 438.

Pengorbanan golongan Ansar membuka ruang kepada masyarakat Islam di serata tanah arab untuk berhijrah agar bersama-sama mempertahankan Rasulullah s.a.w. dan agama Islam. Begitu banyak cerita akan pengorbanan mereka.

Golongan Muhajirin sanggup meninggalkan bapa, ibu, isteri, adik-beradik, isteri, anak-anak dan harta benda. Antara cerita yang menarik dan patut diketengahkan di sini adalah cerita Suhaib bin Sinan ketika keluar dari kota Mekah secara sembunyi telah diikuti beberapa golongan musyrik Mekah.

Berkata Suhaib, “Kamu semua tahu bahawa saya adalah paling handal memanah di kalangan kamu. Demi Allah, kamu tidak akan dapat menghampiri saya atau sekumpulan besar di kalangan kamu akan menemui ajal. Biarlah saya dan keadaanku”.

Mereka menjawab, “Tinggalkan harta kamu”.

Suhaib pun meninggalkan kesemua hartanya dan menunjukkan tempat-tempat yang beliau menyimpan harta.

Lantaran itu, Al-Qur'an terus diturunkan menceritakan akan beliau dan yang berkorban kerana agama. FirmanNya:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِى نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٠٧﴾

Maksudnya: Dan di antara manusia ada orang yang mengorbankan dirinya karena mencari keredhaan Allah; dan Allah Maha Penyantun kepada hamba-hamba-Nya.

Surah Al-Baqarah: 207

Jelasnya, para musyrikin Quraisy di Mekah telah berusaha dengan sedaya upaya. Namun, ramai yang telah berjaya berhijrah.

Kedua-dua sifat yang ditunjukkan oleh kedua-dua golongan ini; golongan Muhajirin dan Al-Ansar adalah natijah daripada kefahaman yang jitu kepada kebenaran Islam. Kefahaman ini membuahkan perasaan megah dan merasa gagah untuk bersama-sama mempertahankan Islam dan mencari kemenangan melalui keredhaan Allah s.w.t.

STRATEGI MELANCARKAN SERANGAN TERHADAP KUBU MUSUH.

Di sini, saya merasakan penting untuk mengisi fakta untuk menghadapi kubu-kubu musuh. Saya mengetengahkan strategi penggempuran kubu-kubu musuh adalah kerana ia adalah antara tugas yang sukar yang memerlukan kesabaran.

Kita dapati dari perjalanan hidup nabi Muhammad s.a.w. mempunyai beberapa pergerakan pejuang Islam bagi menghadapi kubu-kubu musuh. Di antaranya adalah peperangan Bani Nadir. Al-Quran menggambarkan kedudukan tentera Yahudi Bani Nadir dengan firmanNya yang berbunyi:

﴿ مَا ظَنَنْتُمْ أَنْ يَخْرُجُوا وَظَنُّوا أَنَّهُمْ مَانِعَتُهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ ﴾

Maksudnya: *Kamu tidak terfikir bahawa mereka akan keluar (dari kubu mereka) dan kamu menyangka bahawa kubu tersebut adalah pelindung daripada (serangan tentera-tentera) Allah.*


Al-Hasyr: 2.

Namun, mereka terpaksa keluar menuju ke Khaibar untuk bersama dengan Yahudi Bani Mustalak. Strategi yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk menghabisi mereka adalah dengan menebang pohon kurma dan membakar pohon buah-buahan agar mereka tidak memiliki sesuatu makanan. Mereka terpaksa keluar daripada kubu mereka selepas daripada kepungan selama dua puluh lima malam.²⁵


²⁵ Abdul Rahman bin Abdullah Al-Khasyami: Al-Raudul Unuf, 348.

Di dalam peperangan tersebut Rasulullah *s.a.w.* tidak merasakan kesusahan yang berat. Kesukaran yang begitu terasa adalah apabila tentera Islam berhadapan dengan Kubu Taif. Rasulullah *s.a.w.* juga merasakan tekanan yang dihadapi. Dalam masa yang sama, Salman Al-Farisi diarahkan agar membuat menjanik; iaitu suatu alat lontaran yang akan digunakan di dalam peperangan ini. Namun, apabila mendapati kematian yang banyak dari kedua-dua belah pihak, tentera Islam akhirnya balik ke Madinah tanpa membuka kota Taif walaupun mereka begitu menghendaki akan pembukaannya.

Dari sini, kita mendapati bahawa serangan terhadap kubu tidaklah sebegitu mudah. Oleh kerana itulah nabi Muhammad *s.a.w.* berbincang dengan ahli mesyuarat (syura) yang terdiri dari golongan yang berpengalaman yang telah kita bincangkan perkara ini di dalam 4.3.



Rajah 17: Kedudukan Kota Taif berbanding Mekah.



Rajah 18: Kemaraan pasukan tentera Muslim dari arah timur laut Kota Taif.

4.5 PENGGABUNGAN TENTERA

Asas peperangan di dalam Islam adalah untuk mengangkat martabat Islam dalam semua lapangan dan meniadakan segala bentuk fitnah terhadap agama yang murni ini. Justeru, jikalau dakwah Islam disekat lantaran permusuhan terhadap agama ini akan mengakibatkan peperangan akan berterusan.

Manakala kesepakatan golongan musuh bersama golongan Islam samada dengan cara bersama di dalam negara Islam dan perjanjian damai, akan membangkitkan perasaan jaminan ketenangan dan keselamatan. Ini akan membuahkan suatu perhubungan yang baik dan permuafakatan dari segi kekuatan dan dapat membentuk satu benteng yang kukuh terhadap serang dari pihak luar.

Apa-apa sahaja permuafakatan tanpa asas yang kuat ini, ia akan dianggap sebagai satu penipuan yang kita tidak merasakan satu bentuk keamanan dari sikap permusuhan mereka. Maka, sudah pasti akan timbul beberapa kemungkinan peperangan yang dahsyat. Melemahkan musuh adalah penutup kepada segala fitnah. Justeru, para pejuang Islam akan terus menyerbu kubu-kubu musuh selepas segala kepentingan dan kemudaratan diambil kira.

Perbincangan di dalam bahagian ini adalah bermaksud merangka bentuk diplomasi antara dua puak yang bertelagah. Diplomasi ini saya bahagikan kepada dua keadaan:

Keadaan pertama: Penggabungan dan persepakatan antara puak yang berdekatan dan dianggap bukan musuh.

Keadaan kedua: Berdiplomasi dengan pihak musuh dan tindakan terhadap segala kepentingan yang ada pada mereka.

Keadaan pertama, kita akan bincangkan di sini. Manakala keadaan kedua kita akan bincangkan di dalam fasal 4.6.

Di sini saya ingin mengutarakan kaedah atau cara-cara perhubungan antara puak-puak yang diambil perhatian oleh Islam itu sendiri. Saya membahagikan penggabungan dan kesepakatan kepada dua iaitu:

Penggabungan Pertama:

Penggabungan dengan pihak musuh yang beragama Islam (Nilai Perpaduan).

Penggabungan Kedua:

Penggabungan dengan pihak musuh yang bukan beragama Islam (Nilai Berdamai).

4.5.1 NILAI PERSAUDARAAN.

Asas penggabungan antara dua pihak yang mempunyai agama yang sama adalah tidak sama dengan dua pihak yang berlainan agama. Dua pihak yang beragama yang sama tentu sekali terikat dengan pertimbangan agama masing-masing dan mempunyai akidah, syariah dan akhlak yang sama. Mereka yang menongkat dengan agama Islam dan mengangkat panji-panji agama Islam merupakan mereka yang mempunyai sumber kehidupan yang sama.

Islam mewajibkan penyatuan antara puak-puak yang beragama Islam agar berganding bahu dan bekerjasama bagi mengangkat agama ini. Dengan perkataan lain, **haram** hukumnya menjuzukkan penyatuan ini sehingga terbentuk puak-puak yang bertelagah dan berpisah.

Kesemua ini adalah berdasarkan pemahaman arahan-arahan sunnah agar umat Islam bersatu suara di bawah satu arahan khalifah. Banyak hadis-hadis menyatakan perkara ini, antaranya:

1. Riwayat Muslim daripada Abdullah bin Amru bin Al-Aas daripada Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

"وَمَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُنُقِهِ بَيْعَةٌ، مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً"

Maksudnya: "Barang siapa mati dalam keadaan tidak terpuak di tengkuknya Bai'ah (janji setia), (dikira) mati dalam keadaan Jahiliah".

Sohih Muslim

Imam An-Nawawi menjelaskan hadith tersebut, "Ketaatan kepada ketua negara adalah kewajiban setiap orang muslim; sebagaimana Bai'ah Abu Bakar yang dipersetujukan bersama oleh majoriti sahabat adalah diwajibkan kepada

tengkuk (sebagai satu tanggung-jawab) Ali bin Abi Talib *r.a.* walaupun beliau telah berselisih pendapat mengenai persetujuan bai'ah ini (pada peringkat awal) samada masa ini adalah pendek atau panjang.”²⁶

2. Riwayat Abi Said Al-Khudri menyebut:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : (إِذَا بُوِيعَ لِخَلِيفَتَيْنِ سَوَاءٌ وَجِدَ هَذَا الْخَلِيفَةُ أَوْ وَجِدَ الْخَلِيفَةُ الثَّانِي عَنْ طَرِيقِ الثَّغْلِبِ وَالْمُنَازَعَةِ لِلْخَلِيفَةِ الْأَوَّلِ فَتَحْرِيمُ تَعْدُدِ الْخَلِيفَةِ وَوُجُوبُ أَنْ يَكُونَ خَلِيفَةُ كُلِّ الْمُسْلِمِينَ وَاحِدًا)

Berkata Rasulullah s.a.w.: “Apabila telah diberi bai'ah kepada dua orang khalifah samada kewujudan Khalifah ini atau Khalifah kedua adalah hasil daripada pertembungan dan pertelingkahan terhadap khalifah yang terawal, maka (hukumnya) adalah haram berbilang khalifah. (Ini adalah kerana) kewajipan bagi setiap orang Islam adalah (berusaha) menjadikan khalifah (bagi mereka) adalah satu.”

Sohih Muslim

Penyatuan antara para pejuang muslim adalah wajib dan merupakan dianggap **hukum asal**. Sememangnya selagi ada percanggahan atau penghalang daripada membina perpaduan, ia boleh berubah kepada hukum yang lain, seperti halangan jarak jauh yang memisah antara satu negara dengan negara yang lain yang memerlukan kepada setiap negara melantik ketua masing-masing. Seperti jarak antara negara China dan Maghribi. Hukum dalam keadaan ini adalah diharuskan untuk berbilang ketua negara bagi negara yang berlainan.

Namun demikian, mereka adalah diwajibkan untuk meneruskan seruan ke arah menghapuskan segala masalah-masalah yang timbul hasil daripada jarak negara yang jauh itu dengan sedaya mungkin. Kesemua ini, adalah sebagai suatu cara ikutan dan ketaatan kita terhadap kedua hadis di atas.

²⁶ Lihat Kanzul Ummal 2/683.

Begitu juga sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Al-Juwaini bahawa telah menjadi ijmak mengenai ketidakharusan perlantikan dua ketua bagi satu tempoh kepimpinan di dalam tempoh masa yang sama.²⁷

Justeru, peperangan bagi menyatukan ummah adalah jihad yang dibenarkan syarak. Jihad bagi menyatukan ummah ini adalah salah satu cara yang disyariatkan agar mengangkat kalimah Allah di muka bumi.²⁸ Kalimah ini adalah kalimah Islam yang meliputi akidah dan amalan bahkan ia adalah salah satu daripada hukum Islam yang patut ditegakkan.²⁹

Zaman ini sudah membuktikan betapa bahaya perpecahan umat Islam lantaran daripada kehilangan kesatuan umat Islam ini. Robohnya sistem khilafah yang merupakan jati diri kesatuan umat menatijahkan padah yang buruk.

Ia adalah sebagaimana kita lihat apa yang berlaku di teluk Parsi (di sekitar Iraq, Iran dan Kuwait). Semuanya adalah gara-gara kehilangan kekuatan *syarak* yang memintas, mengendalikan dan menyelesaikan segala bentuk perbalahan.

Negara Islam sungguh memerlukan kesatuan yang menggariskan sebuah perlembagaan yang mewajibkan negara-negara umat Islam akan dapat menyelesaikan permasalahan dikalangan umat Islam sendiri dan memperkukuhkan negara Islam. Tambahan pula, sememangnya tugas khalifah adalah mengetuai bagi negara-negara Islam membentuk pendirian yang tetap bagi menakutkan musuh-musuh Allah yang memerangi dan memusuhi golongan muslim.

Inilah apa yang dilakukan oleh nabi Muhammad saw yang menggabungkan pelbagai kabilah di kalangan masyarakat dan penduduk Madinah. Nabi menamakan

²⁷ Imam An-Nawawi: Syarh Sahih Muslim, 8/40-41.

²⁸ Al-Mu'jam Al-Wasit, perkataan **جَاهِد**.

²⁹ Al-Jihad wal Qital, 1/366.


kelebihan setiap puak masing-masing. Ini sebagaimana yang diterangkan di dalam banyak hadis yang soheh.³⁰ Antaranya, Nabi memuji setiap puak di kalangan golongan Ansar:

خَيْرُ دُورِ الْأَنْصَارِ: بَنُو النَّجَّارِ، ثُمَّ بَنُو عَبْدِ الْأَشْهَلِ، ثُمَّ بَنُو الْحَارِثِ بْنِ الْخَزْرَجِ، ثُمَّ بَنُو سَاعِدَةَ، وَفِي كُلِّ دُورٍ الْأَنْصَارُ خَيْرٌ

Maksudnya: Sebaik-baik puak Ansar adalah Bani Al-Najjar, kemudian Bani Al-Asyhal, kemudian Bani Al-Harith bin Khazraj, kemudian Bani Sa'idah dan setiap puak Ansar adalah baik.

Sohih Bukhari dan Muslim

³⁰ Sila rujuk: Al-Mubarak Muhammad Al-Athir Al-Jazari, Abdul Salam (ed.) (1997), *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*. Bairut: Al-Maktabah Al-Tujjariah. m/s: 363-420, yang menghimpunkan pujian-pujian Nabi terhadap puak-puak Arab yang berpegang teguh dengan Islam. Puak-puak yang mendapat pujian ini adalah Quraisyh, Ansar, Aslam, Gifar, Muzainah, Juhainah, Asyja', Al-Asy'ari, Tamim, Humair, Al-Azd, Daus, Thaqif, Amman, Habsyah, Hanifah dan Umaiyyah.



Rajah 19: Arah kemasukan nabi Muhammad saw setibanya di Madinah yang menggabungkan puak-puak di kalangan penduduk Madinah dari pelbagai latar belakang dan asal usul mereka.

Sumber: *Atlas Sirah Nabawiyah*

Rajah di atas menunjukkan bahawa Rasulullah saw berjaya menyatupadukan antara qabilah-qabilah kecil yang dipayungi oleh sebuah negara Islam yang bertempat di Madinah. Penggabungan ini tidaklah mudah pada peringkat awal penggabungan. Ia tidak dianggap kukuh. Hal keadaan ini dapat digambarkan sebagaimana riwayat Usamah bin Zaid:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم ركب على حمار عليه إكاف، ... وأردف أسامة بن زيد وراءه، يعود سعد بن عُبادة في بني الحارث بن الخزرج، وذلك قبل وقعة بدرٍ، قال: فسار حتى مرَّ بمجلس فيه عبد الله بن أبي بن سلول، وذلك قبل أن يسلم عبد الله بن أبي، وإذا في المجلس أخلاط من المسلمين والمشرّكين عبدة الأوثان واليهود، وفي المسلمين عبد الله بن رواحة، فلما غشيت المجلس عجاجة الدابة، خمر عبد الله بن أبي أنفه بردائه، ثم قال: لا تغبّروا علينا، فسلم رسول الله صلى الله عليه وسلم عليهم، ثم وقف، فنزل فدعاهم إلى الله، وقرأ عليهم القرآن، كان حقاً فلا تُؤذنا به في مجالسنا، وارجع إلى رحلك، فمن جاءك فاقصص عليه، فقال عبد الله بن رواحة: بلى يا رسول الله، فاغشنا به في مجالسنا، فلم يزل النبي صلى الله عليه وسلم يخفّضهم حتى سكنوا، ثم ركب النبي صلى الله عليه وسلم دابته، فسار حتى دخل على سعد بن عُبادة، فقال له النبي صلى الله عليه وسلم: أي سعد، ألم تسمع ما قال أبو حباب؟ - يريد عبد الله بن أبي - قال: كذا وكذا، فقال سعد بن عُبادة: يا رسول الله، اعفُ عنه واصفح، فوالذي أنزل عليك الكتاب، لقد جاء الله فيعصّبوه بالعصا، فلما أبى الله ذلك بالحق الذي أعطاك الله، شرق بذلك، فذلك الذي فعل به ما رأيت، فعفا عنه رسول الله صلى الله عليه وسلم، وكان النبي صلى الله عليه وسلم وأصحابه يعفون عن المشرّكين وأهل الكتاب، كما أمرهم الله، ويصبرون على الأذى، ... فلما غزا رسول الله صلى الله عليه وسلم بدرًا فقتل الله فيها من قتل من صناديد كفار قريش، وقفل رسول الله صلى الله عليه وسلم وأصحابه منصورين غانمين، معهم أسارى من صناديد الكفار وسادة قريش، قال ابن أبي بن سلول ومن معه من المشرّكين عبدة الأوثان: هذا أمر قد توجّه، فبايعوا لرسول الله صلى الله عليه وسلم على الإسلام، فأسلموا

Maksudnya: Rasulullah saw menunggang keldai yang mempunyai celana... Usamah membongceng dibelakangnya menziarahi Sa'ad bin Ubadah di (penempatan) Bani Al-Harith bin Khazraj. (Peristiwa) ini adalah sebelum peristiwa (peperangan) Badar.

(Sambung Usamah lagi) berkata: Lalu (Baginda) berjalan sehingga melalui satu majlis (perbincangan) yang (dihadiri) padanya Abdullah bin Ubai bin Salul. (Ketika) ini sebelum Abdullah bin Ubai memeluk Islam. Pada majlis ini (dihadiri) pertemuan Muslimin, Musyrikin penyebah berhala dan kaum Yahudi. (Turut bersama) di kalangan muslimin ialah Abdullah bin Rawahah.

Ketika

Riwayat Bukhari (2825) dan Muslim (1798).

4.5.2 NILAI PERPADUAN.

Manakala dasar diplomasi antara puak yang beragama Islam dan puak yang bukan beragama Islam telah banyak dibahaskan oleh para fuqahak dengan berbeza-beza pandangan mereka. Timbul perselisihan dikalangan mereka bagi menyatakan asal hukum bentuk perhubungan ini. Adakah asasnya berbentuk **perdamaian** atau **peperangan**?

Di dalam penulisan yang sekecil ini, saya tidak membawa perbincangan antara kedua-dua pendapat ini. Cukuplah bagi saya menyatakan pandangan yang saya persetujui iaitu pandangan kebanyakan fuqahak Maliki, Hanafi dan Hanbali.

Mereka berpandangan bahawa sumber hukum-hakam peperangan adalah kerana ada serangan, pembunuhan dan permusuhan, bukannya kerana kekufuran (ketidak terimaan agama Islam). Mereka mempersoalkan, jikalau kekufuran adalah disebabkan peperangan, kenapakah pengharaman pembunuhan wanita dan juga penduduk awam?³¹

Di sini saya membawakan dua kisah peperangan yang dilaksanakan oleh Abu Bakar As-Siddiq *r.a.* dan satu zaman selepasnya:

Kisah Pertama: Apa yang dilakukan oleh Abu Bakar *r.a.* yang memerangi kabilah Arab ketika Peperangan Riddah. Peperangan ini tidak dianggapkan bahawa mereka itu adalah Arab musyrikin atau Arab yang bukan Islam sejak asal kehidupan mereka. Bahkan, mereka telah dianggap berpaling (murtad) daripada Islam. Ini adalah disebabkan Bangsa Arab seluruhnya telah memeluk agama Islam ketika zaman Nabi Muhammad *s.a.w.* Kekufuran mereka (kali ini) mewajibkan ke atas mereka agar mengambil tindakan tatatertib sebagaimana firman Allah :

﴿وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً﴾

³¹ Dr. Mustafa Dib Bugha: Nizam Al-Islam fil Aqidah wal Akhlak wat Tasyri', 334.

Maksud: “Perangilah orang musyrikin semuanya sekali kerana mereka memerangi kamu semuanya sekali.”³²

At-Taubah: 36

Kisah kedua: Serangan terhadap Parsi adalah kerana sebab kezaliman yang dialami oleh penduduknya. Justeru, kita mendapati Abu Bakar telah mengeluarkan arahan untuk memerangi kerajaan Parsi lantaran permintaan Al-Muthni bin Harithah Asy-Syaibani (seorang pemuka Iraq) bagi melepaskan penduduk Iraq dari cengkaman Parsi. Para penduduk Iraq merasakan bahawa mereka telah dizalimi.³³

Kisah ketiga: Peperangan yang memakan masa yang panjang iaitu peperangan Islam dengan kerajaan Rom (Byzantine). Serangan terhadap Rom adalah bermula gara-gara sikap permusuhan kerajaan Rom terhadap kerajaan Islam semenjak zaman Nabi Muhammad s.a.w. lagi. Bahkan, di zaman baginda telah berlaku dua pertempuran menghadapi tentera Rom iaitu peperangan Muktah dan peperangan Tabuk di Jordan.



Rajah 20: Peta menunjukkan kedudukan dan perjalanan para pejuang Muslim dari Madinah ke Tabuk – sekarang ini di Jordan – yang jaraknya adalah 680 km bagi memberi tentangan kepada kerajaan Rom.

³² As-Sadiq Abu Bakr, 196-199.

³³ Ibrahim Asy-Syirazi: Al-Muhazzab, 2/250-251.

Semuanya menunjukkan bahawa peperangan di sisi Islam mempunyai sebab-sebab permusuhan yang nyata. Bukannya disebabkan oleh akidah mereka yang kufur. Dengan perkataan lain, perdamaian adalah asas perhubungan ini selagi mana dakwah Islam tidak disekat dan permusuhan tidak ditunjukkan. Jikalau ada permusuhan terhadap dakwah Islam dan orang Islam maka peperangan buat ketika ini adalah diizinkan.

Oleh kerana itu kita mendapati sebilangan besar daripada ulama mengatakan keharusan mengumumkan kewajipan membayar Zakat sebagai ganti kepada pembayaran Jizyah agar mereka akan bersama-sama dengan Islam. Kitab Muhazzab yang bermazhab Syafie menyatakan:

“Maka jikalau sesuatu kaum enggan meletakkan nama Jizyah (kepada pembayaran mereka) lalu menyatakan, “Kami membayar dengan nama Sedekah (iaitu Zakat)”sedangkan pendapat ketua negara membenarkan pembayaran Jizyah dengan nama Sedekah; perkara ini adalah harus.

Ini adalah kerana golongan Kristian Arab pernah menyatakan kepada Umar r.a., “Kami tidak membayar sebagaimana orang bukan Arab membayar, akan tetapi ambillah daripada kami dengan nama Zakat sebagaimana kamu mengambil daripada Arab”.

Umar r.a. menolak dengan menegaskan, “Saya tidak akan menerima daripada kamu melainkan Jizyah.”

Maka mereka menyatakan, “Ambillah daripada kami sekali ganda daripada apa yang kamu ambil daripada golongan muslim. Umar menolak. Lalu mereka ingin bersama-sama dengan negara Harb (negara yang diperangi)”.

Maka Zur'ah bin Nukman atau An-Nukman bin Zura'h (syak dari perawi) menyatakan kepada Umar, "Sesungguhnya Bani Taghlib adalah golongan Arab yang mempunyai kekuatan (ketenteraan). Ambillah daripada mereka apa yang mereka berikan dan janganlah membuatkan mereka terpanggil untuk bersama-sama dengan musuh kamu." Maka Umar membuat perjanjian bersama mereka pada menggandakan sedekah kepada mereka."³⁴

Dengan cara ini, tentu sekali puak Islam bertambah kekuatannya dengan kehadiran puak yang bukan beragama Islam bergandingan di dalam sebuah negara berdaulat.

Manakala jikalau mereka adalah puak yang bukan beragama Islam di negara yang bukan mengikat perjanjian dengan negara Islam, mereka adalah diwajibkan untuk menerima syarat-syarat perjanjian. Syarat ini adalah memberhentikan peperangan berserta menjaga garisan penamat gencatan senjata. Perlu diingatkan akan empat garisan penamat gencatan senjata ini adalah:

1. Ketika tamat tempoh masa perjanjian antara mereka dan muslim.
2. Ketika musuh melanggar syarat perjanjian
3. Ketika golongan Islam menghadapi peperangan dengan puak lain, mereka memberi pertolongan kepada musuh Islam yang memerangi kita samada pertolongan tersebut berbentuk penambahan tentera atau kelengkapan peperangan atau yang seumpamanya.

³⁴ Ibid, 2/250-251

4. Ketika telah jelas kepada kita bahawa mereka merancang konspirasi dan meletakkan strategi untuk mengkhianati dan melanggar syarat perjanjian.³⁵

Disamping itu, puak Islam diharuskan membuat perjanjian dengan meletakkan syarat untuk mewajibkan mereka menolong golongan Islam melawan musuh selagi mana ada beberapa strategi yang menguntungkan. Namun demikian kita haruslah beringat bahawa kita adalah dilarang untuk meminta pertolongan daripada yang bukan beragama Islam melainkan benar-benar pasti keuntungan dan masalah dapat dicapai.

Manakala, jikalau musuh adalah golongan yang tidak putus-putus menunjukkan permusuhan dan mengisytiharkan permusuhan mereka, mereka tidak diistilahkan kafir Zimmi (bukan Islam yang wajib dilindungi) bahkan mereka boleh diistilahkan kafir harbi yang boleh diperangi selagimana tidak termeterinya ikatan perhubungan antara puak dengan asas keamanan sejagat.

Saya menyokong pendapat yang diutarakan oleh Yusuf Al-Qardhawi:

*“Syariat Islam ... menyifatkan bukan muslim samada dua sifat yang tiada tiganya: yang menerima perjanjian dan yang berperang. Golongan yang menerima perjanjian hendaklah diminta kepada kita (golongan muslim) agar berbuat baik dan berlaku adil. Manakala golongan yang berperang hendaklah kita memerangi mereka dan membalas permusuhan mereka dengan yang setimpal”.*³⁶

Namun demikian, beliau tidaklah berniat untuk membangkitkan umat Islam supaya bertindak ganas kerana ia menyebabkan kerugian yang besar. Bahkan kita perlu berani untuk menghadapi permusuhan mereka dengan berani dan berstrategi.

³⁵ Al-Jihad wal Qital, 3/1477-1479.

³⁶ Al-Islam wal Unf Nazarat Ta'siliyah karangan Dr. Yusuf Al-Qardhawi, m/s: 34-35, 53-58.

4.6 KONFLIK NILAI TERHADAP NEGARA MUSUH.

Agama Islam menginginkan terbentuknya satu kesedaran akan keperluan tunduk patuh dengan sepenuhnya kepada Allah semata-mata iaitu beriman secara jitu kepada Allah s.w.t., atau mereka perlu menukar ketundukan mereka ini dengan menerima sistem Islam secara zahir. Begitu juga, Islam menginginkan kesatuan umat Islam dengan satu ketundukan terhadap panji Islam.

Para pejuang Islam berperang adalah untuk mengangkat kalimah Allah dan mematahkan apa-apa bentuk permusuhan terhadap golongan Islam supaya tiada lagi fitnah yang berlaku dan agama yang dijunjung adalah menyembah Allah s.w.t. semata-mata. Sistem ini adalah sistem yang terbaik bagi umat Islam yang mengangkat agama meliputi separuh muka bumi dalam tempoh masa separuh kurun.

Perbahasan ini adalah berkaitan dengan dasar negara dan strategi dalaman sesebuah negara terhadap negara yang memusuhinya. Justeru, perancangan perkara ini adalah terlalu bahaya. Saya membahagikan perbahasan ini kepada dua bahagian:

Bahagian Pertama:

Berdiplomasi dengan pihak musuh (Diplomasi).

Bahagian Kedua:

Tindakan terhadap segala kepentingan yang ada pada musuh (Gempur).

4.6.1 DIPLOMASI.

Secara umumnya, sememangnya Islam mengajak manusia agar bersatu padu berdasarkan tautan aqidah dan persaudaraan sesama Islam. Oleh kerana itulah segala tindakan berkelompok dan berpersatuan adalah berdasarkan kepada kepersefahaman akal dan membangkitkan sensitiviti terhadap perkara yang benar.

Oleh kerana itu, Islam berdakwah dengan sesuatu yang boleh difahami bersama. Melalui kebijaksanaan dan sering beringat adalah cara yang terbaik yang diajar oleh Al-Quran.³⁷ Firman Allah:

﴿ اَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ

أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah

³⁷ Rujuk: Al-Madkhal Ilal Aqidah wal Istratijiyyatil Askariyyatil Islamiyah karangan Muhammad Jamaluddin, cetakan darul I'tisam, m/s: 44-45.

yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

Al-Nahl: 125.

Namun, bagi sesiapa yang bermusuhan terhadap agama Islam, Islam mengajar para pejuang muslim berpendirian tetap bagi meletakkan strategi. Kata-kata Nabi Muhammad s.a.w. memberi tunjuk ajar yang begitu bermakna kepada pejuang Islam. Sabda baginda:

" إِذَا لَقِيتُمْ عَدُوَّكَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ، فَادْعُوهُمْ إِلَى ثَلَاثِ خِصَالٍ (أَوْ خِلَالٍ) فَأَيَّتُهُنَّ أَجَابُوكَ فَأَقْبِلْ مِنْهُنَّ وَكُفْ عَنْهُنَّ ثُمَّ ادْعُهُنَّ إِلَى الْإِسْلَامِ، فَإِنْ أَجَابُوكَ فَأَقْبِلْ مِنْهُنَّ وَكُفْ عَنْهُنَّ، ثُمَّ ادْعُهُنَّ إِلَى التَّحَوُّلِ مِنْ دَارِهِمْ إِلَى دَارِ الْمُهَاجِرِينَ وَأَخْبِرُهُنَّ أَنَّهِنَّ إِنْ فَعَلُوا ذَلِكَ فَلَهُنَّ مَا لِلْمُهَاجِرِينَ وَعَلَيْهِنَّ مَا عَلَى الْمُهَاجِرِينَ فَإِنْ أَبَوْا أَنْ يَتَحَوَّلُوا مِنْهَا فَاخْبِرُهُنَّ أَنَّهُنَّ يَكُونُوا كَأَعْرَابِ الْمُسْلِمِينَ يَجْرِي عَلَيْهِمْ حُكْمُ اللَّهِ الَّذِي يَجْرِي عَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَكُونُ لَهُنَّ الْغَنِيمَةُ وَالْفَيْءُ إِلَّا يَجَاهِدُوا مَعَ الْمُسْلِمِينَ فَإِنْ أَبَوْا فَسِلِّهِنَّ الْجَزْيَةَ، فَإِنَّهُنَّ أَجَابُوكَ فَأَقْبِلْ مِنْهُنَّ وَكُفْ عَنْهُنَّ فَإِنْ أَبَوْا فَاسْتَعِزَّ بِاللَّهِ وَقَاتِلُهُنَّ "

Maksud: Apabila kamu berhadapan dengan musuh di kalangan golongan Musyrikin, hendaklah kamu memberi peluang kepada mereka tiga perkara. Jikalau mereka menerima hendaklah kamu menerimanya dan biarkanlah mereka (gencatan senjata), kemudian hendaklah mengajak mereka kepada Islam, jikalau mereka menerima hendaklah kamu menerimanya dan biarkanlah mereka (gencatan senjata). Jikalau mereka enggan, maka hendaklah mereka membayar jizyah. Jikalau mereka menerima, hendaklah kamu menerimanya dan biarkanlah mereka (gencatan senjata). Jikalau mereka enggan, hendaklah kamu meminta pertolongan daripada Allah dan perangilah mereka.

Sohih Muslim

Daripada hadis tersebut kita dapat menyingkap akan dua strategi bagi menghadapi musuh tanpa bertempur iaitu:

1. Berikan mereka peluang untuk menganut agama Islam dan
2. Membayar jizyah.

Berikut adalah penjelasan lanjut terhadap dua perkara di atas.

Pertama: Menganut Agama Islam.

Hadis tersebut secara terang mengarahkan kepada kita agar mengajak musuh memeluk agama Islam. Namun demikian, para fuqahak berselisih pandangan terhadap cara ajakan ini. Perselisihan ini adalah sebagaimana berikut:

1. Hendaklah mendahulukan dakwah kepada Islam tanpa memerhatikan samada sampai atau tidak dakwah ini kepada mereka. Pendapat ini adalah yang diperkatakan oleh Imam Malik.
2. Tidak diwajibkan secara mutlak.
3. Ia adalah diwajibkan kepada sesiapa yang tidak sampai dakwah ini dan disunatkan jikalau sudah sampai dakwah ini. Perkara ini adalah sebagaimana yang diperkatakan oleh kebanyakan ulamak.³⁸

Untuk memerhatikan segala hujah dan pandangan bagi ketiga-tiga pendapat ini, akan memanjangkan penulisan dengan helaian yang banyak. Cukuplah di sini saya menyatakan pandangan saya di dalam perkara ini.

Saya berpandangan perkara ini adalah berkaitan dengan keadaan yang berbeza-beza yang perlu kita sedari. Keadaan tersebut adalah sebagaimana berikut:-

Keadaan Pertama: Keadaan peperangan yang berbentuk bertahan iaitu di kala golongan musuh menyerang golongan muslim. Keadaan ini menyebabkan tiada peruntukan untuk berdakwah walaupun mereka sepatutnya berhak untuk menerima dakwah. Tentu sekali

³⁸ Syaukani: Nail Al-Author, 7/244

meluangkan masa mengajak mereka kepada Islam adalah sesuatu yang membawa padah kepada muslim. Maka, seruan ini tidak diwajibkan.

Keadaan Kedua: Keadaan peperangan di kala musuh tidak menyerang kita bahkan kita yang menyerang musuh dan kita benar-benar ada keperluan untuk berbuat demikian. Di dalam keadaan ini juga, jikalau kita memberi mereka peluang untuk didakwah akan membahayakan kepada golongan muslim. Di sini, kita dapat mengenal pasti dua keadaan yang berbeza iaitu:

- i. Keadaan di mana telah didakwah kepada mereka sebelum ini dan mereka menolaknya. Ketika ini, tidak perlulah kita berdakwah bagi kali kedua kerana hujah telah tertegak. Memperbaharui dakwah kepada Islam akan membawa padah kepada muslim.
- ii. Keadaan di mana dakwah yang diwajibkan tidak sampai lagi kepada mereka akan tetapi selepas memerhatikan akan bahaya yang akan menimpa kepada umat Islam maka kewajipan ini tergugur.

Keadaan Ketiga: Jikalau orang-orang bukan Islam dan negara-negara bukan Islam belum sampai kepada mereka dakwah dan tidak membawa bahaya yang besar lantaran dari seruan dakwah ini dan kelewatan melancarkan serangan, maka pendapat yang perlu di dahulukan adalah pendapat Jumhur Ulamak (iaitu; diwajibkan kepada sesiapa yang tidak sampai dakwah ini, dan disunatkan jikalau sudah sampai dakwah ini) kerana ia memberi kepada mereka peluang untuk bersama dengan negara Islam.


Keadaan Keempat: Jikalau orang-orang bukan Islam dan negara-negara bukan Islam sudah sampai kepada mereka dakwah dan kita beranggapan bahawa memperbaharui dakwah tidak membahayakan kepada umat Islam. Di dalam keadaan ini, kita akan mengandaikan dua keadaan iaitu:

- i. Jikalau pembaharuan dakwah ini memungkinkan mereka menganut Islam dan tunduk kepada negara Islam. Pastilah pembaharuan ini adalah lebih terbaik.
- ii. Jikalau pembaharuan dakwah ini tidak memungkinkan apa-apa dan tidak pula memanfaatkan kita, tentu sekali pembaharuan ini tidak bermakna. Namun, ia memungkinkan mereka sedaran dan mereka merasakan bahawa suatu permusuhan yang berpanjangan akan tercetus lantaran daripada kehendak golongan muslim untuk menegakkan agama Islam.³⁹ Tentu sekali ajakan ini tidak perlu sama sekali bahkan ia akan membahayakan.

Bertitik tolak daripada kenyataan ini, kita mengerti bahawa pendirian kita berubah bersesuaian dengan keadaan tertentu.

Perlu diperingatkan, perbahasan diatas adalah berkaitan dengan seruan mengajak musuh kepada Islam bukannya memaksa mereka untuk menganut agama Islam. Sesiapa sahaja tidak boleh dipaksa menganut agama Islam.

³⁹ Dr. Muhammad Khairul Haikal: *Al-Jihad wal Qital fis Siasati Asy-Syariah*, 1/773-778.



Rajah 21: Penghantaran surat-surat Rasulullah kepada kerajaan-kerajaan Negara jiran yang mengajak mereka agar menerima Islam sebagai agama anutan.

Sumber: *Atlas Sirah Nabawiyah*

Kedua: Membayar Jizyah.

Pembayaran Jizyah adalah diertikan kepada harta yang diwajibkan pembayarannya kepada kerajaan Islam selepas daripada terikat dengan Zimmah (pertanggung jawaban pihak kerajaan Islam bagi menjaga Kafir Zimmi). Lebih dari itu, jizyah bukan hanya pertanggungan harta, bahkan ada beberapa pertanggungjawaban yang lain lantaran terikatnya Zimmah ini. Tanggung jawab ini adalah:-

1. Mewujudkan kesatuan negara kafir dengan negara Islam sehingga negara tersebut menjadi satu juzuk negara Islam.
2. Melaksanakan di negara tersebut sistem perundangan Islam.

3. Menjadikan penduduk yang bukan beragama Islam adalah ahli Zimmah yang perlu membayar Jizyah.
4. Menggugurkan pembayaran Jizyah kepada sesiapa yang menganut agama Islam.
5. Menjadikan kekuasaan kerajaan Islam terhadap negara kafir.
6. Melantik seorang gabenor (atau yang setaraf dengannya seperti jawatan menteri) di kalangan orang yang beragama Islam di negara kafir sebagai satu ikatan dengan kerajaan pusat di ibu kota negara Islam.⁴⁰

Jikalau tanggung-jawab ini tidak dipenuhi, peperangan atau permusuhan masih lagi berlaku. Ini adalah kerana jizyah merupakan tanda tunduk setia kepada kerajaan agar menjamin kesejahteraan bersama. Ia adalah cukai yang diterima pakai oleh semua negara dunia agar rakyat jelata perlu bersama-sama memperkukuhkan negara dengan pembayaran dan kerjasama tersebut.

Bagi pendapat saya, inilah pendirian berstrategi bagi menghadapi musuh tanpa peperangan. Menjadikan negara kafir tersebut menganut agama Islam atau perlu membayar Jizyah agar menjadikan negara mereka sebahagian daripada negara Islam. Bahkan cara ini adalah yang paling selamat dan menguntungkan.

4.6.2 GEMPUR.

Bahagian Pertama di atas adalah di dalam keadaan tidak diisytiharkan peperangan. Jikalau peperangan sudah tercetus atau sudah diwartakan, bahkan permusuhan dan tindakan menyerang sudah diambil, kita sedang menghadapi keadaan getir. Malah ia akan menimbulkan satu persoalan yang penting; adakah boleh kita menghancurkan dan

⁴⁰ Ibid, 1/777.

memusnahkan bandar mereka dan membunuh para pejuang dan rakyatnya? Persoalan ini perlu dijawab dengan teliti. Inilah yang cuba dirungkaikan di dalam Bahagian Kedua: Tindakan terhadap segala kepentingan musuh.

Tindakan menyerang akan mengakibatkan kemusnahan yang besar. Kemusnahan harta benda dan nyawa. Kemusnahan yang paling tragis dan menakutkan di zaman ini adalah kemusnahan bandar yang melibatkan kemusnahan segala kehidupan. Memusnahkan sesebuah bandar atau kota jikalau benar-benar perlu adalah perkara yang diharuskan mengikut syariat Islam. Sebagaimana nabi pernah menebang dan membakar pokok kurma. Penebangan ini adalah di atas tujuan kepentingan serangan. Berkata Ulama: “Tujuan Rasulullah s.a.w. mengguna kaedah menebang pokok kurma adalah kerana menilai keperluan. Ini adalah salah satu pengajaran kepada pemimpin-pemimpin (Islam) selepasnya.”⁴¹

Begitu juga apa yang dilaksanakan oleh Abu Bakar r.a. dengan arahannya untuk membakar dan menebang pokok-pokok termasuk pohon buah-buahan ketika beliau menghantar Khalid Al-Walid (seorang panglima yang masyhur di zaman sahabat) ke tempat kabilah Tulaihah dan Bani Tamim. Sedangkan beliau melarang perbuatan tersebut ketika berlaku siri serangan ke atas negara Syam (kini Syria).

Imam Syafie cuba menerangkan perkara ini:

*“Kemungkinan arahan Abu Bakar agar menghentikan penebangan pohon-pohon buah-buahan adalah kerana beliau pernah mendengar Rasulullah s.a.w. mengkhabarkan bahawa negara Syam akan dibuka oleh orang-orang muslim. Beliau telah maklum akan keharusan menebang atau membiarkan begitu sahaja, maka beliau memilih untuk meninggalkannya kerana menjangkakan (kemenangan) bagi orang-orang Islam.”*⁴²

⁴¹ Dr. Muhammad Said Al-Buthi: Fiqh Al-Sirah Al-Nabawiah, 162.

⁴² Imam Syafie: Al-Um, 197.

Pendapat di atas adalah pendapat kebanyakan ulama. Namun, ada yang tidak berpendapat sedemikian seperti Al-Laith bin Sa'ad, Abu Thur dan Al-Auzai.

Walaupun demikian, pendapat golongan yang mengharuskan memusnahkan kota tidak memaksudkan keharusan membunuh penduduk awam. Hendaklah kita menjaga nyawa mereka sedaya mampu.

Hal ini adalah berpandukan arahan yang dikeluarkan oleh Abu Bakar kepada para pimpinannya ketika di Iraq (di bawah taklukan kerajaan Parsi) supaya tidak mengapa-apakan golongan Arab tersebut yang merupakan golongan petani; tidak membunuh seorang pun di kalangan mereka, tidak mengambil mereka sebagai tawanan perang dan tidak memandang buruk terhadap apa yang berkaitan dengan mereka. Beliau memberitahu bahawa mereka adalah golongan Arab yang serupa dengan mereka dan merasakan diri mereka dizalimi di bawah tekanan negara Parsi.⁴³

Menurut prinsip Islam, Al-Quran jelas memuji sifat orang Islam yang menjaga tawanan perang dengan baik sebagaimana firmanNya:

وَيُطْعَمُونَ عَلَىٰ حَبِّهِ مَسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٥٠﴾

Maksudnya: *Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditawan.*

Ad-Dahr: 8

Namun, nasib tahanan perang adalah ditentukan oleh ketua negara samada untuk membebaskan, menjadikan sebagai tebusan atau dihukum dengan selayaknya. Perlu diingatkan, mendera tahanan dengan sebarang bentuk adalah diharamkan sama sekali kerana ia adalah dilarang dengan nas yang jelas daripada Nabi Muhammad S.A.W. Begitu juga kita diminta untuk memberi keamanan terhadap utusan yang dihantarkan oleh pihak musuh.

⁴³ Muhammad Husain Haikal: As-Sadiq Abu Bakar, 303.

Justeru, hendaklah para pimpinan mengambil berat akan siapakah golongan yang perlu diperangi. Tentu sekali golongan yang lemah seperti perempuan, kanak-kanak, golongan yang dungu, golongan tua, orang buta, rahib, orang yang teraniaya dan golongan hamba yang didapati tidak bersama-sama dengan golongan kafir yang memerangi golongan muslim. Demikian adalah kerana mereka adalah dianggap golongan yang lemah yang kebiasaannya tidak bersama di dalam peperangan.⁴⁴

Berbanding dengan golongan yang berperang, keadaan mereka adalah samada dibunuh atau ditahan sehingga ketua negara meletakkan ketetapan untuk mereka. Jika mereka mengucapkan sesuatu kalimah yang menunjukkan keislaman mereka, mereka akan dibebaskan serta-merta.

Hukum hakam sebegini adalah umum kepada setiap peringkat pejuang musuh, unit-unit mereka, kedudukan kem-kem pejuang mereka dan mana-mana pejuang yang bersekongkol dengan mereka dan di mana-mana sahaja. Ini adalah sebagaimana yang disabda oleh Rasulullah s.a.w.:

أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولَ اللَّهِ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ فَإِذَا فَعَلَ ذَلِكَ عَصَمُوا مِنْ دِمَائِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ.."

Maksudnya: "Aku diarahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka menyebut Tiada tuhan melainkan Allah dan Rasulullah adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang dan membayar zakat. Maka apabila mereka melakukan yang sedemikian itu maka darah dan harta mereka itu adalah terpelihara ..."

Muttafaqun 'alaih

Sebaliknya kita mendapati bahawa Rasulullah s.a.w. melarang membunuh musuh yang mengucap dua kalimah syahadah. Kedapatan riwayat Imam Muslim menerangkan perkara ini:

⁴⁴ Dr. Abdullah Abdul Rasyid, Al-Qiadah Al-Askariah fi Ahdi Rasulillah s.a.w, 99-101.

عَنِ الْمُقْدَادِ بْنِ الْأَسْوَدِ أَنَّهُ قَالَ أَرَأَيْتَ إِنْ لَقِيتُ رَجُلًا مِنَ الْكُفَّارِ فَقَاتَلَنِي فَضَرَبَ إِحْدَى يَدَيَّ بِالسَّيْفِ فَقَطَّعَهَا ثُمَّ لَادَ مِنِّي بِشَجَرَةٍ فَقَالَ: أَسْلَمْتُ لِلَّهِ ! أَفَأَقْتُلُهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ بَعْدَ أَنْ قَالَهَا ؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَقْتُلْهُ ! قَالَ : فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ قَدْ قَطَعَ يَدَيَّ ثُمَّ قَالَ ذَلِكَ بَعْدَ أَنْ قَطَّعَهَا، أَفَأَقْتُلُهُ ؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَا تَقْتُلْهُ . فَإِنْ قَتَلْتَهُ فَإِنَّهُ بِمَنْزِلَتِكَ قَبْلَ أَنْ تَقْتُلْهُ.

Maksudnya: Dari Al-Miqdad bin Al-Aswad bahawa beliau berkata “Apakah pandangan kamu (wahai Rasulullah) jikalau saya bertemu seorang lelaki di kalangan orang-orang kafir yang memerangiku, mencantas salah satu daripada tanganku dengan pedangnya lalu memotongnya kemudian dia tersandar ke sepohon pokok seraya berkata: “Aku telah masuk Islam.” Apakah boleh aku membunuhnya wahai Rasulullah?. Bersabda Rasulullah s.a.w.: “Kamu tidak boleh membunuhnya.” Kata (Al-Miqdad lagi): “Kataku: “Wahai Rasulullah dia telah memotong tanganku kemudian dia telah berkata sedemikian (perkataan Islam) selepas daripada memotongnya, adakah boleh aku membunuhnya?” Bersabda Rasulullah s.a.w.: “Kamu tidak boleh membunuhnya. Jikalau engkau membunuhnya maka (beringatlah) dia adalah sama kedudukan dengan kamu sebelum daripada dia dibunuh.”

Sohih Muslim

Namun begitu, jikalau negara musuh menginginkan kedamaian dan menolak peperangan. Islam mengarahkan kepada penganut agama Islam agar bersama-sama memastikan unsur-unsur kesaksamaan dan keadilan ditegakkan. Firman Allah S.W.T:

﴿ وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلَامِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴾

Maksudnya: Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Al-Anfal: 61.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 KESIMPULAN

Pejuang merupakan satu simbol keselamatan dan halatuju kepada satu organisasi yang besar. Maka, etika yang perlu ada kepada mereka adalah berikut nilai-nilai asas pejuang iaitu; keteguhan jiwa, mengingati Allah, ketaatan kepada Allah dan Rasulullah, kesatuan di dalam barisan dan kesabaran.

Ini adalah berbeza sama sekali dari pandangan ahli sosiologi tentera; Rubinstein dan Foster yang berpandangan bahawa pejuang merupakan simbol ekonomi dan kebendaan semata-mata. Justeru itu, etika pejuang bagi mereka adalah yang berdasarkan kepada benda semata-mata.⁴⁵

⁴⁵ Rujuk: "The Social Dynamics of Peace and Conflict, Culture in International Security" karya Robert A. Rubinstein dan Mary Le Con Foster, terbitan Westview Press, m/s: 28. Mereka menyebut:

"A recurrent theme in the anthropological literature is that all social behaviour has all social behaviour has a symbolic dimension. Although warfare and the construction of peaceful social relationships have much to do with considerations of economics and material force, they also have symbolic aspects that must be taken into account in order to resolve conflicts, avoid war or maintain an established peace."

Manakala bagi ketua pejuang, mereka adalah pemimpin kepada simbol-simbol para pejuang. Bahkan, mereka adalah perwakilan kepada mereka. Oleh itu, para ketua pejuang memerlukan nilai-nilai tambah kepada nilai-nilai asas yang disebutkan tadi. Nilai-nilai tambah ini adalah keberanian, kepimpinan melalui tauladan, keprihatinan, keperwiraan dan kesepakatan.

Taraf ketua pejuang yang lebih tinggi dari para pejuang yang biasa tidaklah meletakkan mereka setaraf dengan para dewa-dewi Hindu, para wira Monggolia dan tokoh-tokoh Kapitalis Barat yang disanjung sehingga dibuat patung bagi memperingati mereka. Bahkan, di dalam perspektif Islam, mereka ini hanyalah wakil-wakil yang terkehadapan untuk mencapai matlamat agama, bangsa dan negara.

Begitu juga, para perisik mempunyai tugas yang besar terhadap pergerakan para pejuang. Kewujudan mereka akan menentukan kejayaan tindakan-tindakan para pejuang. Melalui konsep 'Muhasabah' dan nilai bersiap siaga setiap pergerakan musuh adalah konsep asas yang menentukan kejayaan sesuatu operasi, kegiatan dan program yang dijalankan.

Dengan maklumat yang ada ini, segala kedudukan para pejuang di tempat yang ditetapkan kepada para pejuang dapat dianalisa secara mendalam. Lantaran itu, pergerakan para pejuang yang meliputi kemaraan dan pengunduran pejuang adalah bersandarkan kepada strategi, kemaslahatan dan keselamatan para pejuang secara kolektif. Pengunduran mereka merupakan strategi. Ini adalah berbeza dengan sikap melarikan diri dari medan perang adalah dilarang keras.

Di dalam bab keenam, saya ringkaskan di sini bahawa dua nilai yang utama di dalam penggabungan antara para pejuang iaitu penggabungan yang berasaskan tautan ukhuwwah Islamiah (persaudaraan Islam) dan tautan menginginkan pendamaian. Kedua-dua ini adalah asas penting bagi kerangka perpaduan dan kesatuan.

Dengan dua asas ini akan membentuk beberapa prinsip dan dasar terhadap negara yang bermusuhan. Prinsip ini hanya dapat dilaksanakan jikalau negara Islam benar-benar kuat yang meletakkan dasar dan prinsip di persada dunia. Jikalau sebaliknya, pertahankanlah agama Islam dengan segala kekuatan yang ada.

5.2 CADANGAN

Kajian ini telah melalui sudut yang melibatkan aspek etika dan strategi yang berkait rapat secara langsung ketenteraan Islam. Selepas menelitik sebaik-baiknya segala dapatan kajian, beberapa persoalan pula timbul yang menimbulkan pelbagai cadangan.

5.2.1. Justifikasi Moral.

Jika kajian ini lebih tertumpu kepada organisasi atau kumpulan yang besar, bagaimana pula dengan peringkat individu? Peringkat individu adalah lebih tertumpu kepada memikirkan diri berbanding orang lain. Strategi organisasi adalah berkait rapat dengan faedah dan kemaslahatan umum. Bagaimana pula faedah dan kemaslahatan diri sendiri?

Semua persoalan ini adalah berkait rapat dengan justifikasi moral yang lebih melihat kepada motif, tindakan dan kesan. Saya sentuh secara ringkas perkara ini di dalam 2.2. FALSAFAH NILAI DAN AKHLAK. Namun, perbincangan ringkas ini tidak memadai yang memerlukan kepada kajian yang lebih mendalam. Jawapan Islam terhadap justifikasi moral memang kedapatan di dalam bahan-bahan ilmiah. Justeru, justifikasi moral Islam perlu disusun lebih baik bagi mencakupi tiga pembahagian penting iaitu motif, tindakan dan kesan.

5.2.2. Methodologi kajian dibuka lebih luas.

Kajian ini lebih tertumpu kepada sumber Al-Quran, As-Sunnah, Sirah, amalan para sahabat dan mazhab-mazhab utama yang mencakupi era nabi Muhammad saw sehingga tabi'e tabi'en. Jikalau methodology dibuka kepada bentuk yang mencakupi ilmu sejarah, pendekatan yang lebih moden dan terkini, membincangkan aplikasi strategi di zaman sekarang, ia adalah lebih sesuai dan mudah untuk diaplikasi bagi para profesional tentera di dalam Angkatan Tentera Malaysia. Bahkan, ia adalah lebih menarik perhatian kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan keselamatan negara.

5.2.3. Pengkaji berlatar belakang tentera.

Jikalau golongan profesional tentera menulis kajian dan strategi tentera bagi kegunaan ATM, akan lebih membuka ruang yang luas kepada analisis terkini. Penulis menyedari antara kekangan dari mendapat fakta adalah kerana penulis tiada latar belakang tentera. Saya sudah cuba sedaya upaya untuk mendapat fakta dan data dari pihak tentera. Kesemua mereka menyatakan segala maklumat adalah dikategorikan SULIT, RAHSIA dan RAHSIA BESAR. Malah, penulis terpaksa mengharungi laluan sukar gara-gara pengurusan ketenteraan adalah terlalu ketat.

5.2.4. Kursus penerapan nilai-nilai Islam.

Kajian ini begitu penting kepada organisasi yang menekankan aspek disiplin dan strategi. Kajian ini boleh dijadikan teras dan kod etika kepada pemantapan kursus-kursus badan beruniform. Modul-modul latihan boleh digarap berdasarkan nilai-nilai murni yang telah digariskan di dalam kajian ini. Jika diteliti deretan nilai-nilai di dalam halaman KANDUNGAN (pada halaman v, vi dan vii) ia boleh menjadi kerangka penerapan nilai-nilai Islam kepada mereka.

5.3 KESIMPULAN

Jika segala nilai-nilai yang disenaraikan dapat diterapkan di dalam organisasi ketenteraan, tentu sekali dapat mempertingkatkan tahap pengibadatan kepada Allah melalui gerak kerja sebagai tentera muslim. Dengan cara ini, gerak kerja mereka terarah kepada keredhaan Allah. Disamping itu, ia dapat mengetengahkan keutuhan keselamatan negara melalui persediaan mental dan psikologi dalam ketenteraan dan aspek-aspek keselamatan di dalam sistem pertahanan negara.

Akhir kalam, apa yang saya tulis di sini merupakan beberapa konsep dan prinsip kejayaan. Namun harus diingatkan, kejayaan merupakan anugerah dari Ilahi. Jika inginkan kejayaan, berusahalah dan sandarkan pengharapan kepadaNya. Moga-moga setiap langkah perjuangan kita merupakan langkah orang-orang yang berjaya. والله أعلم

BIBLOGRAFI

- Al-Quran al-Karim
- Abdul Rahman Aroff, (1988). *Pengenalan Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdul Rahman Abdul-Kareem al-Sheha, (2007). *Islam is the religion of peace*. New York: IslamLand.
- Abdul Malik Hisyam, (1997). *As-Sirah*. Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abdul Rahman as-Suhailiy, (1997). *Al-Raud al-Unf fi tafsir al-Sirah*. Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Abdullah Muhammad, (1990). *Al-Qiyadah al-Askariyyah fi 'ahdi al-Rasul*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ahmad Shu'aib, (279H). *Sunan An-Nasa'i*. Kaherah: Al-Matba'ah Al-Misriyyah.
- Al-Mawardi, (1995). *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah wa al-Wilayat ad-Diniyyah*. Bairut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Al-Mubarak Muhammad Al-Athir Al-Jazari, Abdul Salam (ed.) (1997), *Jami' al-Usul fi Ahadith al-Rasul*. Bairut: Al-Maktabah Al-Tujjariah.
- Anwar Jundiy, (1987). *Al-Mu'allamah al-Islam*. Kaherah: Al-Maktabah Al-Islamiy.
- Ibnu Hajar al-Asqalaniy, (1997). *Fath al-Bariy Syarh Sohih Bukhari*. Bairut: Dar al-Ma'arif
- Ibrahim al-Syirazi, (t.t.). *Al-Muhazzab fi fiqh al-Imam al-Syafi'e*. Kaherah: Matba'ah Isa al-Babiy al-Halabiy.
- Khoo Kheng Hor, (1997). *Applying Sun Tzu's Art of War in Corporate Politics*. Malaysia: Pelanduk.
- Muhammad Atiullah, (2008). *Etika Pejuang; Nilai Dan Akhlak Dalam Strategi*. Kuala Lumpur: Pusat Ilmu Jelatek.

- Muhammad Farh, (1998). *Al-Abqariyyah Al-Askariyyah fi Ghazwa al-Rasul*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘arabi.
- Muhammad Isa at-Tirmizi, (279H). *Jami’ At-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Khair.
- Muhammad Jamaluddin, (1976). *Al-Madkhal ila al-Aqidah wa al-Istratijiyyah al-Askariyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-I’tisom.
- Muhammad Khair Haikal, (1996). *Al-Jihad wa al-Qital fi al-Siyasah al-Syariyyah*. Bairut: Dar al-Biyaraq.
- Muhammad Husain Haikal, (1987). *As-Sodiq Abu Bakr*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- Muhammad Ismail Al-Bukhari, (256H). *Sahih al-Bukhari*. Bairut: Al-Matba’ah al-Khairiyyah.
- Muhammad Rasyid Redha, (1999). *Tafsir Al-Manar*. Bairut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Muhammad Umar al-Waqidiyy, (1966), Marson Johason (ed.). *Kitab al-Maqhazi*. London: Oxford
- Muslim Al-Hajjaj, (261H). *Sahih Muslim*. Kaherah: Matba’ah Bulaaq.
- Mustafa Ahmad Kamal, (1995). *Al-Madrasah al-Askariyyah al-Islamiyyah al-Ula al-Qiyadah wa al-fursan*. Mesir: Dar al-Fikr al-‘arabiy.
- Mustafa Diyb al-Bugha, (1998). *Nizam al-Islam fi al-Aqidah wa al-Akhlaq wa al-Tasyri’*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ramadhan Al-Butthi, (1997). *Fiqh al-Sirah An-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Islam.
- Rubinstein, R. & Mary, F. (t.t.). *The Social Dynamics of Peace and Conflict Culture in International Security*. New York: Westview Press.
- Said Hawwa, (1990). *Ar-Rasul*. Kaherah: Dar al-Islam.
- Sawyer, R. (1995). *Sun Tzu Art Of War Translated With A Historical Introduction*. Britain: Westview.
- Sivachandralingam Sundara Raja (2001), *Tamadun Dunia (2nd ed)*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Sulaiman Al-Asy’ath, (275H). *Sunan Abi Daud*. Bairut: Matba’ah as-Sa’adah.
- Syauqi Abu Khalil (2002), *Atlas al-Sirah al-Nabawiyyah*, Damsyik: Dar al-Fikr.

- Tsai Chih Chung, (2008). *Madah Sun Tzi; Strategi Berperang*. (Hoo Ling, Terjemah). Singapore: Asia Pac.
- Umar Al-Qurtubi, (1939). *Al-Isobah fi Tamyiz As-Sohabah*. Kaherah: Al-Maktabah at-Tujariyyah al-Kubra.
- Wahbah Az-Zukhaily, (1998). *At-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Yahya Syarf An-Nawawi, (1998). *Syarh Sohii Muslim*. Bairut: Dar al-Khair.
- Yusof Al-Qardhawi, (2002). *Al-Islam wa al-'Unf Nazarat at-Ta'siliyyah*. Kaherah: Dar Al-Syuruq.